

amanat tun dr. ismail

dari dokumentasi

A. KARIM HAJI ABDULLAH

20030 *

Diterbitkan oleh:
PUSTAKA BUDAYA AGENCY
bagi pihak
PERGERAKAN PEMUDA UMNO
TEMERLOH TIMUR,
PAHANG.

M
957.5
15M

92002

AMANAT TUN DR. ISMAIL

Cetakan Pertama — 1974.

Dicetak oleh
Percetakan Abadi Sdn. Berhad,
Petaling Jaya, Selangor.
Harga \$3.00

I S I

	Halamaa	
YANG DITINGGALKANNYA KEPADA KITA - - - -	1	
PERJUANGAN GPMS ADALAH SEBAHAGIAN DARI PERJUANGAN NASIONALISM MELAYU - - - -	4	
UMNO TERAS POLITIK MELAYU TERAS NEGARA - - - -	14	
LANGKAH MENENTANG INFLASI - - - -	21	
SEBAGAI SEORANG MANUSIA SAYA ADALAH SEORANG 'OPTIMIS' - - - -	41	
PEMUDA MENJADI PELUPUR PEMBINAAN JUARA SUKAN PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN BUMIPUTRA MENJAYAKAN DASAR EKONOMI BARU - - - -	51	
PERANAN KESATUAN SEKERJA DALAM MELAKSANAKAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA - - - -	61	
PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA - - - -	75	
PENIAGA MELAYU MESTI TAHAN LASAK - - - -	80	
MENYEDIAKAN PEMIMPIN MASA HADAPAN - - - -	94	
BELIA YANG BERJAYA IALAH BELIA YANG BERTANGGUNGJAWAB - - - -	104	
TINDAKAN BARU PEMUDA DAN WANITA UMNO - - - -	114	
PELAJARAN MEMPUYAI KEPENTINGAN ULUNG DI NEGARA INI - - - -	131	
SENIMAN ADALAH SUMBER KEBANGAAN SESUATU NEGARA PEMIMPIN, PIMPINAN DAN PERANAN WANITA UMNO - - - -	144	
USAHA-USAHA DAKWAH DAPAT MENGUBAH SIKAP HIDUP - - - -	154	
MEMASUKI SATU ERA PERJUANGAN BARU - - - -	164	
UDA RAKAN YANG BERGIAT DALAM PEMBANGUNAN - - - -	174	
UMNO: PENTING MENENTUKAN OBJEKTIF KITA DARI MASA KE MASA - - - -	174	
PERANAN BELIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA - - - -	184	
MENUJU MATLAMAT BARU DI LAPANGAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN - - - -	194	

Malipon: K.L. 28338

TOH PUAN NORASHIKIN

22, JALAN MAXWELL,
KUALA LUMPUR 11-01,
MALAYSIA.

5hb Mac, 1974.

Pencik Abdul Aziz Salehuddin,
Ketua Pergerakan Pemuda UMNO
Negeri Pahang Temerloh Timur,
Lot 119,
Jalan Pejabat Pos Kuantan,
Pahang.

Tuan,

PIDATO-PIDATO ALLAHYARHAM
TUN DR. ISMAIL

Surat tuan bertarikh 27hb Februari, 1974 di rujuk-
kan.

Saya mengucapkan terimakasih di atas usaha-usaha
tuan-tuan sekalian itu dan diharapkan beroleh kejayaan
jaya.

Dengan ini sukacitalah saya menyampaikan persetujuan
untuk tuan menerbitkan buku mengandungi ucapan-
ucapan dan pidato-pidato Allahyarham suami saya.



(Toh Puan Norashikin Ismail)

KATA-KATA ALUAN

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia

Daya usaha Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh Timur menerbitkan buku pidato-pidato Allahyarham Tun Dr. Ismail adalah satu usaha yang baik sekali untuk mengenang perjuangan dan jasa-jasa Allahyarham.

Sempena dengan terbit buku ini, saya ingin menyampaikan sepatah dua kata sebagai penghargaan saya terhadap Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh Timur yang sentiasa menghargai dan mengenang orang-orang berjasa di negara kita.

Sesungguhnya, dalam arena politik di Tanahair kita, nama Allahyarham Tun Dr. Ismail adalah sebagai seorang pemimpin yang disegani dan lambang kemegahan negara.

Sifat-sifat Allahyarham yang sentiasa tegas, pendirian yang tegoh, kata-katanya yang penuh erti memberi kita inspirasi-inspirasi dalam membentuk Malaysia yang terdiri dari berbilang bangsa kepada sebuah negara bersatu di bawah satu bendera.


Saya sendiri adalah amat tertarik dengan kewibawaan Allahyarham Tun Dr. Ismail dalam menjadi seorang pemimpin. Kata-kata beliau yang penuh semangat dan erti sering saya ulangi dalam ucapan saya.

Amanat beliau 'bahawa politik negara mesti berteraskan politik Melayu untuk jenerasi akan datang' adalah satu kenyataan dan tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak.

Begitu juga tentang amanahnya 'bahawa pemuda adalah merupakan satu force yang boleh membangunkan negara atau sebaliknya' adalah satu perkara yang benar sekali kerana tenaga pemuda amat diperlui dalam sesebuah negara yang membangun.

Dengan adanya buku ini, saya berharap bukan sahaja ianya akan menjadi satu kenangan tetapi akan dapat mengembangkan idea-idea dan buah fikiran Allahyarham untuk pegangan jenerasi yang akan datang.

Semoga Allah cucuri rahmat ke atas rohnyanya.



(DATO' HAJI HARUN BIN HAJI IDRIS)

11hb Mac, 1974.

KATA PENDAHULUAN

Bismillah-hir-rah-man-nirahim.

Kami mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayahNya membolehkan pihak kami menerbitkan buku yang diberi nama "Amanat Tun Dr. Ismail", yang mengandungi sebanyak dua puluh satu ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan bahawa Allahyarham Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang negarawan dan putera terbesar tanahair dan jasa-jasa Allahyarham tetap akan dikenang dan diabadikan dalam sejarah negara kita. Sebagai seorang pemimpin politik, Allahyarham semasa hayatnya banyak membuat ucapan, baik di dalam negeri mahupun di luar negeri, baik di dalam Parlimen atau di luar Parlimen. Dan tidak syak lagi bahawa ucapan-ucapan Allahyarham dalam beberapa upacara dan peristiwa bersejarah merupakan kata-kata sakti yang dapat dijadikan bahan pemikiran untuk semua pihak, baik dari angkatan lama dan angkatan baru dan perlu pula diabadikan untuk jenerasi akan datang. Memang benarlah apabila dikatakan bahawa sejarah tamaddun manusia itu adalah satu sejarah dari rangkaian peristiwa-peristiwa yang pada umumnya dipengaruhi oleh pidato-pidato yang berkesan.


Usaha kami menerbitkan buku "Amanat Tun Dr. Ismail" ini ialah sebagai satu usaha murni mengenang jasa tokoh dan negarawan tanahair kita itu. Ucapan-ucapan yang termuat dalam buku ini hanya merupakan sebahagian dari ucapan-ucapan yang banyak yang pernah diucapkan oleh Allahyarham, baik dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Kami mengharapkan bahawa pada masa akan datang ada usaha dari pihak lain pula dapat

mengumpulkan semua pidato Allahyarham itu untuk dapat diabadikan dalam sebuah buku yang besar.

Pernah seorang pemimpin besar mengatakan bahawa bangsa yang besar ialah bangsa yang tahu menghargai jasa-jasa pahlawan-pahlawannya. Kalau kita perhatikan kepada negara-negara yang maju, maka kita akan dapati bahawa nama-nama tokoh yang berjasa dalam berbagai-bagai lapangan itu diabadikan dengan berbagai cara — dengan mendirikan tugu, mendirikan bangunan dengan mengambil sempena nama tokoh-tokoh itu, mengadakan yayasan dan sebagainya. Maka atas kesedaran inilah, Pergerakan Pemuda UMNO Temerloh Timur menerbitkan buku ini sebagai usaha mengenang jasa tokoh pemimpin kita.

Akhirkata, kami dengan ikhlasnya merakamkan penghargaan terimakasih kepada beberapa pihak yang mendorong kami menjaya cita-cita ini. Kepada Yang Berbahagia Toh Puan Norashikin, yang telah mengizinkan kami menerbitkan ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail ini. Kepada YAB Datuk Haji Harun Idris, kerana kata-kata aluannya, kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka kerana membenarkan kami memetik sebuah karangan "Yang Ditinggalkannya Kepada Kita" yang disusun oleh A.F. Yassin dari majalah "Dewan Masyarakat", Ogos 1973, kepada Sdr. Yusof Abdullah yang telah membantu menyemak teks dalam proses percetakan, kepada Sdr. Hamzah Muhammad yang membantu dalam penyusunan teknik dan akhirnya kepada Sdr. Abdul Karim bin Haji Abdullah yang menyusun dan menyerahkan dokumentasi ucapan-ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail ini.

Abdul Aziz Salehuddin,
Ketua Pergerakan Pemuda UMNO,
Bahagian Temerloh Timur,
Pahang.



Ad
234
235
236
237
238
239
240
241
242
243
244
245
246
247
248
249
250
251
252
253
254
255
256
257
258
259
260
261
262
263
264
265
266
267
268
269
270
271
272
273
274
275
276
277
278
279
280
281
282
283
284
285
286
287
288
289
290
291
292
293
294
295
296
297
298
299
300
301
302
303
304
305
306
307
308
309
310
311
312
313
314
315
316
317
318
319
320
321
322
323
324
325
326
327
328
329
330
331
332
333
334
335
336
337
338
339
340
341
342
343
344
345
346
347
348
349
350
351
352
353
354
355
356
357
358
359
360
361
362
363
364
365
366
367
368
369
370
371
372
373
374
375
376
377
378
379
380
381
382
383
384
385
386
387
388
389
390
391
392
393
394
395
396
397
398
399
400
401
402
403
404
405
406
407
408
409
410
411
412
413
414
415
416
417
418
419
420
421
422
423
424
425
426
427
428
429
430
431
432
433
434
435
436
437
438
439
440
441
442
443
444
445
446
447
448
449
450
451
452
453
454
455
456
457
458
459
460
461
462
463
464
465
466
467
468
469
470
471
472
473
474
475
476
477
478
479
480
481
482
483
484
485
486
487
488
489
490
491
492
493
494
495
496
497
498
499
500

YANG DITINGGALKANNYA KEPADA KITA

Oleh A.F. Yassin

DRANGNYA tegas tapi kurang bicara. Ketegasannya ini diakui oleh kawan dan lawan baik golongan radikal mahupun sederhana. Senyumnya mahal dan katanya itu putusannya. Dia seorang patriot bangsa, pejuang nasionalisma yang gigih. Dia mengakui dirinya optimis dan di sisi Tuhan dia hanya seorang hambaNya. Tun Perdana Menteri menganggap kematiannya sebagai 'kehilangan Tunggak kekuatan memimpin negara'.

Demikian Allahyarham Tun Dr. Ismail yang dalam lampiran sejarah meninggalkan cita-cita dan keyakinan politiknya, idea-ideanya tentang nation building dan konsep perjuangannya dalam kehidupan rakyat dan negara.

Baginya antara parti yang memerintah dan negara bertalian rapat: "parti itu ialah Kerajaan dan Kerajaan itu adalah parti; bahawa parti itu mesti memainkan peranan dan tugasnya dalam urusan-urusan pemerintahan; bahawa integration dari parti dan pemerintah mestilah padat dan serat-eratnya kerana kedua-duanya adalah indivisible, sebab destiny kedua-duanya tidak boleh dipisahkan." Kata-kata ini bergema di Dewan Bahasa dan Pustaka semasa Allahyarham merasmikan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada 29hb. Jun 1973 lalu.

Bererti parti dan Kerajaan adalah sinonimos dan setiap anggota parti bertanggungjawab terhadap Kerajaan dan parti. Demikianlah selepas peristiwa berdarah 13 Mei, 1969 Allahyarham Tun Dr. Ismail muncul semula menyahut panggilan

parti dan Kerajaan, menawar khidmat jasa menstabilkan negara: “. . . saya kembali ke arena politik kerana bangsa dan negara memerlukan tenaga saya . . . saya memasuki kabinet adalah dengan kehendak Tun Abdul Razak sendiri.”

Bagi negara keikhlasan Allahyarham menawar khidmat baktinya adalah bukti jiwa kepemimpinan dan rasa tanggungjawab yang diperlukan dan yang telah berdarah daging dalam diri Allahyarham sendiri. Katanya, “Tidak ada buku teks yang mengajar kita untuk memimpin atau untuk hidup, buku teks hanya penting dan berguna sebagai panduan, tetapi ujian dari teori-teori yang kita belajar dari buku mestilah dipaka kepada keadaan-keadaan yang konkrit, tidak ada jawapan yang standard kepada satu-satu problem kerana tidak ada problem yang standard dalam hidup.”

Tentang perjuangan kemerdekaan Allahyarham dengan jujur mengakui “. . . sekalipun, kemerdekaan telah dicapai oleh golongan yang moderate, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan itu . . . golongan lain juga ikut dalam perjuangan ini dengan cara masing-masing pula dan seluruh tenaga ini — dari golongan nasionalis yang radikal membawa kepada golongan yang sederhana — ikut menekankan pengaruhnya kepada kancah perjuangan itu hingga terlepaslah negara kita dari ikatan penjajah.”

Untuk mengisi kemerdekaan Allahyarham menyarankan agar semua golongan “mendasarkan kegiatan kepada programme dan action-oriented dan bukan pada issue-oriented . . . kerana saya sedar dalam menjalankan pentadbiran dan pemerintahan negara beberapa kelemahan dan kekurangan untuk memenuhi tujuan itu wujud, sebahagian daripadanya disebabkan faktor-faktor di luar kemampuan sendiri. Oleh yang demikian, mengambil satu-satu issue dan cuba menjolkan issue ini sebagai kegagalan Kerajaan merupakan aktiviti yang bertentangan dengan arus pembangunan, kerana Kerajaan

n akan sentiasa berpegang kepada prinsip dan dasar multi-racialnya."

Kepada pelajar-pelajar yang sama mengisi kemerdekaan Allahyarham berkata: "Adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya badan-badan penuntut yang sah serta diiktiraf, bebas memperjuangkan hal-hal yang bersangkutan dengan nasib penuntut. Tetapi adalah menjadi tujuan Kerajaan juga supaya badan-badan ini bebas dari tekanan, pengaruh atau diperalatkan oleh parti-parti politik secara langsung atau tidak langsung. Kerajaan menggalakkan penuntut-penuntut mempelajari politik dalam negeri dan keadaan yang bersangkutan dengan nasib bangsa dan masa depan negara. Dan adalah menjadi tujuan Kerajaan juga supaya penuntut-penuntut menitikberatkan pelajaran sebagai penuntut. Mereka seharusnya memenuhi peranan utama mencari ilmu dan memelakangkan soal menjadi anggota mana-mana badan politik ataupun kesatuan sekerja."

Dari segi ekonomi negara, untuk mengimbangkan penyerahan bumiputra dalam lapangan perniagaan Allahyarham mengingatkan "... mungkin ada orang memikirkan bahawa memasuki alam perniagaan ini semata-mata dengan menjadi seorang pengarah ataupun executive tanpa melibatkan diri dan bergiat mengetahui selok-belok perniagaan itu sendiri ... menjadi pengarah mungkin langkah pertama tetapi tidak semestinya menjadikan seseorang itu ahli perniagaan yang benar-benar berjaya. Telah menjadi satu amalan setengah-setengah orang kita menjadi pengarah perniagaan yang tidak berpikul-pikul banyaknya. Kepada orang-orang ini saya menyeru mereka mengkaji semula sikap ini dengan harapan ia tidak memberi gambaran tamak di kalangan bangsa sendiri ataupun supaya dipandang rendah oleh orang lain."

Tetapi tidak ada yang lebih meyakinkan rakyat selain dari optimisan Allahyarham terhadap perkembangan politik dalam dan luar negeri. Katanya: "Malaysia memasuki era baru dalam politik, dalam dan luar negeri. Di luar negeri

di bawah dasar bebas dan berkecuali, Malaysia termasuk dalam golongan negara-negara 'non-aligned' dan tidak mengikat diri dalam sebarang ikatan politik dan pertahanan dengan mana-mana kuasa. Dasar ini sungguhpun tidak begitu digemari oleh setengah-setengah pihak, akan tetapi untuk mencerminkan keperibadian bangsa Malaysia yang ingin hidup bebas dan berdaulat, kita akan terus berpegang pada dasar luar negeri tanpa bimbang dan takut."

"Mengenai dalam negeri pula parti pemerintahan Perikatan sekarang disokong oleh parti dalam Kerajaan Campuran telah mencapai peringkat kemajuan yang amat membanggakan. Inilah gabungan dari politik personaliti dan situasi. Sesungguhnya ada sebilangan orang di negara ini yang menjadi prophets of doom dan ada pula segolongan kecil yang menjadi agents of doom tetapi kita tidak gentar bahawa masalah hadapan kita adalah cerah dan penuh harapan."

Sebagai insan biasa Allahyarham tidak dapat memisahkan rasa jiwanya terhadap keindahan dan estetika sebagai santapan rohani. Maka itu, semasa merasmikan pameran senilukis jempunan di Balai Senilukis Negara 11hb. Oktober 1971 lah Allahyarham memberikan perhatian tentang seni sastranya: "... saya yakin kegiatan-kegiatan sastra serta seni lain akan membuka jalan baru dalam perkembangan kebudayaan Malaysia yang tidak saja berkembang di Malaysia sendiri, tetapi terpancar jauh ke negara-negara lain... kita tidak saja akan memberikan getah dan bijih dan kayubalak kepada dunia perindustrian, tetapi juga kita memberikan novel, dan sajak serta hasil-hasil seni lain kepada jiwa manusia."

Kini sebuah pelita telah padam untuk kemudian bersinar menjadi bintang di langit sejarah zamannya. Tiada siapa dapat menafikan keharuan yang menyentuh hati apabila menghadapi suatu kematian. Tetapi keharuan adalah emosi yang datang dan pergi menurut keadaan dan waktu. Manusia sebagai anak keadaan tidaklah sekadar terharu kalau ia benar

benar menghormati dan menghargai jasa seorang pemimpin. Ada yang lebih dari itu, yaitu berfikir secara rasional dan menimbang dengan bijaksana. Sifat rasional dan bijaksana dalam menghormati seorang pemimpin yang telah melakukan apa yang dapat dibuatnya untuk bangsa dan tanahair adalah menauladani dan menyambung apa yang menjadi cita-cita politik dan sosial pemimpin itu.

Dan yang lebih penting dari itu ialah melaksanakan idea-idea tentang kehidupan dan kemanusiaan dalam masyarakat upaya jurang yang "memisahkan antara promise dan performance yang masih luas dan ada kalanya hasil dari pelaksanaan dasar itu tidak sejajar dengan apa yang diharapkan" dapat ditimbusi.

Jika Allahyarham Tun Dr. Ismail diakui sebagai pemimpin yang tegas sebagai "Man of Principle", maka cubalah malikan sikap itu dan cubalah untuk diri kita dan tuntutan sikap yang sama kepada pemimpin-pemimpin kita yang berafas dalam politik.

Dan untuk kesekian kalinya bidal pusaka nenek moyang berdiri di tangga kebenarannya: Harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan namanya!

Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman ini dari Allah dia datang maka kepada Allah juga dia ujud tiba!

(Dipetik dari Majalah DEWAN MASYARAKAT, Ogos 1973)

**PERJUANGAN GPMS ADALAH SEBAHAGIAN
DARI PERJUANGAN NASIONALISM MELAYU**

(Diucapkan dalam upacara merasmikan Perayaan Jubli
Perak Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung
(GPMS) di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada
2hb. Ogos 1973. Inilah pidato terakhir Allahyarham)

PERAYAAN Jubli Perak GPMS yang bermula hari ini merupakan kemuncak pada satu babak perjuangan pelajar-pelajar yang telah dicetuskan sesuku abad yang lalu.

Saya sangat sukacita kerana dapat bersama-sama pada saat ini untuk turut merayakan perayaan yang besar ertinya, bukan saja kepada jenerasi yang telah mengasas dan memperjuangkan cita-cita GPMS, tetapi juga kepada jenerasi muda yang sedang dan akan meneruskan perjuangan GPMS ini.

Melihat dari semangat dan keazaman yang saudara buktikan hari ini saya yakin bahtera Gabungan ini akan terus dilayarkan untuk memasuki suku abad lagi bahkan seterusnya untuk mencapai matlamat yang dituju.

Saya masih ingat kepada kegiatan kumpulan mahasiswa di Universiti dan pelajar-pelajar di tiap-tiap negeri yang menjadi pemimpin GPMS mula meniupkan semangat untuk memperjuangkan cita-cita orang Melayu dalam alam pendidikan. Sesungguhnya, perjuangan GPMS pada hakikatnya adalah sebahagian dari perjuangan nasionalism Melayu yang bertindak dalam bidang pelajaran. Realiti ini tidak dapat dipisahkan kerana kunci kepada pembaikan pelajaran Melayu pada waktu itu adalah bergantung kepada kemerdekaan negara.

Di saat yang bersejarah ini dan dalam suasana penuh dengan semangat menoleh ke belakang untuk menganalisa usaha-usaha yang lepas dan memandang ke hadapan untuk mencapai matlamat yang lebih besar, GPMS khasnya dan

orang Melayu amnya patutlah mengenang akan jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh pemimpin GPMS; khususnya pada Saudara Aminuddin Baki yang sudah tidak ada lagi. Kita ingat bahawa beliau bersama dengan rakan-rakan lain, secara gigih menyuarakan kehendak dan keperluan pendidikan anak-anak Melayu, sehingga tergarislah program perjuangan GPMS untuk panduan bergerak.

Bidalan Melayu yang sering digunakan seperti, "Anak kera di hutan disusukan, anak kandung sendiri mati kelaparan", dan "Itik di air kehausan, ayam di kepuk kelaparan", masih kedengaran sayup-sayup.

Ini adalah cebisan daripada keluhan atau rintihan hati pelajar-pelajar Melayu di peringkat permulaan perjuangan GPMS.

Bersyukurlah kita bahawa dengan tercapainya taraf pemerintahan sendiri dan kemerdekaan, dengan keazaman daripada parti pemerintah serta pemimpin nasional, tokoh-tokoh GPMS serta alat jentera Kerajaan, sedikit demi sedikit issue-issue yang diperjuangkan oleh GPMS telah dapat dipenuhi dan diatasi.

Saya tidak dapat meletakkan kejayaan ini kepada satu-satu kumpulan, tetapi memadai kalau saya katakan bahawa ini adalah hasil daripada perjuangan kolektif, hasil dari perjuangan nasionalisme Melayu, sebagai nikmat dari kemerdekaan tanahair.

Tidak siapa dapat menafikan bahawa dalam perjuangan di masa lepas GPMS telah memberikan sumbangan yang tidak kecil dalam konteks pembangunan negara kita. GPMS dalam bentuknya yang tersendiri dan dalam menegakkan cita-cita negara telah dapat meniupkan semangat baru di kalangan orang-orang Melayu dan berjaya memberi kesedaran tentang kelemahan-kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam perkembangan pendidikan, setelah ditekan beberapa lama oleh penjajah.

Pada hari ini kita mendapati kedudukan pelajar Melayu

beberapa institusi pelajaran tinggi di negara ini, bukan saja kuantiti dan peratusnya bertambah, tetapi kualitinya dan jumlah institusi itu sendiri telah turut bertambah. Namun demikian, kita masih mengharapkan lebih ramai jumlah pelajar-pelajar Melayu lulus dengan kepujian di sekolah-sekolah menengah untuk melayakkan diri memasuki universiti. Dalam hubungan ini, GPMS mempunyai peranan penting. Salah satu daripada cita-cita yang diperjuangkan oleh GPMS khususnya pemimpin-pemimpin pada waktu itu ialah untuk mengadakan sekolah menengah Melayu bagi menyampung pelajaran anak-anak Melayu yang sebagaimana saudara-saudara ingat di zaman penjajahan dahulu hanya tamat sehingga sampai di darjah lima sekolah rendah saja.

Akan tetapi, pada hari ini, bukan sahaja kita telah mempunyai sekolah menengah aliran Melayu yang bertambah banyak, tetapi juga kemuncak kepada sistem pelajaran Melayu iaitu penubuhan sebuah Universiti Kebangsaan telah wujud, bahkan telahpun mengeluarkan siswazahnya sebagaimana yang telah saudara-saudara saksikan baru-baru ini.

Saya amat sukacita dan merasa bangga bahawa cita-cita yang telah diperjuangkan oleh GPMS telah banyak tercapai, sungguhpun tidak ada batasan dari kehendak-kehendak ini. Satu demi satu kemajuan diperincikan mengikut yang kita saksikan ini. Mudah-mudahan banyak lagi yang kita akan capai.

Memadailah dikatakan bahawa perkembangan pendidikan Melayu telah berjalan begitu lancar sekali sungguhpun kita menghadapi beberapa masalah termasuk aspek keciciran pelajar yang menjadi punca penting kemunduran orang Melayu dalam pendidikan.

Namun demikian, saya ingin menegaskan di sini bahawa perjuangan GPMS pada masa depan patutlah dikisarkan kepada soal membangun, khasnya memberikan kesedaran kepada ibubapa dan pelajar-pelajar Melayu sendiri tentang perlunya memperlengkap diri dengan ilmu pengetahuan sesuai dengan kemodenan dan pembangunan sehingga kita dapat

mencapai kemajuan dan masyarakat moden sejajar dengan kaum lain di dunia ini.

Saya percaya pemimpin-pemimpin GPMS pada masa ini patutlah mengadakan 'programme of action', 'mengidentifikasi problem yang dihadapi pelajar-pelajar Melayu baik bandar mahupun di luar bandar. Di samping menambahkan lagi kelas-kelas bimbingan yang bertujuan untuk menambah dan melengkapkan pelajar-pelajar menghadapi tugas dan tanggungjawab mereka, saya yakin masih ada lagi tempoh bagi kita menambahkan pusat-pusat pelajaran persendirian seperti Maktab Adabi dan lain-lain pertubuhan bagi menambatkan bilangan anak-anak Melayu yang berkelulusan seraya juga menjadi pusat-pusat bimbingan pelajaran baik pun pekan besar mahupun di pekan kecil di negara ini.

Saya harap dengan inisiatif yang telah diambil serta dengan perpaduan dan kebulatan fikiran ahli serta pemimpin GPMS sudah pasti akan dapat menghasilkan cita-cita dan tujuan yang lebih besar yang memberi kesan dan sumbangan terhadap negara dalam perkembangan pelajaran dan pendidikan rohani dan jasmani. Pihak Kerajaan akan bersedia memberikan sebarang bantuan untuk menjayakan program saudara-saudara. Sebagaimana yang saudara maklum, Kerajaan telah memberi bantuan sebanyak \$10,000 untuk bantuan kelas bimbingan bagi tahun 1972 dan sebanyak \$15,000 bagi tahun ini.

Kami bersedia untuk menambahkan bantuan ini apabila sahaja GPMS mempergiat usahanya dalam lapangan ini.

Mengambil sempena hari yang bersejarah ini, saya suka memberikan pendapat dan pandangan terhadap peranan pelajar dan belia di negara kita ini. Di masa-masa yang akhir ini kita bangga kerana dapat melihat kegiatan-kegiatan golongan belia yang bergerak dalam beberapa lapangan seraya dengan beberapa cara.

Saya sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa belia adalah satu 'force', satu tenaga yang kuat untuk membina negara.

ataupun sebaliknya yang boleh meruntuhkan negara.

Oleh sebab sebahagian besar daripada penduduk-penduduk negara kita ini terdiri daripada jenerasi muda dan mengingat bahawa corak negara kita ini ialah multi-racial, multi-cultural dan multi-religious, maka sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan adalah berdasarkan kepada perimbangan dalam bentuk dan konsepnya, sesuai dengan toleransi dan aspirasi nasional. Hakikat ini mestilah difahami benar-benar oleh semua golongan tua dan muda.

Sebagai sebuah negara membangun, kita sentiasa mengadakan rancangan sesuai dengan menifesto parti dan kehendak rakyat. Sekalipun kita mencapai kejayaan, tetapi kita juga menghadapi masalah yang seribu macam.

Masalah inilah yang sentiasa ditimbulkan oleh golongan pengkritik, sehingga menenggelamkan kejayaan kita di mata rakyat, seolah-olah tidak ada benda yang berubah semenjak kemerdekaan.

Dengan sebab itulah, kita mendapati pada hari ini tidak kurang issue dan platform terbuka di kemukakan untuk mendapatkan sokongan belia, khasnya, bagi apa-apa tujuan sekalipun. Issue seperti kemiskinan, kemunduran orang-orang Melayu, naik harga, beras tidak ada dan platform ugama telah dilancarkan untuk mendapatkan sokongan dan simpati belia khususnya dan masyarakat Melayu amnya.

Apa yang kita mesti teliti dan berjaga-jaga ialah supaya kita dan masyarakat umum tidak mudah terpengaruh dengan tektik seperti ini

Saya tahu dan Kerajaan juga tahu tentang adanya golongan yang menggerakkan tektik seperti ini di kalangan belia untuk mencari salah dan mengecilkan usaha Kerajaan. Hakikat ini telah menjadi prinsip kepada perjuangan kita untuk di masa ini dan di masa yang akan datang.

Kegiatan-kegiatan yang seperti ini adalah negatif dan boleh menimbulkan satu keadaan yang tidak menyenangkan, lebih-lebih lagi issue-issue yang dikemukakan adalah issue

yang sensitif, issue yang boleh meragukan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan dan kemampuannya untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat.

Saya sukalah menyatakan bahawa setiap golongan belia di negara ini patutlah mendasarkan kegiatan kepada 'programme' dan 'Action Oriented' dan bukan pada 'Issue Oriented'. Kami sedar bahawa dalam menjalankan pentadbiran dan pemerintahan negara kita mempunyai beberapa kelemahan dan juga kekurangan dalam memenuhi tujuan kita kerana sebahagian daripadanya disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar daripada kemampuan kita sendiri.

Oleh yang demikian, mengambil satu-satu issue dan cuba menonjolkan issue ini sebagai kegagalan Kerajaan merupakan aktiviti yang bertentangan dengan arus pembangunan kerana Kerajaan akan sentiasa berpegang kepada prinsip dan dasar multi-racialnya.

Saya berharap belia semua golongan mempunyai motivasi yang sama iaitu membina negara dan memberikan khidmat suci serta kerjasama sepenuhnya terhadap Kerajaan dalam usaha membina Malaysia yang bahagia dan makmur.

Seperti yang telah saya katakan tadi, Kerajaan bersedia memberi dan menambahkan bantuan untuk kegiatan pelajar sekalipun Kerajaan dikecam dengan penguatkuasaan Aktu Universiti.

Tahun ini sebanyak \$76,000 diberikan untuk kegiatan pelajar-pelajar dalam beberapa jenis kempen berbanding dengan \$40,000 yang diberikan tahun lepas.

Saya merasa syukur kerana Majlis pada hari ini menandakan permulaan Hari Perayaan Jubli Perak GPMS. Saya berharap semoga perayaan ini akan ditekankan kepada cita-cita memperjuangkan tujuan negara kerana kepada saudara-saudaralah terletaknya tugas memimpin negara bagi masa akan datang.

Sesuai dengan majlis perayaan ini juga saya dengan sukacitalah mengumumkan bahawa UMNO Malaysia, menerus

GPMS telah menderma sebanyak \$5,000 sebagai hadiah kepada pelajar-pelajar Melayu yang terbaik dalam peperiksaan di peringkat universiti dan sekolah-sekolah menengah dan rendah atas. Ini adalah sebagai usaha menggalakkan pelajar-pelajar Melayu maju dalam pelajaran.

Yang demikian, saya mengakhiri ucapan ini dengan mengucapkan selamat GPMS merayakan Jubli Perak. Dengan ini juga saya dengan sukacita mengisytiharkan pembukaan perayaan ini.

UMNO TERAS POLITIK MELAYU TERAS NEGARA

(Diucapkan dalam upacara merasmikan Sidang Bersan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahad dan Pustaka pada hari Jumaat 29hb. Jun, 1973)

ALHAMDULILLAH, dengan taufik dan hidayat Tuhan Yang Maha Kuasa, saya dapat hadir bersama-sama dalam Majlis ini untuk merasmikan Pembukaan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

Inilah kali kedua saya mendapat kehormatan yang seperti ini dan saya yakin dengan perjumpaan ramai antara pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO serta semua lapisan Pergerakan Pemuda dan Wanita akan dapat membaharui azam dan menggembelingkan tenaga dengan tujuan untuk membela kepentingan orang Melayu, rakyat Malaysia dan kepentingan Negara.

Sesungguhnya saya mengucapkan terimakasih di atas kepercayaan yang diamanahkan kepada saya. Kepada saudara-saudara sidang perwakilan sekalian yang datang dari jauh dan dekat dan dengan penuh minat untuk hadir di Persidangan ini, saya ucapkan selamat datang.

Dari wajah saudara-saudara ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO yang hadir di Dewan ini, saya nampak satu sikap yang bersemangat serta mencerminkan keazaman yang sungguh-sungguh untuk menghadapi satu lagi zaman baru bagi parti dan negara kita.

Sidang kali ini adalah penting kerana di bawah Perlembagaan UMNO yang baru, kita perlulah memperkukuhkan kedudukan parti, memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap parti, menyatupadukan tenaga untuk memasuki 'phase' perjuangan yang kian hebat.

Setahun telah berlalu dan saya dapati suasana baru telah timbul di kalangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

Bagi Pergerakan Wanita khususnya, saya rasa sukacita kerana di bawah pimpinan Saudari Senator Aishah Ghani yang telahpun dilantik menjadi Menteri berikutan dengan pemilihan beliau sebagai Ketua Pergerakan Wanita, telah meneruskan program kerja untuk menuju peringkat baru untuk menggembelingkan tenaga wanita dan menyatukan hasrat serta minat mereka terhadap pembaikan kaum sejenisnya.

Perubahan yang berlaku di dalam Pergerakan Wanita UMNO sangatlah menarik, istimewa sekali menunjukkan dengan jelas bahawa semangat kerjasama yang mendalam telah timbul dalam pergerakan tersebut. Pada hemat saya kepercayaan dan keyakinan mula diberi penuh kepada pucuk pemimpin untuk menentukan haluan pergerakan ini di masa depan.

Saya percaya dengan sokongan dari setiap ahli Pergerakan Wanita yang lama dan yang baru, ia akan bergerak maju ke hadapan untuk mengukir sejarah perjuangan yang cemerlang dengan menambahkan aktiviti yang boleh memberikan manfaat kepada seluruh golongan wanita di Malaysia ini.

Dalam pada itu, saya masih ingin menekankan perihaknnya pergerakan ini mendapatkan golongan-golongan terpelajar wanita terutama jenerasi muda supaya melibatkan diri di dalamnya dengan diberi kursus politik kerana mereka boleh memberikan tenaga memimpin, buah fikiran dan jug pendapat-pendapat yang boleh membantu terhadap kemajuan Pergerakan Wanita.

Saya yakin golongan-golongan wanita terpelajar telah bertambah ramai, tetapi minat mereka terhadap pergerakan politik masih kurang.

Hal ini mungkin disebabkan kurangnya usaha bagi mendapatkan mereka itu masuk melibatkan diri ataupun kerana tidak ada satu-satu daya penarik yang boleh menarik mereka menyertai pergerakan seperti ini.

Wanita-wanita muda dan juga belia perlulah mengimbangkan pemikiran mereka daripada hal-hal hidup sehari-hari dan bersosial kepada soal-soal yang lebih serius, soal masyarakat dan negara.

Saya yakin dengan program tertentu, wanita muda seperti ini akan dapat ditarik menyertai pergerakan ini dan mungkin kekurangan tenaga memimpin di kalangan pergerakan wanita biasanya luar bandar akan dapat diatasi.

Menyentuh tentang Pergerakan Pemuda pula, saya sukacita dengan perkembangan yang berlaku dalam pergerakan yang telah menampakkan tanda-tanda perubahan dan perkembangan yang baik. Secara terus terang saya akui telah membuat teguran-teguran dari masa ke semasa terhadap pergerakan pemuda kerana pada hemat saya imej yang ditunjukkan oleh pergerakan ini seperti yang ditonjolkan dalam akhbar-akhbar telah menimbulkan keraguan serta kebimbangan di kalangan rakyat Malaysia.

Saya berpegang teguh dengan konsep bahawa pemuda-pemuda jenerasi sekarang yang bakal mewarisi pimpinan negara di masa depan perlulah menunjukkan imej atau sikap yang bertanggungjawab, sikap yang mendapat keyakinan dari seluruh rakyat negara ini oleh sebab kita tidak dapat melupakan hakikat bahawa negara ini bukan dipunyai oleh orang Melayu saja, tetapi semua golongan rakyat Malaysia yang telah memberikan taat setia dan sumbangan terhadap negara.

Dari teguran-teguran yang telah saya buat dari masa ke masa dan dengan pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin Pergerakan Pemuda, telah tercapai persefahaman bahawa pergerakan ini akan menumpukan usahanya berpegang-sungguh bagi memberikan keyakinan dan mengelakkan rasa bimbang berpandukan kepada konsep yang telah saya gariskan itu.

Saya sukacita dengan keputusan pergerakan pemuda yang telah mengadakan dialog secara tidak rasmi dengan golongan pemuda parti gabungan dalam Perikatan seperti MCA dan

MIC untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi parti dan hubungannya dengan masyarakat dan negara umumnya.

Saya berpendapat dengan pertemuan yang seperti ini sungguhpun ada 'fundamental issues' yang tidak mungki mencapai kata sepakat, setidaknya-tidaknya perbincangan akan mendorong kepada pengertian luas atas pendapat dan perkiraan masing-masing pihak sekalipun mereka 'agree to disagree'.

Perbincangan yang seperti ini boleh juga diadakan dengan parti-parti lain dalam 'front national' terutama di negeri-negeri yang tergolong dalam Kerajaan Campuran. Dengan perbincangan seperti itu dapatlah menentukan strategi bagaimana membela kepentingan rakyat dalam rangka masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Politik Malaysia telah menjadi begitu kompleks. Dari segi politik dan dengan pembentukan 'front national' serta wujudnya Kerajaan Campuran di beberapa buah negeri dan peringkat pusat, pertentangan politik tidak lagi ditekankan kepada pertentangan antara parti dengan parti, tetapi yang terpenting ialah di antara parti Pemerintah dengan rakyat yang dipimpinnya.

Saya yakin tidak ada seorang pun rakyat yang boleh menuduh bahawa dasar yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang adalah bertentangan dengan kehendak mereka. Ini meliputi dasar ekonomi, dasar luar negeri dan dasar dalam negeri. Akan tetapi, kita sedar bahawa jurang yang memisahkan antara 'promise and performance' masih luas dan ada kanya hasil dari pelaksanaan dasar itu tidak sejajar dengan apa yang diharapkan.

Namun demikian, adalah menjadi tugas parti Pemerintah untuk memperlihatkan bagaimana jentera Kerajaan melaksanakan dasar yang telah digariskan oleh parti dari masa ke semasa dan membuat analisa serta memajukan pendapat yang boleh membantu bagi mengarah dan menyempurnakan

pelaksanaan dasar itu.

Ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita bahkan seluruh parti tidak lagi dapat memisahkan diri dengan pelaksanaan dasar itu. Setiap ahli parti tidak lagi dapat berdiri di atas pagar memerhati dan membiarkan rancangan-rancangan kerajaan berjalan tanpa menuju matlamatnya.

Dalam hubungan ini, tidaklah memadai dengan kita memenyai wakil-wakil sahaja di semua peringkat.

Pelibatan diri di segi penyertaan pelaksanaan dan peranan adalah diperlukan. Tetapi, sikap yang senantiasa tekankan ialah sikap yang meliputi kepentingan semua — 'national in outlook'.

Dalam menghadapi masaalah rakyat, saya faham bagaimana tingginya harapan rakyat oleh sebab tujuan kita ialah memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup dan matlamat kita ialah untuk meninggikan taraf hidup serta berusaha ke arah memenuhi hasrat-hasrat rakyat dari segi kepentingan ekonomi dan sosial serta harapan mereka untuk menjadi masyarakat maju serta moden.

Selain daripada ahli-ahli parti, peranan yang dimainkan oleh setiap wakil rakyat sangatlah penting.

Dalam hubungan ini saya sukalah membuat teguran yang jelas terhadap wakil-wakil rakyat yang telah diberikan amanah untuk menyempurnakan kehendak-kehendak rakyat, tetapi setengahnya telah gagal untuk berbuat sesuatu, sekalian untuk menunjukkan muka berhadapan dengan rakyat yang mereka wakili dan melayani kehendak-kehendak mereka.

Ini adalah satu perkara yang amat dikesalkan dan saya harap dari tempoh sekarang sehingga kita menghadapi rakyat dalam pilihanraya yang akan datang, yang saya kira tempohnya tidak lama lagi, wakil-wakil rakyat hendaklah menyedari peranan dan tanggungjawab mereka, sedar bahawa parti meletakkan kepercayaan di atas mereka dan membuat perhitungan sendiri bagaimanakah cara sebaik-baiknya me-

nyempurnakan kehendak dan tuntutan rakyat terhadap Kerajaan.

Sungguhpun parti pasti mengambil langkah-langkah teguh menggantikan wakil-wakil rakyat yang tidak berbakti kepada pengundi-pengundi, namun demikian mereka yang telah dipilih dan sedang berkhidmat ini mempunyai tugas yang tidak boleh diabaikan untuk menjamin kepentingan parti terhadap orang ramai.

Saya berharap sehingga perubahan berlaku sebelum pilihan raya, setiap wakil rakyat, setiap mereka yang diamankan oleh rakyat dan parti akan menunaikan kewajiban dengan penuh disiplin dan penuh kesedaran bahawa sumbangan yang mereka berikan itu sekalipun kecil adalah besar ertinya kepada rakyat biasa.

Malaysia memasuki era baru dalam politik, dalam dan luar negeri. Di luar negeri di bawah dasar bebas dan berkecuali, Malaysia termasuk dalam golongan negara-negara 'non-aligned' dan tidak mengikat dirinya dalam sebarang ikatan politik dan pertahanan dengan mana-mana kuasa.

Dasar ini sungguhpun tidak begitu digemari oleh setengah setengah pihak, akan tetapi untuk mencerminkan keperibadian bangsa Malaysia yang ingin hidup bebas dan berdaulat kita akan terus berpegang pada dasar luar negeri yang tidak bimbang dan takut. Mengenai dalam negeri pula para pemerintah Perikatan sekarang disokong oleh parti dalam Kerajaan Campuran telah mencapai peringkat kemajuan yang amat membanggakan.

Inilah gabungan dari politik personaliti dan situasi. Sungguhnya ada sebilangan orang di negara ini yang menjadi 'Prophets of Doom' dan ada pula segolongan kecil yang menjadi 'Agents of Doom', tetapi kita tidak gentar bahawasanya hadapan kita adalah cerah dan penuh harapan.

Saya penuh yakin dengan nasib masa depan. Dalam parti itu, semua golongan masyarakat di Malaysia ini patut menyedari bahawa tidak ada satu bangsa pun yang me-

punyai majoriti melebihi daripada bangsa-bangsa lain. Negara kita ialah yang sebenarnya bercorak 'multi-racial' dan 'multi-cultural' dan sifat-sifat 'multi-racial' ini terbayang jelas dalam kehidupan rakyat Malaysia hari-hari.

Untuk masa hadapan kita Kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru yang menuju kepada perpaduan dan harmoni seperti termaktub dalam Rukunegara. Ini akan kita laksanakan dengan kerjasama semua pihak dan semua golongan. Oleh itu, jenerasi muda yang mempunyai cita-cita yang tinggi dan semangat yang berkojar-kojar hendaklah memahami hakikat corak politik di Malaysia ini.

Kita mengakui bahawa sentimen bangsa-bangsa yang ada di Malaysia ini terhadap negara asal mereka tidak dapat dikikis dengan serta-merta, tetapi apa yang kita tegaskan bahawa semangat cintakan negara Malaysia sudahpun diupuk dan kesetiaan mereka kepada negara adalah satu-satunya jalan bagi menentukan masa depan kita yang gemilang.

Jenerasi muda juga patutlah faham bahawa kepentingan yang ada di hadapan kita ialah kepentingan negara umumnya dan tidak kepentingan 'factional'.

Sebarang usaha untuk menimbulkan semangat 'factional' ataupun perkauman sudah tentu mendatangkan akibat buruk serta menimbulkan mala-petaka dan kehancuran.

Pemimpin-pemimpin jenerasi saya telah berjaya mencapai kemerdekaan dan telah membina negara ini dengan kerjasama semua kaum. Adalah menjadi harapan dan keyakinan saya, kerjasama serta tugas memimpin negara ke arah perpaduan dan kenikmatan dapat disuburkan terus oleh jenerasi muda seperti saudara-saudara sekalian.

Nasib parti dan nasib negara saling bertalian rapat sebab kita adalah parti yang memerintah. Prestej, kedudukan terhormat yang terdapat pada negara kita pada masa ini di tengah-tengah keluarga antarabangsa, pengaruh yang kian meluas dari negara kita meliputi rantau ini, semuanya ini adalah sama-sama dirasakan oleh parti kita, Parti Perikatan,

kerana kita adalah parti yang memerintah. Inilah juga kebenaran hakikat kenyataan saya pada tahun 1971 di Johor Baharu dulu bahawa parti itu ialah Kerajaan dan Kerajaan itu adalah parti; bahawa parti mesti memainkan peranan dan tugasnya dalam urusan-urusan pemerintahan; bahawa 'integration' dari parti dan pemerintah mestilah padat dan seerat-eratnya kerana kedua-duanya adalah 'indivisible'; sebab destiny kedua-duanya tidak boleh dipisahkan.

Ini tidak bererti tiap-tiap anggota parti mesti campur langsung dalam urusan-urusan pemerintah seperti yang telah saya terangkan dulu. Apa yang saya maksudkan ialah 'integration' dari perumusan dasar membawa kepada pelaksanaan dasar antara parti dan alat-alat negara mestilah erat supaya kedua-duanya tidak bercanggah; supaya antara perumusan dasar dan pelaksanaan dasar tidak terdapat 'contradiction' bahkan berjalan dengan harmoni, senafas serta sealiran.

Parti kita merupakan alat yang menampung hasrat dan cita-cita rakyat lalu merumuskan hasrat dan cita-cita ini dalam bentuk dasar atau polisi yang konkrit untuk dilaksanakan oleh alat-alat negara di setiap peringkat.

Samada apa yang kita rumuskan daripada cita-cita dan hasrat rakyat itu menepati kehendak mereka dan sealiran dengan keperluan mereka bergantung kepada 'rapport' kita dengan rakyat, setakat mana kita dapat memahami dan menampung hasrat rakyat dengan betul, setakat mana pula kita dapat merumuskan cita-cita dan hasrat itu dalam bentuk dasar yang praktikal dan realistik.

Ini bererti kita mesti terus mendampingi rakyat, bahawa kita tidak boleh barang seketika pun melupakan dan mengabaikan kewajiban kita, sebagai parti yang menjadi mata, telinga, penyambung lidah dan anggota rakyat. Tugas dan kewajiban itu tetap tidak berubah, cuma cara tindakannya sahaja yang berlainan dan bertukar-tukar sesuai dengan keadaan, dengan peredaran masa. Satu perubahan yang besar yang kita dapati sekarang ialah peranan pemuda dan wanita

yang kian bertambah berat dan bertambah besar dalam konteks pembangunan negara.

Peranan itu harus pula diselenggarakan dalam bidang kerja yang garis-garisnya ditentukan oleh undang-undang tubuh parti. Tidak ada parti yang tidak mempunyai garis-garis tanggungjawabnya sendiri yang mesti dipatuhi oleh anggota-anggotanya berdasarkan pada undang-undang tubuh parti itu. Inilah yang dikatakan disiplin parti iaitu beberapa peraturan dan ketertiban yang mesti dipatuhi oleh segenap anggota parti itu tanpa mengira kedudukan dan darjatnya dalam parti.

Saya menekankan perkara disiplin ini kerana inilah kunci kekuatan parti. Walau bagaimana besar dan kuat sekalipun sebuah parti kalau sekiranya disiplin anggota-anggotanya lemah, nescaya lambat laun hancurlah parti itu.

Manakala saya katakan tadi bahawa tugas kita sebagai mata, telinga, penyambung lidah rakyat tidak berubah, apa yang saya maksudkan ialah parti kita yang menjadi tumpuan rakyat, bukan golongan-golongan tertentu dalam parti. Kita mesti hindarkan penyakit berpuak-puak atau 'factionism' ertinya satu golongan kononnya berhaluan ke utara, satu golongan lagi kononnya berhaluan ke selatan, satu ke timur dan satu ke barat. 'Factionism' sepertimana juga penyakit 'warlordism' dalam negara Cina dulu sebelum Komunis berkuasa dulu, manakala negara itu terbahagi kepada kawasan-kawasan tertentu yang dikuasai oleh 'warlord' masing-masing; jeneral ini berkuasa di utara, jeneral itu berkuasa di selatan, ada jeneral berkuasa di timur, demikian pula ada jeneral berkuasa di barat.

Dalam sebuah parti yang besar serta berpengaruh seperti UMNO kalau sekiranya penyakit berpuak-puak atau 'factionism' ini mulai menghinggapi kita, nescaya akan berpecah-belahlah kita sesama sendiri.

Perbezaan pendapat, fahaman dan fikiran dalam mana-mana parti atau perkumpulan memang ada; malah inilah

juga yang menyuburkan pertumbuhan intelek dalam mana-mana kumpulan pun. Sebenarnya ini patut digalakkan. Tetapi manakala pimpinan parti sudah membuat keputusan mengenai satu-satu perkara, sudah menentukan garis-garis tindakan dalam satu-satu issue, ia mestilah dipatuhi. Sebelum ada keputusan itu, kita bolehlah berbincang seberapa hangatnya. Tetapi pertukaran fikiran dan perbincangan mengenai satu-satu perkara juga mestilah mengikut aturan; ia tidak boleh dilakukan di depan umum, di tengah terang kerana mengelak akan salah faham dan disalah terima oleh umum.

Manakala keputusan telah dibuat mengenai satu-satu perkara, sekalipun ada pujian atau kejian, pujian atau kejian itu dirasakan oleh parti, bukan oleh satu-satu golongan tertentu dalam parti atau orang perseorangan dalam parti. Sebenarnya perkara ini adalah elementary dan sepatutnya tidak perlu saya katakan sekarang kerana kita semua sudah bergerak bertahun-tahun lamanya dalam parti dan memang tahu hal-hal yang mengenai disiplin dan peraturan-peraturan lain dalam parti.

Tetapi, hal-hal yang mudah inilah juga yang kita selalunya lupa kerana barangkali ia mudah. Selalunya yang mudah itulah sebenarnya yang susah dan yang rumit.

Apalagi kalau sekiranya kita sudah berjaya, sudah maka biasanya perkara-perkara yang kecil jarang-jarang kita fikirkan sangat. Dalam kehidupan sehari-hari, kita katakana seseorang itu lupa daratan manakala ia tidak tahu lagi menimbang sesuatu dengan wajar, ia melupakan masa lalu, masa ia susah dan menderita. Demikianlah kita sebagai parti setelah kita berjaya, mencapai kedudukan yang kuat dan memerintah negara ini terus-menerus, tanpa putus-putusnya semenjak belum Merdeka penuh, janganlah kita lupa perkara-perkara kecil, tetapi pokok iaitu disiplin dan hal-hal lain yang ada kaitannya dengan perpaduan dan kesatuan dalam parti kita.

Peliharalah disiplin dalam parti kerana disiplin itulah yang memelihara keutuhan dan kesatuan dalam parti. Semakin kuat dan teguh kedudukan parti, semakin kuat dan teguh kita hendaknya memelihara disiplin dalam parti itu.

Apalagi dalam keadaan yang penuh pergolakan, dalam dunia yang penuh cabaran di tengah-tengah tugas yang maha berat, disiplin parti mestilah diperkuat dan diperkukuh setiap masa.

Parti kita sebagai parti yang memerintah tentunya menghadapi berbagai-bagai cabaran dan ujian tidak sahaja sebagai parti, tetapi juga sebagai pemerintah. Tekanan-tekanan (pressures) dari berbagai jurusan terpaksa dihadapi dan ditasi dengan keutuhan dan kekuatan dalam parti.

Parti yang utuh perpaduannya dan kesatuannya ialah parti yang dapat memenuhi peranannya dan tanggungjawabnya kepada negara dan rakyat.

Seperkara lagi yang perlu difahamkan ialah parti kita mesti bertindak dan berlaku sebagai parti yang mewakili setiap golongan dan lapisan dalam masyarakat.

Hakikat bahawa kita sebuah parti yang mewakili rakyat Melayu tidak bererti bahawa kita tidak mencerminkan dan memancarkan hasrat dan cita-cita seluruh rakyat Malaysia. Kalau tidak begitu, bagaimanakah kita dalam zaman sebelum Merdeka dulu, kerana kita pada masa itu tidak ubah seperti sekarang bercorak seperti sebuah parti yang mewakili satu-satu kaum, tetapi cita-cita yang kita perjuangkan iaitu kemerdekaan dan kebebasan tanahair meliputi seluruh rakyat, bukan terkhusus kepada golongan Melayu atau UMNO semata-mata.

Demikian jugalah sekarang, kestabilan dan kemakmuran, berukunan hidup dan perpaduan rakyat, semuanya ini adalah cita-cita yang menepati kepentingan tiap-tiap bidang rakyat negara ini.

Oleh itu amatlah penting bagi kita mengerti bahawa dalam tindak-tanduk kita di tengah-tengah gelanggang politik, kita tidaklah boleh bertindak dan berlaku seolah-olah kita inilah sahaja yang berhak atas bumi Malaysia ini.

Nasionalism yang tidak mengira dan memperhitungkan kepentingan orang lain ialah force yang negatif. Nasionalism kita menampung hasrat dan cita-cita seluruh rakyat negara ini, seluruh golongan dalam masyarakat dan bukan nasionalism yang merupakan 'factionism', 'sectarianism' atau 'chauvinism'.

Kita tidak boleh berlagak bahawa kitalah yang serba tahu dan serba pandai, bahawa kita boleh menjadi dukun yang sanggup mengubati segala penyakit ekonomi, politik dan sosial di negara ini. Keinginan mahu menjadi dukun politik, dukun ekonomi dan dukun sosial ini sangat kuat sekarang dan menular di kalangan beberapa pihak, dan tidak terkecuali dalam parti kita sendiri. Statement demi statement dikeluarkan atas berbagai issue; memberikan hukum (judgement) atas perkara-perkara yang ada kalanya tidak diketahui dengan mendalam, atas perkara-perkara yang belum sempat kita periksa dengan teliti.

Demikianlah gejala-gejala yang timbul yang patut menjadi contoh tauladan dan bimbingan kepada kita semua dalam bertindak di masa depan.

Saya telah memberikan pendapat-pendapat mengenai falsafah parti dan perlunya menguatkan disiplin bagi menambatkan 'resilience' atau ketahanan parti menghadapi sebarang ancaman dari mana-mana pihak.

Saya harap dengan semangat yang sentiasa kuat, dengan perpaduan yang kukuh serta patuh kepada pemimpin, saya yakin bahawa parti kita akan terus maju, bergerak bagi menghadapi zaman baru.

Saudara adalah tenaga kekuatan parti. Tetapi, janganlah lupa bahawa UMNO adalah teras politik, sebagaimana juga bangsa Melayu diterima sebagai teras negara.

Kepada saudara-saudara, kami meletakkan amanah dan harapan untuk memimpin parti di masa depan.

Dengan analisa dan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

LANGKAH MENENTANG INFLASI

(Diucapkan dalam Majlis Taklimat UMNO di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 15hb. Jun, 1973)

SA
wa
ke
di
ke
ka
ya
ol
P
m
ka
la
la
us
di
al
da
be
ca
m
ki
ke
ke
ya

SAYA mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudari, para wakil Bahagian-bahagian UMNO yang telah sudi datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Majlis Taklimat yang diatur khas untuk saudara-saudari ini.

Tujuan Majlis Taklimat ini ialah untuk membentangkan kepada saudara-saudari kenyataan-kenyataan yang menyebabkan timbulnya masalah yang dihadapi oleh negara dan rakyat pada masa ini akibat keadaan inflasi yang sedang dirasai oleh negara kita khususnya dan dunia pada keseluruhannya. Pihak Kerajaan juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menghurai bagi pengetahuan saudara-saudari mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan dan langkah-langkah yang boleh dan akan diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan bebanan dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat. Dalam Majlis Taklimat ini, kita juga akan mengambil kesempatan untuk menghuraikan peranan dan langkah-langkah yang boleh dijalankan oleh rakyat untuk bersama-sama membantu Kerajaan dalam usaha-usaha ini.

Kenaikan harga telah menjadi buah mulut dan bahan percakapan rakyat Malaysia hari ini. Hal kenaikan harga ini menjejaskan kehidupan setiap orang rakyat Malaysia. Kepada kita, kenaikan harga dengan kadar yang tinggi adalah satu kejadian yang baru. Di beberapa buah negara di rantau ini kenaikan harga secara besar-besaran sudah menjadi perkara yang biasa dialami, dan walaupun menyusahkan rakyat, tidak

memeranjatkan orang oleh kerana kenaikan harga itu sudah menjadi satu kebiasaan. Kita di Malaysia sebaliknya telah menikmati kestabilan harga sebegitu lama. Kita telah berjaya mengekalkan kestabilan harga dalam negeri dan kenaikan harga runcit pukol rata bagi tempoh antara tahun 1958 sehingga 1970 ialah lebih sedikit sahaja dari satu peratus. Keadaan ini bagaimanapun telah mula berubah dalam tahun 1971 apabila harga runcit pukol rata telah meningkat naik kira-kira 1.6 peratus. Dalam tahun 1972 kenaikan ialah kira-kira 3.2 peratus. Saya percaya dalam enam bulan yang pertama tahun ini, pengguna-pengguna telah merasai kenaikan yang terlampau tinggi dari yang biasa dialami.

Apakah yang menyebabkan kenaikan harga ini? Saya ingin menegaskan iaitu kenaikan harga kerapkalinya ialah akibat beberapa faktor-faktor ekonomi dan bukanlah oleh kerana sesuatu faktor sahaja. Seperti di bahagian-bahagian lain dunia ini, masalah kenaikan harga di Malaysia disebabkan oleh berbagai faktor yang kompleks.

Tidak ada kuasa di dalam dunia ini yang boleh menyekatkan aliran timbulnya inflasi dan kenaikan harga. Adalah sukar bagi Kerajaan untuk menyekatkan inflasi dunia dari menjejaskan keadaan di negara kita sendiri. Negara kita mempunyai satu sistem ekonomi terbuka dan impot memainkan peranan yang penting untuk memenuhi permintaan dalam negeri. Kita mengamalkan dasar ekonomi terbuka kerana kita percaya inilah caranya untuk mengekalkan perkembangan kegiatan di bidang ekonomi dan dengan itu menampung keinginan kita untuk memberi pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat tanpa bergantung keseluruhannya kepada usaha Kerajaan. Malaysia perlu mengimpot makanan, minyak, barang-barang yang diproseskan dan jentera-jentera bagi sistem pengangkutan dan kilang-kilangnya. Di dalam tahun 1972 sahaja, Malaysia mengimpot barang-barang tersebut lebih \$4,400 juta ataupun satu pertiga dari keseluruhan keluaran negara (GNP). Dari itu Malaysia tidak terlindung dari akibat inflasi dunia.

Dalam tahun enam puluhan Malaysia telah berjaya mencegah kemasukan inflasi dunia dan mengekalkan kestabilan harga di dalam negeri. Ini ialah oleh kerana kita telah menukar sumber-sumber impot kita dari negara-negara yang menghadapi inflasi yang besar ke negara-negara seperti Persekutuan Republik Jerman, Jepun, Negeri Cina dan Australia di mana harga barang-barang eksport mereka lebih stabil pada masa itu.

Pada masa tahun-tahun tujuh puluhan ini, barang-barang dari hampir semua negara dalam dunia ini telah naik harga dan kita di Malaysia tidaklah dapat mencari sumber-sumber impot yang tidak terjejas oleh inflasi dari lain bahagian dunia. Inflasi yang diimpotkan ini menjadi lebih buruk akibat kenaikan kadar bayaran pengangkutan kapal laut dalam masa dua tahun yang lepas ini. Kadar bayaran pengangkutan laut telah naik 10 peratus dalam tahun 1971 dan 17½ peratus dalam tahun 1972.

Kenaikan gaji sedikit sebanyak mempengaruhi kenaikan harga. Ini ialah oleh kerana dalam tahun 1971 dan 1972 beberapa tangga gaji telah disusun semula dan lebih banyak wang dibelanjakan bagi sektor ini. Dalam tahun 1972 sahaja jumlah wang yang dipergunakan telah bertambah sebanyak \$595.1 juta. Selain dari tambahan gaji kepada kakitangan Kerajaan hasil cadangan dari Suruhanjaya Diraja Hakim Suffian, kenaikan gaji perkhidmatan Guru hasil dari cadangan Suruhanjaya Diraja Hakim Aziz dan kenaikan tangga gaji keseluruhan Angkatan Tentera, beberapa perjanjian tangga gaji baru juga telah dilaksanakan dalam sektor swasta.

Satu lagi perkembangan yang juga telah menyebabkan kenaikan harga ialah "Mini Boom" yang telah timbul di kawasan desa. Harga getah telah naik. Harga padi juga telah meningkat. Kaum nelayan juga telah mendapati kenaikan harga ikan antara 10 hingga 65 peratus berbanding dengan harga tahun 1971. Harga jagung, ubi kayu, sayur-sayuran, kelapa, kopi, ayam itik dan lain-lain binatang ternakan telah

juga naik dan peladang-peladang yang tidak terikat dengan hutang-piutang kepada orang tengah telah mendapat dan sedang menikmati pendapatan-pendapatan yang lebih tinggi dari dulu. Mereka tidak mungkin teruk dalam menghadapi kenaikan harga barang-barang berbanding dengan barisan pekerja yang bergaji rendah. Kenaikan-kenaikan harga ini tentulah dirasakan oleh rakyat, akan tetapi kita tidaklah seharusnya cemburu atau marah atas kenaikan pendapatan yang dinikmati oleh mereka di kawasan desa ini.

Rancangan perindustrian Malaysia juga sedikit sebanyak ada hubungan dengan kenaikan harga. Barang-barang keluaran kilang-kilang Malaysia yang mengguna banyak bahan luar negeri yang terjejas oleh inflasi juga naik harga. Bagaimanapun saya ingin menegaskan iaitu walaupun kadar keuntungan melabur modal di Malaysia menggalakkan pelabur-pelabur datang ke negara kita, keuntungan yang diperolehi itu datang nya dari pengecualian cukai dan tidak banyak dari penetapan harga barang-barang yang dikilangkan. Pengilang-pengilang yang bertanggungjawab tidak meletakkan harga yang terlalu lampau tinggi dan yang tidak setanding dengan harga jenis barang yang sama yang dikeluarkan oleh kilang lain. Apa yang nyata ialah kenaikan harga kerap dilakukan oleh setengah-setengah pemborong.

Bagaimanapun faedah rancangan perindustrian kita terlalu lampau banyak untuk kita ketepikan usaha di bidang ini. Dengan usaha-usaha mandiri kilang kita dapat mengurangkan wang kita keluar dari Malaysia oleh kerana dapat mengurangkan impot. Yang penting ialah kita menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat kita dan tidak ada negeri yang hendak mencapai kemajuan ekonomi dengan tidak merasa aliran aliran inflasi. Yang pentingnya, hendaklah negeri kita menetapkan paras inflasi yang boleh ditampung olehnya.

Saya juga ingin menegaskan bahawa tidak ada kuasa dalam dunia ini yang dapat mencegah kenaikan harga akibat inflasi

Kita boleh mencegah perbuatan menyorok dan kekurangan yang sengaja ditimbulkan.

Sebagaimana yang saya telah terangkan dalam Dewan Rakyat apabila menggulung perbahasan mengenai Titah Ucapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung pada 25hb. April, 1973, Kementerian saya adalah memberi pandangan yang berat tentang kenaikan harga barang-barang terutama sekali barang-barang keperluan. Beberapa langkah yang tegas telah diambil untuk mencegah kenaikan harga barang-barang keperluan yang telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan, tanpa sebab-sebab yang boleh diterima. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan di sini bahawa Ekonomi negara adalah bergantung kepada pengeksportan dan pengimportan barang-barang samada bahan-bahan mentah ataupun barang-barang gunaam atau "finished products" bagi segala jenis termasuklah barang-barang makanan, jentera-jentera dan barang-barang keperluan perusahaan. Pada hitung panjang, kegiatan impot dan eksport adalah memberi sumbangan lebih daripada 40% kepada GNP, dan ini membayangkan setakat mana ekonomi kita terdedah kepada pergolakan pasaran dunia, umpamanya keadaan inflasi yang terdapat pada masa ini.

Kenaikan harga barang-barang yang terdapat di Malaysia sekarang adalah disebabkan oleh faktor-faktor daripada dua punca: -

(a) Dari Luar Negeri:

(i) Inflasi yang diimport;

(ii) Kegagalan hasil-hasil tanaman sedunia atau 'general world crop failure' disebabkan oleh cuaca.

(b) Punca Dalam Negeri:

(i) Penambahan jumlah wang di dalam negeri ataupun 'increased liquidity and money supply';

(ii) Perbuatan kekurangan yang sengaja untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan atau "profiteering".

Untuk memperbaiki keadaan ini, maka adalah perlu tindakan-tindakan diambil.

- (a) Dari segi perbekalan, kepastian hendaklah dibuat bahawa harga-harga barang-barang adalah seimbang dengan kos pengeluaran dan kenaikan harga adalah atas sebab-sebab yang benar. Ini adalah untuk memastikan bahawa pengeluar-pengeluar dan pengimpot-pengimpot tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang mereka ataupun menggalakkan "price spiralling".
- (b) Dari segi pencegahan terhadap perbuatan spekulasi untuk mendapat keuntungan yang berlebihan, sistem perdagangan dan pembahagian yang ada sekarang perlu diperbaiki untuk mengurangkan atau mengelakkan pengeluar-pengeluar, pembahagi-pembahagi dan peniaga-peniaga menggunakan keadaan monopolistik yang membolehkan mereka mempengaruhi harga bagi kepentingan mereka sendiri.

Di antara segi-segi yang tersebut di atas ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah mengambil langkah-langkah dari segi-segi: -

- (a) Pengawasan harga barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang kawalan dengan teliti dan penentuan bekalan yang cukup di semua peringkat;
- (b) Tugas-tugas mencegah perbuatan spekulasi serta juga memperbaiki sistem pengedaran.

Dari segi (a), pengaruh Kerajaan secara langsung dapat dikenakan hanya terhad kepada: -

- (a) barang-barang yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan;
- (b) setakat mana barang-barang keluaran tempatan ini bergantung kepada bahan-bahan mentah yang harganya tertakluk kepada keadaan pasaran dunia;
- (c) di mana perbekalan dan permintaan dapat diselaraskan.

Tertakluk kepada faktor-faktor ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dapat mengawasi aliran harga barang-barang dengan sewajarnya. Jika kenaikan harga barang-barang keluaran tempatan disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah yang diimport yang mana harganya adalah tertakluk kepada pasaran dunia, maka kenaikan harga barang itu adalah sejajar dengan kenaikan kos pengeluaran yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan yang diimport. Inflasi bukanlah sahaja menyebabkan kenaikan harga barang-barang, yang diimport tetapi barang-barang dan bahan-bahan yang diekspot oleh negara pun mendapat kenaikan harga juga. Di antara barang-barang yang diimport yang harganya telah melambung naik disebabkan oleh inflasi ialah seperti barang-barang jentera, ubat-ubat chemical, batang-batang besi, baja, umpamanya baja urea dan potash yang keseluruhannya diimport telah naik harganya sebanyak 55%. Oleh kerana terdapatnya keadaan kemarau, hasil-hasil tanaman seperti biji gandum, gula mentah dan kapas juga melambung naik. Bahan-bahan kain ataupun 'cotton yarn' telah meningkat naik harganya lebih daripada 100%. Di antara bulan Julai hingga sekarang, harga 'cotton yarn' dari Pakistan telah naik daripada US\$150.00 pada tiap-tiap satu bale hingga kepada US\$330.00.

Di dalam pengawasan keadaan harga-harga terutama sekali bagi barang-barang keperluan seperti gula, susu dan tepung, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah berpegang kepada dasar bahawa kenaikan harga hanyalah dibenarkan di atas keadaan yang mendesak dan tidak dapat dielakkan dan pada kadar yang minima. Menerusi dasar ini dapatlah Kementerian mencapai matlamat Kerajaan untuk mengekalkan kestabilan harga bagi tempoh sepanjang yang boleh atau "to maintain price stability for a maximum length of time". Untuk menentukan kenaikan harga yang minima supaya mengurangkan beban kenaikan harga itu ke atas

pengguna-pengguna, Kerajaan hanya membenarkan kenaikan harga selepas dipastikan: -

- (a) setakat mana pengeluar-pengeluar yang berkenaan boleh memikul beban kenaikan kos pengeluaran.
- (b) setakat mana Kerajaan sendiri boleh menanggung kenaikan kos dengan memberi pengecualian cukai eksais ataupun cukai impot.
- (c) apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kenaikan kos pengeluaran seperti memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk menggunakan dengan lebih banyak lagi bahan-bahan tempatan yang boleh menggantikan bahan yang diimport yang harganya lebih mahal.

Dengan cara-cara ini Kementerian dapat mengurangkan bencana inflasi. Di antara barang-barang yang mana Kerajaan dapat mengelakkan keseluruhan kenaikan kos ialah gula, suspek dan tepung. Umpamanya apabila harga gula mentah dunia telah memuncak pada awal tahun 1972 kepada \$510.00 satu tan daripada \$322.000 satu tan, Kerajaan telah tidak membenarkan kenaikan harga gula itu sehingga daripada 1 Januari, 1972 kepada pertengahan bulan Mac, 1972, kerana pada ketika itu negara sedang menghadapi kemerosotan harga getah, dan kenaikan harga itu pula adalah jatu pada masa Hari Raya. Kerajaan telah memberi pengecualian cukai eksais sebanyak \$77.00 tiap-tiap satu tan ataupun berjumlah sebanyak \$4.8 juta bagi tempoh tiga bulan. Dengan cara ini Kerajaan telah dapat mempertahankan harga gula sebanyak 40 sen satu kati. Apabila didapati bahawa keadaan ketat pasaran mengenai gula mentah dunia berupa berjanggan, maka Kerajaan telah membenarkan kenaikan harga sebanyak 5 sen satu kati. Jika dibandingkan dengan harga kos pengeluaran yang bergantung kepada harga gula mentah yang masih mahal lagi, kenaikan harga sebanyak 5 sen sekati ini adalah kurang daripada kenaikan kos pengeluaran. Untuk mengekalkan harga gula sebanyak 45 sen sekati, Kerajaan

adalah memikul beban sebanyak \$90.00 pada satu tan merusi pemberian pengecualian cukai yang mana mengakibatkan kekurangan cukai Kerajaan sebanyak \$14.8 juta pada tiap-tiap enam bulan. Pihak pengusaha-pengusaha tempatan adalah memikul sebanyak \$11.00 pada tiap-tiap satu tan ataupun pada keseluruhannya sebanyak \$2 juta bagi tempoh yang sama.

Bagi susu pekat pula, kenaikan kos pengeluaran bermula pada pertengahan tahun 1970 yang disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan mentahnya seperti gula, lemak susu dan pengemulsi lemak atau 'skim milk powder' sebanyak \$7.10 tiap-tiap satu carton bagi 48 tin. Tetapi sehingga hari ini, Kerajaan hanya telah membenarkan kenaikan harga sebanyak \$4.80 per carton atau 10 sen pada satu tin dalam dua peringkat iaitu pada bulan Oktober 1971 dan bulan Mei, 1973. Ini bermakna pengusaha-pengusaha susu tempatan menanggung \$3.30 tiap-tiap satu carton ataupun 7 sen tiap-tiap satu tin. Oleh kerana perusahaan susu tempatan telah didesak untuk menanggung kenaikan kos pengeluaran begitu banyaknya, maka mereka adalah digesa untuk mengurangkan butir-butir yang membazir seperti kos iklan dan sebagainya. Kenaikan harga ini hanyalah terhad kepada susu-susu penuh krim atau 'full cream milk'. Manakala susu yang menggunakan minyak kelapa sawit harganya dikekalkan pada 65 sen pada satu tin. Oleh itu dengan adanya perbezaan harga di antara susu isian atau susu yang menggunakan minyak kelapa sawit dengan susu 'full cream', maka dengan sendirinya galakan adalah diberi untuk menggunakan bahan-bahan tempatan.

Dengan cara-cara yang dijalankan ini, maka Kerajaan dapat mengelakkan keseluruhan kenaikan harga. Jika ada terdapat kenaikan harga barang-barang buatan tempatan, maka kadar kenaikan itu adalah kurang daripada kadar kenaikan pengeluaran.

Jika saudara-saudari hendak tahu samada apa yang saya katakan ini adalah benar atau tidak, maka saudara-saudari

hendaklah membandingkan harga barang-barang tempatan dengan harga barang-barang yang serupa di negara-negara lain seperti harga gula, tepung dan susu.

Satu lagi langkah yang diambil dalam bidang ini ialah mengkaji keadaan perbekalan barang-barang untuk menentukan bahawa bekalan adalah cukup kerana harga adalah bergantung kepada bekalan selain dari permintaan atau 'demand'. Jika didapati bekalan sesuatu barang itu berkurangan di atas satu-satu sebab maka Kerajaan memberi pengecualian cukai impot ataupun melonggarkan sekatan impot. Umpamanya Kerajaan telah membenarkan pengimpotan batang-batang besi yang berukuran $\frac{1}{2}$ " yang bekalannya kurang untuk keperluan pasaran tempatan. Jumlah yang diberikan cukai itu ialah sebanyak 30,000 tan untuk menampung keperluan seluruh Malaysia. Pengecualian cukai telah juga diberi kepada satu bahan binaan 'unglazed mozaic' sebanyak tiga juta kaki persegi. Apabila kain putih untuk kegunaan pembatik-pembatik dapat terkurang maka pengecualian cukai impot juga telah diberikan pada ke atas jumlah yang cukup. Pengecualian cukai yang telah diberi kepada 'unglazed mozaic' dan kain putih adalah menunjukkan bahawa Kementerian bukan sahaja memberikan tumpuan kepada barang-barang yang diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetapi juga barang-barang kegunaan yang tidak diisytiharkan sebagai barang kawalan.

Satu langkah lagi untuk menentukan bekalan yang cukup bagi keperluan pasaran tempatan ialah dengan mengenakan larangan eksport ke atas barang-barang terutama sekali barang-barang yang harga tempatan adalah lebih murah. Ini adalah dibuat untuk kepentingan pengguna-pengguna dan perusahaan-perusahaan tempatan. Di antara barang-barang pengguna-pengguna atau 'finished products' yang dikenakan larangan eksport ialah gula, tepung, batang besi, simen, batu-bata dan cuka getah. Bagi barang-barang mentah pula yang dikenakan larangan eksport ialah bahan-bahan untuk perusahaan membuat

makanan haiwan seperti dedak beras, abuk-abuk ikan atau 'fishmeal'.

Saya suka nyatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan dalam bidang ini ialah untuk menentukan harga adalah seimbang dan berpatutan dan sebarang kenaikan harga adalah hanya di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Apa yang kita patut mengambil tindakan yang lebih berkesan dan pesat ialah terhadap kenaikan harga yang tidak berpatutan ataupun 'unjustifiable increase of prices' yang berasal daripada perbuatan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih dengan mewujudkan kekurangan bekalan yang sengaja atau 'artificial shortage'. Saya suka menerangkan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam segi (b) yang saya katakan tadi iaitu tugas-tugas mencegah perbuatan spekulasi serta juga memperbaiki sistem pengedaran.

Tindakan untuk mencegah keadaan tersebut adalah dilaksanakan dengan: -

- (a) Membaiki saluran pembahagian atau 'sistem of distribution'. Adalah nyata bahawa satu daripada sebab-sebabnya terdapat perbuatan spekulasi ialah dengan adanya keadaan di mana pemborong-pemborong dan pembahagi-pembahagi boleh menggunakan pengaruh mereka ke atas harga bagi kepentingan mereka. Keadaan ini adalah disebabkan adanya unsur-unsur monopoli di peringkat pembahagian dan di peringkat pemborong. Oleh itu, adalah menjadi tugas Kementerian sekarang untuk mewujudkan persaingan di semua peringkat kerana dengan adanya persaingan yang sihat, harga yang berpatutan boleh terjamin. Itulah sebabnya mengapa Kerajaan mengambil langkah yang pesat untuk menubuhkan saluran-saluran pembahagi yang baru menerusi PERNAS, SEDC dan syarikat-syarikat kerjasama dan juga syarikat-syarikat Bumiputra. Untuk menentukan badan-badan saluran baru ini berjalan dengan jayanya, maka adalah penting menentukan: -

- (i) peranan tiap-tiap satu agensi Kerajaan seperti PERNAS, SEDC supaya mereka tidak mengalah kepentingan yang bertentangan atau 'conflict of interest';
 - (ii) persefahaman atas tujuan dan matlamat tiap-tiap satu agensi Kerajaan;
 - (iii) agensi-agensi Kerajaan ini dapat memberi sokongan yang berkesan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Tujuan asal utama badan-badan agensi-agensi ialah untuk memupuk dan bukan membelakangkan usaha-usaha syarikat-syarikat Bumiputera sama ada berupa perseorangan ataupun sebaliknya.
 - (iv) mewujudkan kepercayaan penuh badan-badan swasta ke atas agensi Kerajaan dan melahirkan semangat kerjasama di antara mereka.
- (b) Tindakan-tindakan kuatkuasa untuk mencegah perbuatan spekulasi. Kuatkuasa Undang-undang adalah digunakan dengan sepenuhnya dan jika didapati bahan perbuatan spekulasi ada terdapat ke atas satu-satu barang, maka Kementerian mengambil tindakan untuk mengisytiharkan barang tersebut sebagai satu barang yang terkawal atau 'controlled item'. Dengan pengisytiharan barang itu sebagai 'controlled item' maka tindakan boleh diambil untuk memastikan perbekalan dan pnyaluran bekalan barang yang sempurna.

Oleh kerana perbuatan untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan ataupun "profiteering" adalah satu tindakan yang berbahaya kerana ini adalah satu tindakan yang merah orang-orang yang berpendapatan rendah, maka ada menjadi tanggungjawab semua yang berkenaan untuk mencegah perbuatan tersebut. Di antara mereka yang bertanggungjawab untuk memberi kerjasama ialah badan-badan siasah, persatuan-persatuan pengguna dan sebagainya. Mereka boleh menolong mengatasi perkara ini dengan: -

- (a) melapurkan kepada pihak yang tertentu atas perbuatan menyorok;
- (b) mengelakkan diri mereka daripada dipermainkan dengan membeli sesuatu barang berlebih-lebihan daripada keperluan biasa;
- (c) memulaukan kedai-kedai yang menjual barang-barang dengan harga yang mahal;
- (d) mengamalkan sifat 'quality consciousness' dan tidak 'brand consciousness';
- (e) melibatkan diri di dalam lapangan perniagaan secara kerjasama terutama sekali di peringkat tempatan.

Sekianlah penjelasan saya yang panjang dan lebar mengenai kenaikan harga barang-barang yang sedang dialami oleh negara pada waktu ini, dan saya harap dengan penjelasan ini dapat saudara-saudari memahami keadaan yang sebenarnya. Masyarakat haruslah diberi gambaran yang terang dan memahami keadaan yang sebenarnya ataupun 'proper perspective'.

Saudara-saudari telah dipilih khas hadir di taklimat ini kerana rasas kepada kedudukan saudara-saudari sebagai ketua MNO di peringkat Bahagian. Selaku ketua-ketua parti pemerintah, haruslah kita mengetahui hal-hal yang sebenarnya dan masalah-masalah yang dihajati oleh Kerajaan serta mengetahui tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan. Dengan pengetahuan yang lengkap ini barulah dapat kita menjalankan tugas-tugas kita dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab dalam usaha untuk menentukan harga yang sepatutnya. Tandatanya-tandatanya yang patut kita gunakan adalah:-

Adakah sesuatu tindakan yang diambil itu boleh menolong menurunkan harga?

Tandatanya seperti ini boleh dapat menentukan di bidang manakah dan apa usahakah tiap-tiap pihak yang berkenaan seperti Kerajaan, badan-badan awam seperti kesatuan peng-

guna-pengguna dan sebagainya boleh menjakutkan peranan mereka yang berkesan untuk mengatasi masalah negara ini.

SEBAGAI SEORANG MANUSIA SAYA
ADALAH SEORANG 'OPTIMIS'

(Diucapkan dalam upacara penerimaan Ijazah Kehormat,
Doktor Undang-undang di Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang pada hari Sabtu 9hb. Jun 1973).

SAAT ini dan upacara ini mempunyai erti yang besar dan sangat mendalam bagi saya.

Sebagai seorang manusia biasa dan dengan perasaan terharu kerana kedzaifan, tetapi penuh syukur, saya berdiri hadapan saudara-saudara, pendita-pendita dan sarjana-sarjana dalam gedung ilmu pengetahuan yang bernama Universiti Sains Malaysia ini.

Saya sukacita kerana di sinilah terdapat satu lagi kumpulan ilmu pengetahuan untuk disebarkan kepada anak-anak muda pembina negara dan harapan bangsa Malaysia di hadapan.

Oleh yang demikian, saya berasa gembira dan bangga dengan keputusan pihak Universiti yang telah berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada saya bagi tahun ini.

Bagi saya penganugerahan dari Universiti ini adalah suatu penghormatan yang paling tinggi dan tetap tinggal dalam kenangan sebagai satu detik peristiwa yang amat bersejarah dan mengharukan.

Izinkanlah saya menyampaikan setinggi-tinggi terimakasih kepada pihak Universiti di atas anugerahan ini.

Saya juga puas hati kerana dengan penghormatan ini mendorong saya untuk berbakti lebih besar oleh sebab saya telah sampai kepada peringkat akhir untuk memberikan sesuatu apa yang ada demi kepentingan masyarakat, bangsa dan negara.

Pada peringkat perkembangan politik, ekonomi dan sosial di negara kita sekarang, kepercayaan, keyakinan atau 'belief' seseorang adalah penting.

Keyakinan atau 'belief' tersebut meliputi apakah bentuk negara Malaysia kita di masa depan.

Bagaimanakah hubungan di antara kaum-kaum terbesar dan bagaimana pula hal keamanan, kemakmuran dan hidup damai rakyat di masa depan.

Saat seperti ini adalah wajar untuk saya memperkatakan sesuatu yang sesuai dengan peristiwa yang bersejarah ini dan saya berdiri di hadapan saudara-saudara sekarang bukan sebagai seorang pemimpin negara, bukan sebagai seorang politik, bukan sebagai seorang tokoh dalam masyarakat, tetapi hanya sebagai seorang hamba Allah di tengah-tengah orang yang berilmu sebagai manusia yang telah lewat umur, tetapi telah banyak menjalani hidup yang penuh dengan kisah-kisah suka dan dukanya.

Sebagai seorang manusia, saya adalah seorang 'optimis'. Ini tidak bererti bahawa saya tidak pernah merasa 'depressed', tetapi kemasygulan biasanya dapat diatasi manakala kita mempunyai keyakinan dan sikap hidup yang positif. Saya mempunyai keyakinan penuh kepada kemanusiaan, kepada kekuatan rohani dan jasmani kerana masakan kita akan mencapai peradaban yang sedemikian tinggi kalau kita tidak mempunyai kekuatan rohani dan jasmani, pengantungerahan dari Tuhan kepada makhlukNya. Empayar dan dinasti yang besar dan gagah timbul dan tenggelam, tetapi kemajuan manusia meningkat terus, peperangan dan malapetaka menimpa dunia dari abad ke abad, namun peradaban manusia keseluruhannya mencapai peringkat kemajuan yang kian tinggi.

'Man survives because he is endowed with intelligence and knowledge to overcome his own folly'. Manusia mampu mencapai keagungan dan kebesaran (Man is capable of achieving

greatness) di samping menginvent gas chambers dan napalm bombs.

Demikian dasar keyakinan saya terhadap negara kita, sikap saya yang lahir dari keyakinan saya bahawa rakyat kita mempunyai kekuatan rohani dan jasmani yang besar untuk memberikan kita harapan bahawa masa depan kita penuh dengan kecemerlangan; kita hanya perlu menyalurkan kekuatan rohani dan jasmani itu ke arah cita-cita pembangunan negara untuk menjamin masa depan yang gemilang buat kita dan keturunan kita yang akan datang.

Tidak ada sejarah satu bangsa pun dalam dunia ini yang tidak menjalani proses yang kadang-kadang pasang dan kadang-kalanya surut. Yang kadang-kadang lurus dan kadang-kalanya berliku-liku. Apatah lagi pada satu negara yang baru muncul, yang sedang dalam proses membangun, satu bangsa yang terdiri dari berbagai keturunan. Tentulah macam-macam problem dan challenges yang dihadapi; problem-problem yang unique pula yang seumpamanya barangkali belum pernah dialami oleh bangsa-bangsa lain, yang merupakan pula challenges yang serba baharu tidak sahaja pada pemimpin-pemimpin kita tetapi juga pada rakyat jelata.

Maka itu kalau ada kalanya kita 'hesitant' teragak-agak, kalau ada kalanya kita kelihatan meraba-raba mencari penyelesaian, kalau ada waktu-waktunya kita mengambil masa untuk mengidentifikasi punca-punca dari masalah-masalah kita, maka hal-hal ini adalah 'to be expected'.

Dalam perjuangan menentang penjajahan, slogan-slogan yang kita teriakkan adalah slogan-slogan yang negatif. Kita mahu mengusir penjajahan; kita menolak perbudakan. Teriakan-teriakan itu ada aspeknya yang positif dalam ertikata bahawa ia mempunyai tujuan untuk mencapai kemerdekaan. Kedua-duanya berbarisan antara satu sama lain tetapi yang tertonjol ke hadapan ialah aspek yang negatif dari perjuangan kita iaitu mengusir penjajahan, menolak perbudakan, menyelamatkan kekuatan asing dari bumi tanahair kita.

Pejuang-pejuang kemerdekaan waktu itu telah terkumpul dalam dua kumpulan. Satu group yakin bahawa kemerdekaan hanya boleh dicapai menerusi 'revolutionary means' sementara satu kumpulan lain percaya dengan proses perlembagaan.

Penjajah Inggeris mempunyai dua pilihan, iaitu samada ber-setuju memberikan kemerdekaan kepada golongan moderate yang berjuang secara berperlembagaan atau bertindak keras secara konfrantasi terus-menerus dengan kekerasan senjata.

Kerajaan Inggeris telah memutuskan untuk mengalah kepada golongan nasionalis yang berjuang atas unsur-unsur perlembagaan dan mempunyai asas kompromi di kalangan kaum yang terbesar di negeri ini.

Sekalipun, kemerdekaan telah dicapai oleh golongan yang moderate, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan itu.

Setelah kemerdekaan, kita mulailah melangkah ke satu babak baru pula, satu babak yang pertama dari sejarah baru kita membangun satu negara merdeka dan berdaulat.

Kita harus mengisi kemerdekaan itu. Dan mengisi kemerdekaan melahirkan pula problem-problem dan challenges yang seumpamanya belum pernah kita hadapi dulu. Lebih 'complex' lagi tugas itu kerana kita hendak membangun satu bangsa yang baharu terdiri dari keturunan-keturunan yang sebelumnya tidak kenal-mengenal antara satu sama lain.

Pada UMNO khususnya dan Perikatan umumnya telah terbeban tugas ini. UMNO merupakan parti yang mengambil peranan terpenting sekali dalam proses membangun satu bangsa baharu ini kerana 'historical reasons'. UMNO merupakan satu-satunya golongan politik yang terkuat di samping MCA dan MIC dan berkembang secara perlembagaan pada saat yang 'crucial' sekali dalam perjuangan kemerdekaan negeri ini.

Golongan-golongan lain juga ikut dalam perjuangan itu dengan cara masing-masing pula dan seluruh tenaga ini

dari golongan 'nasionalis' yang radikal membawa kepada golongan yang sederhana -- ikut menekankan pengaruhnya kepada kancah perjuangan itu hingga terlepaslah negara kita dari ikatan penjajah. Tetapi UMNO dan Perikatan merupakan golongan perlembagaan yang menerima peralihan kuasa itu dan semenjak itu hinggalah sekarang, ia memegang peranan tersebut, peranan sebagai pemimpin. Tetapi kedudukan UMNO ialah sebagai 'leader among equals' in the Alliance setting.

'Ours is a leadership without domination; ours is a leadership without being exclusive' tetapi 'leadership' yang menuju ke arah mencipta satu negara Malaysia yang bersatupada (towards a common Malaysian future). Kita tidak mencari 'leadership' itu tetapi 'it was trusted' ke atas kita oleh sejarah Kerajaan kita sebagai pemimpin diukur dari kemampuan kita menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran itu; sebagai mana juga kejayaan seorang manusia dalam hidup diukur dari kejayaannya mengatasi segala ujian yang dilaluinya dalam hidupnya; makin sulit ujian makin besar nilai kejayaannya.

Kunci kejayaan seseorang dalam hidup bergantung kepada sikap dan pandangan hidupnya. Ia tidak boleh 'rigid' menghadapi masalaahnya. Ia mesti flexible. Ia mesti membuka fikirannya seluas mungkin untuk menerima fikiran orang ia tidak boleh menutup otaknya kepada pengaruh-pengaruh baharu, kalau tidak ia tidak akan belajar dari pengalaman orang lain yang lebih pandai, yang lebih maju daripadanya. 'he must not have a closed-mind; he must imbibe an open-mindedness of approach day-to-day issues and problems'. Dan kita belajar dari kesalahan dan kesilapan kita; manusia adalah 'innovator' yang paling cekap sekali; ia respond kepada satu-satu situasi dengan segala kekuatan fikirannya dan instinct yang diwarisinya zaman berzaman.

Pemimpin dan rakyat sama-sama belajar dari problem problem yang 'peculiar' dan terkhusus pada lapangan masing-masing; pemimpin dan rakyat sama-sama belajar dari peng

laman; tak ada text book yang mengajar kita untuk memimpin atau untuk hidup; text book hanya penting dan berguna sebagai panduan; tapi ujian dari teori-teori yang kita belajar dari buku mesti diaply kepada konkrit 'situations', tidak ada 'standard answers' kepada satu-satu problem kerana tidak ada 'standard problem' dalam hidup.

Rukunegara dan 'New Economic Policy' bukanlah landasan-landasan yang kita kemukakan dari ruang kosong.

Ia bersandarkan pada pengalaman-pengalaman kita, pelajaran yang kita timba dari ujian yang pahit yang telah kita lalui. 'Application' dari kedua-duanya itu tidak dipernyatakan dan dilaksanakan secara 'bookish', secara 'rigid'. 'Ours is not a regimented society; ours is a multi-racial society' dan masing-masing golongan mempernyatakan sesuatu dari isi hatinya dengan gaya dan cara yang sesuai dengan kebudayaan dan adat resamnya sendiri. Hanya matlamatnya adalah satu dan sama; cara 'application' dari 'New Economic Policy' pun demikian juga; ia berubah dari masa ke semasa, menurut keadaan, menurut situasi; berubah dari tempat ke tempat; tetapi tujuannya satu dan fundamentalnya tidak berubah iaitu merapatkan jurang antara luar bandar dan dalam bandar, melenyapkan kemelaratan tanpa mengira keturunan dan kaum.

Dalam soal pimpinan, telah menjadi satu syarat mutlak bahawa setiap pemimpin negara atau parti hendaklah ia diterima oleh semua golongan.

Berkat pemimpin yang berjaya membawa kemerdekaan, selama 12 tahun terdapat kerukunan serta kestabilan yang membolehkan kita mencapai peringkat kemajuan ekonomi dan sosial yang tinggi. Peristiwa 13 Mei membuktikan bahawa landasan perpaduan rakyat belumlah begitu kukuh. Kesedaran inilah mendesak satu formula yang realistik bagi menyelesaikan masalah negara yang berbilang bangsa di mana pimpinan yang pragmatik amat diperlukan.

Dalam perkembangan sekarang, sekalipun ada rasa bimbang atas kegiatan satu kaum terhadap satu kaum yang lain, tetapi saya yakin bahawa nasib Bangsa Malaysia, harapannya untuk maju ke muka sebagai bangsa yang progresif adalah terjamin oleh sebab perasaan muhibbah, toleransi dan hormat-menghormati telah mulai tumbuh dengan subur.

Lebih-lebih lagi, setiap kaum terbesar mempunyai bidang-bidang keahlian semula jadi yang tidak boleh dipersoalkan lagi.

Orang-orang Melayu dengan kecenderungannya dalam politik dan pentadbiran akan terus diterima sebagai satu kumpulan yang dapat memberikan pimpinan, dan pentadbiran yang adil.

Saya percaya orang-orang Melayu akan terus mempelopuri lapangan ini untuk masa depan.

Demikian pulalah orang-orang Cina dengan keahlian mereka dalam perniagaan serta 'business-like approach' dalam beberapa hal akan terus diharapkan sebagai golongan yang terkuat ekonomi negara.

Orang-orang India sebagai 'in-between' akan terus memberikan sokongan dalam mana-mana lapangan yang mereka maju.

Dengan 'inherent characteristics' yang telah wujud di kalangan bangsa Malaysia ini, saya yakin bahawa satu pembahagian kerja telahpun wujud untuk membolehkan kita maju dan saling bantu-membantu.

Sekalipun telah ada lapangan-lapangan tertentu yang menjadi asas bergerak kepada tiap-tiap kaum, tetapi tidaklah berarti adanya tembok besar secara 'exclusive' yang memisahkan golongan-golongan ini. Orang-orang Melayu boleh memasuki lapangan perniagaan dan ini terbukti dengan keazaman Kerajaan untuk mendorong dan melatih mereka menjadi masyarakat perdagangan. Demikian juga orang-orang Cina boleh memasuki lapangan pentadbiran dan politik berasaskan kepentingan negara seluruhnya.

Pada muda tadi saya mengatakan bahawa saya seorang 'optimis'. Keyakinan saya ialah keyakinan yang bersumber dari kekuatan rohani dan jasmani rakyat.

Dari kejayaan-kejayaan kita di masa yang lalu. Dari pengalaman dan pelajaran yang kita dapat setelah melalui ujian, tiap-tiap 'challenge' besar dan kecil. Dari kekayaan alam kita; dari budi pekerti dan kekayaan kebudayaan kita. Dari 'basic goodness of heart' tiap-tiap rakyat kita. Dari tradisi kita. Dari kesungguhan kepada hidup yang dilahirkan oleh anak-anak kita dan akhir sekali dari orang-orang yang berilmu seperti saudara-saudara yang berfikiran luas, yang meneliti dan mempertimbang sesuatu dengan fikiran yang tidak bertutup oleh perjudice, oleh 'assumption' yang palsu.

Demikian juga saudara-saudara patut mempergunakan ilmu untuk masyarakat umum dan memberikan sumbangan fikiran dan intelek kepada perbendaharaan ilmu negara.

Di samping itu, sebagai jaminan kepada kestabilan dan harmoni, 'I believe that Malaysians should exploit to the utmost the inherent qualities of the various racial components which enrich the Malaysian society'.

Semuanya ini, memberikan keyakinan kepada saya bahawa masa depan kita penuh dengan kegemilangan, penuh dengan harapan.

PEMUDA MENJADI PELUPUR PEMBINAAN JUARA SUKAN

(Diucapkan dalam upacara merasmikan Pesta Sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia 1973 di Padang Kelab Petaling Jaya, Jalan Timur pada hari Ahad, 6hb Mei, 1973).

SAYA merasa kagum melihatkan bagaimana cekap dan handalnya saudara-saudara Pemuda UMNO menyusun baris untuk mengambil bahagian dalam Pesta Sukan UMNO tahun 1973 ini.

Saya turut gembira dan bermegah kerana inilah julungkali Pesta Sukan seperti ini diadakan secara besar-besaran dalam sejarah UMNO dan perjuangannya.

Ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda di bawah kelolaan YB Datuk Harun kerana telah dapat mencipta peristiwa di mana tenaga-tenaga politik pemuda dapat disalurkan kepada lapangan sukan yang sama mustahaknya dalam konteks pembangunan negara kita.

Melihat bagaimana kuatnya minat saudara-saudara dalam lapangan sukan ini, saya menaruh yakin bahawa Pemuda-pemuda UMNO bukan sahaja gagah dan bersemangat dalam hal-hal politik dan usaha pembangunan tetapi juga dalam hal-hal sosial dan sukan seperti yang kita hadapi pada saat ini.

Hari ini, Pergerakan Pemuda telah dapat mengumpulukan beratus-ratus peserta sukan ahli-ahli UMNO dari 11 buah negeri di Semenanjung Malaysia. Ini menandakan satu kemajuan yang besar ertinya dalam menggembeling tenaga pemuda dalam bahagian sukan. Adalah menjadi harapan saya supaya di satu masa kelak peserta-peserta dari semua parti mengambil bahagian dalam acara sukan seperti ini terutama

sekali parti-parti dalam Front Nasional supaya menambahkan persefahaman di kalangan pemuda.

Kerajaan memang menggalakkan perkembangan sukan dalam apa juga cara sebagai satu jalan membentuk satu masyarakat Malaysia yang bermoral dan berdisiplin dan menerusi sukan juga sebagai alat perpaduan dan persefahaman antara kaum.

Saya sukacita kerana menerusi sukan, nama Malaysia telah segar harum di kalangan Dunia Antarabangsa dalam beberapa lapangan sukan dan ini hanya dapat dicapai dengan kerja sama semua golongan rakyat negeri ini.

Saya berharap dengan perkembangan yang ada serta semangat cintakan sukan yang sentiasa dipupuk dan dibaja untuk sentiasa subur akan dapat membina satu golongan ahli sukan yang dapat menambahkan lagi nama baik negara di kalangan Dunia Internasional.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang berusaha untuk menggalakkan Belia-belia memasuki lapangan sukan dan lebih serius dan mengambil kesempatan ini, saya yakin Pemuda-pemuda UMNO peringkat bawahan akan menjadi tulang belakang dalam pembangunan ahli-ahli sukan profesional kita. Dan hasil dari pesta ini, Pergerakan Pemuda akan dapat menambahkan bilangan ahli-ahli sukan terutama olahraga dan di samping itu memperbaiki lagi mutu sukan negara kita.

Dengan cara ini Pergerakan Pemuda akan dapat membina bakat-bakat sukan dan di samping itu berusaha menggalakkan perkembangan sukan secara institutional dengan mengadakan pertandingan bagi menambahkan kecekapan dan meninggikan kesihatan.

Bercakap kepada golongan Belia dan Pergerakan Pemuda dalam semua bidang kegiatan mereka, saya tidak dapat mengelakkan diri daripada memberi sedikit pandangan mengenai kegiatan pemuda dalam bidang-bidang lain terutama dalam bidang politik.

Menurut perhitungan saya, percaturan politik Malaysia ditentukan oleh arus perkembangan yang berkisar mengenai kepentingan-kepentingan perkauman. Kerajaan telah berikrar untuk mewujudkan satu negara Malaysia yang makmur di mana semua golongan penduduk-penduduknya mendapat faedah dalam konteks ekonomi negara yang berkembang.

Dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini dan Dasar Ekonomi Baru khususnya sudah tentulah kepentingan-kepentingan perkauman ini menjadikan satu issue yang sangat besar terutama sekali apabila banyak anggapan dan prasangka bahawa Perkembangan Ekonomi akan menguntungkan satu pihak dan sebaliknya merugikan satu pihak yang lain.

Kerajaan dan saya sendiri yakin bahawa dalam konteks ekonomi yang berkembang itu, tidak ada golongan yang akan rugi bahkan semuanya akan mendapat manfaat dan nikmat. Perbezaannya ialah di dalam proses penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputra lain di dalam perkembangan ekonomi negara ialah golongan-golongan Pengusaha Melayu dan bumiputra lain akan diberi bimbingan di dalam lapangan-lapangan yang mereka lemah oleh Kerajaan sedangkan kepada golongan-golongan lain yang berpengalaman dan telah maju dalam berbagai lapangan akan memasukinya golongan secara bebas berdasarkan kepada pengalaman dan keahlian mereka di masa-masa yang lepas. Dalam keadaan yang sentiasa lunak ini Pemuda-pemuda UMNO khususnya haruslah memainkan peranan yang besar supaya perimbangan sentiasa terjamin dan tidak ada sebarang gangguan terhadap perkembangan ini.

Perlu saya menjelaskan bahawa tidak ada perbezaan apapun di antara pihak Kerajaan dalam pelaksanaan cita-cita negara ini dengan golongan-golongan pemuda.

Kalau adapun perbezaan, perbezaan ini hanya terletak dari segi 'approach' atau taktik untuk mencapai matlamat perjuangan yang sama. Sebagaimana kita maklum, golongan

muda adalah lebih terkenal dengan sifat-sifat 'impatience' mereka dengan sesuatu masaalah. Sifat-sifat ini adalah sifat 'universal' yang terdapat di semua kalangan pemuda seluruh dunia dan bukanlah dikhaskan kepada Pemuda UMNO sahaja. Sifat ini tidaklah terkecuali juga kepada saya dan rakan-rakan saya semasa kami masih muda dahulu ketika kami berjuang untuk menebus negara ini dari belenggu penjajah. Sifat-sifat ini boleh digunakan untuk memba faedah atau juga manfaat kepada golongan-golongan yang menggunakan sifat-sifat ini. Saya berpendapat sifat-sifat ini jika dapat didasarkan kepada 'reasoning' dan kewarasan akan memberi faedah kepada negara. Tetapi sebaliknya jika sifat ini didasarkan kepada emosi dan 'immaturity' ianya akan menjahanamkan negara. Oleh itu, peranan pemuda-pemudi terutama sekali pemuda-pemudi dari parti pemerintah hendaklah sentiasa menganalisisakan semua issue-issue negara ataupun tempatan dengan halus, bijaksana dan rasional sebelum mereka membuat apa-apa rumusan ataupun teguran. Pemuda-pemudi tidaklah harus bertindak secara langsung (take direct action) terhadap apa juga yang difikirkan terpesong dan landasan pelaksanaan dasar nasional terutama sekali apabila mereka tidak mempunyai kenyataan-kenyataan yang lengkap dan mendalam. Kerana tindakan-tindakan yang tidak didasarkan kepada laporan-laporan yang lengkap dan mendalam akan mengurangkan lagi 'credibility' golongan-golongan yang membuat teguran ini.

Peranan pemuda-pemudi seperti yang dimainkan oleh saudara-saudara sekalian adalah merupakan sebahagian daripada proses Kerajaan berparti yang menganuti fahaman demokrasi dan sebagaimana termaklum, sistem demokrasi mempunyai lunas-lunas dan garis-garis yang tertentu. Kiranya garis-garis dan lunas-lunas ini dicabul, sistem demokrasi ini akan runtuh dan 'anarchy' dan huruhara akan timbul. Saya percaya saudara-saudara sekalian tidak ingin mencabul lunas-lunas demokrasi yang kita anuti ini dan me

mentikannya dengan anarchy. Oleh itu, saudara-saudara sekalian mestilah selalu menunjukkan tindakan-tindakan saudara terhadap soal-soal negara atau tempatan dan dengan bijaksana dan teratur, dan sebaliknya Kerajaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana golongan yang fikirkan tidak selaras dengan tujuan dan cita-cita negara kita.

Saya berharap message ini akan dapat diterima oleh golongan pemuda secara positif dan sebaliknya pula pihak Kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti adalah bersedia untuk mencari jalan yang sebaik-baiknya bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang berbangkit dari masa ke semasa.

Saya harap pemuda-pemuda akan sedar kepada kewajipan dan tanggungjawabnya di dalam konteks negara yang sedang membangun di dalam rangka masyarakat berbilang kaum. Pemuda-pemuda mestilah sentiasa berhati-hati dan usul periksa dengan apa juga tindakan yang dijalankan. Saya tahu benar-benar bagaimana gopohnya pemuda-pemuda, bagaimana kurang sabarnya mereka manakala melihat pelaksanaan sesuatu projek tidak secepat mana yang diharapkan. Tetapi inilah antara aspek-aspek yang perlu difahamkan dan tidak bertindak sesuka hati.

Inilah sebahagian dari perjuangan pemuda untuk mengawasi segala aspek perjalanan dan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

Satu perkara yang sangat menarik perhatian orang ramai sekarang ialah mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari yang sedang menjadi-jadi di negara kita.

Sungguhpun kenaikan harga barang-barang merupakan satu 'trend' dalam semua negara di dunia ini sekarang, tetapi sukar untuk difahamkan bagaimana barang-barang keperluan yang dikeluarkan dalam negara kita ini termasuk makanan turut naik melambung harganya. Di samping itu kita juga mengalami apa yang dikatakan 'Imported Inflation' yang mempengaruhi kenaikan harga barang-barang tersebut.

Keadaan seperti ini, adalah membimbangkan oleh sebab sebarang tindakan yang memberikan kesan langsung kepada orang ramai boleh menimbulkan keraguan dan kurang kepercayaan terhadap pemerintah. Sebagaimana yang telah saya tegaskan, Kerajaan mengambil berat akan keadaan ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menjamin supaya harga-harga ini dapat dikawal ataupun tidak dinaikkan lebih daripada yang sepatutnya.

Kerajaan juga sentiasa mengawasi golongan yang mencari keuntungan berlebih-lebihan dalam keadaan yang tidak tetap ini. Sebagai satu langkah, saya sukalah mencadangkan supaya pemuda-pemuda UMNO di semua peringkat menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam mengawasi keadaan naik turun harga barang-barang ini supaya dapat dikawal dan supaya kepercayaan rakyat sentiasa terletak bulat kepada Kerajaan. Oleh itu, secara tersusun, pemuda-pemuda terutama di bandar kecil dan di kampung-kampung patutlah melaporkan akan keadaan yang berlaku kepada pihak berkenaan supaya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mengambil langkah yang perlu.

Dalam Majlis yang seperti ini, tidaklah saya bercadang untuk memberikan ucapan dasar mengenai soal politik dan ekonomi, tetapi apa yang akan saya katakan adalah mengenai 'topic' yang berlaku pada masa ini dan peranan golongan pemuda yang bertanggungjawab.

Berbalik kepada tujuan asal Pesta ini, saya sukalah mengesyorkan supaya Pemuda-pemuda Malaysia yang penuh semangat dan berdisiplin mengambil contoh dari Pemuda-pemuda Jerman dan Jepun dulu di masa mereka berusaha dan berjaya ada di peringkat mewujudkan kemakmuran dan kestabilan negara mereka. Mungkin dikatakan pemuda-pemuda Jepun dan Jerman ini bersifat fascist tapi yang saya maksudkan ialah hasil kegiatan mereka. Kita juga boleh mengambil contoh dari kegiatan belia Masir atau pemuda Indonesia

tahun lima puluhan. Ini adalah satu perkara yang sangat mengagumkan yang patut diambil sebagai contoh tauladan.

Sebagai penutup, saya sekali lagi menyeru supaya Pemuda-pemuda UMNO menjadi pelupur kepada pembinaan juara-juara sukan Nasional atau dalam Bahasa Inggeris 'To spearhead the development of National Athletics' di kalangan pemuda-pemuda semua bangsa dan semua fahaman politik, di samping menggalakkan dan mencari bakat-bakat sukan serta menyusun bakat-bakat itu supaya menjadi ahli sukan yang terkenal.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Pesta Sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia Tahun '73 dan mengucapkan selamat maju dalam sukan untuk negara.

PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN
BUMIPUTRA MENJAYAKAN
DASAR EKONOMI BARU

(Diucapkan di upacara penutup Seminar Ekonomi Bumiputra di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 6hb. April 1973).

SAMPAILAH kita kepada peringkat menutup Seminar Ekonomi ini dan saya berasa bangga atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya untuk bersama-sama sambil menutup Seminar ini yang akan diikuti dengan satu jamuan perpisahan.

Setelah saudara-saudara penat berhincang, saya percaya pihak penganjur Seminar ini telah sengaja mengadakan upacara penutup pada malam ini di Hotel Hilton kerana bukan sahaja untuk memperkenalkan secara tidak langsung yang PERNAS ada mempunyai modal di dalamnya, tetapi saya juga yakin ialah untuk 'mengexposekan' saudara-saudara ke dunia perniagaan yang lebih besar di mana pada kebiasaan bagi ahli-ahli perniagaan membuat keputusan 'to close deals' di hotel besar seperti ini.

Dengan ertikata yang lain, 'message' yang hendak disampaikan pada saudara ialah supaya ahli perniagaan sentiasa 'think big' serta bersikap pantas dan tegas sambil memandang jauh tentang kegiatan-kegiatan di masa depan. Oleh itu saya mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada saudara-saudara yang telah memberikan sumbangan dan membahagikan fikiran pada menjayakan Seminar ini dan tidak ketinggalan juga pada pegawai-pegawai dan semua kakitangan PERNAS yang telah bekerja keras semenjak dari menyediakan persiapan-persiapan Seminar hinggalah kepada masa Seminar ini berjalan bagi menyediakan bahan-bahan yang diperlukan untuk Seminar.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan pembukaannya telah menyebut akan hasrat Kerajaan dalam

memaju dan mengusahakan golongan bumiputra untuk menyertai lapangan perdagangan dan perusahaan secara terbuka dan luas. Tun Razak telah juga menghuraikan dasar-dasar serta rancangan-rancangan yang telah dirancang oleh Kerajaan serta matlamat yang dituju. Demikian juga beliau telah menghuraikan masalah-masalah yang berbangkit mengenai peranan yang harus dimainkan oleh setiap kategori peniaga Melayu yang ingin maju.

Demikian juga Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Tengku Razaleigh telah menyebut tentang perlunya ahli-peniaga mempunyai sikap positif dan menekankan bahawa dalam dunia perdagangan 'survival' hanya terletak pada golongan-golongan yang gigih. Demikian pulalah halnya dengan Badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membantu golongan pengusaha Melayu, bukanlah bersifat sebagai Badan-Khairat ataupun Baitul-Mal. Saya yakin amanat yang disampaikan serta semangat yang terkandung dalam ucapan tersebut dapat difahami dan diamalkan.

Matlamat Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Barunya ialah untuk mencapai 30% penyertaan bumiputra dalam segenap bidang dan lapisan perdagangan dan perusahaan negara. Saya percaya saudara-saudara yang mengusulkan seminar khususnya, Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu, adalah untuk menyahut seruan Kerajaan bagi melipatgandakan usaha bukan sahaja untuk menepati bahkan melebihi matlamat Kerajaan dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya.

Saya diberitahu pada mulanya Seminar ini hanya bertug untuk para peserta berdialog dengan pihak-pihak Kerajaan dan menyelesaikan masalah-masalah saudara di situ dengan serta-merta. Tetapi saya percaya kalau itulah tujuannya semata-mata, maka masalah-masalah umum yang dihadapi oleh semua peniaga-peniaga tidak akan dapat dipecahkan di satu dua seminar bahkan beribu seminar. Memandakannya soalan-soalan dan masalah yang telah dikemukakan oleh saudara-saudara, maka pihak penganjur telah memutuskan

untuk mengatur seminar ini sedemikian rupa dengan bengkel-bengkel tertentu serta pegawai-pegawai yang memberikan penjelasan dan jawaban.

Seminar ini pada hasrat saya telah dapat menghasilkan beberapa perkara. Pertama, dapat membaharui keazaman kaum peniaga-peniaga Melayu di satu pihak dan pegawai-pegawai serta agensi Kerajaan pada melaksana dan menepati dasar ekonomi baru.

Kedua, dapat menyelami masalah yang dihadapi oleh kaum peniaga serta batas-batas yang dialami oleh pihak kerajaan pada menuju tujuan pembangunan ekonomi.

Ketiga, dapat menemukan golongan peniaga Melayu dengan pegawai-pegawai serta agensi Kerajaan sebagai 'implementors of Government policies' secara langsung dalam semangat inginkan kemajuan dan perubahan.

Keempat, dapat membetulkan kesilapan di masa lepas dan menentukan haluan di masa depan.

Banyak perkara-perkara yang telah dibincangkan selama tiga hari saudara berada di Kampus Universiti ini. Banyak resolusi yang telah dibuat. Dalam membuat rumusan-rumusan ini saya dapat tahu saudara-saudara menghadapinya dalam cara serius dan ada kalanya lucu. Dalam pada itu, tidak kurang rayuan pengorbanan nilai-nilai tradisional yang akan saudara-saudara tempoh apabila memasuki alam perniagaan dan perusahaan.

'Survival' iaitu tenggelam timbulnya saudara-saudara dan perniagaan saudara terletak semata-mata di tangan saudara sendiri dalam menghadapi persaingan yang tajam untuk tiba ke mercu kejayaan.

Dalam ertikata yang lain masyarakat kaum peniaga ialah masyarakat yang tahan lasak --- yang kerap kecewa, rugi, untung dan senantiasa bekerja walaupun sesudah untung dan kecewa --- tidak putus-putus sibuk juga seterusnya untuk mengekal dan menambah lagi keuntungan.

Di satu pihak yang lain pula ialah pegawai-pegawai Kerajaan yang mencorakkan (bukan menentukan) untung peniaga-peniaga dengan lesen-lesen, permit, khidmat nasihat dan sebagainya yang terdiri daripada satu lagi golongan masyarakat yang berbeza dari kaum peniaga. Kalau boleh saya katakan sebagai perbandingan, golongan yang lebih 'secured'.

Kedua-dua golongan tersebut telah kita ketemukan dalam seminar ini dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Saya percakapan dari seminar dan pertemuan ini ialah akan timbul lebih lagi persefahaman dan saling mengerti tentang masalah-masalah yang dihadapi antara satu dengan lain, kumpulan peniaga dengan 'survivalnya' yang banyak berdasarkan kepada faktor masa di mana sehari tergendala mungkin beribu-ribu ringgit kerugiannya; sebaliknya pula kesilapan di pihak pegawai Kerajaan dalam 'over enthusiasmnya' untuk menepati Dasar Ekonomi Baru mungkin akan melanggar peraturan dan 'procedure' yang ada akibatnya.

Walau apapun masalah yang akan dihadapi oleh kedua-dua pihak, saya percaya tidak ada satu yang tidak akan dapat diselesaikan dengan cara berunding. Tetapi, pada pokoknya saya perhatikan banyak di antara peniaga-peniaga Melayu yang masih meraba-raba tentang apa yang mereka mahu. Tidak sedikit peniaga-peniaga Melayu yang tidak ketara undang-undang yang mengawal satu-satu dasar perniagaan. Dan selalunya inilah menjadi banyak masalah yang membuntukan. Saya berani menyatakan perkara ini apabila ditanya soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh peserta-peserta.

Seminar ini telah berjalan dengan rancaknya dan beberapa rumusan telah dibuat dan saya memberi jaminan bahawa rumusan-rumusan tersebut diberi pertimbangan yang saksama.

Saya percaya kebanyakan 'issue' yang telah dipersoalkan dalam seminar ialah masalah-masalah pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan saya yakin wakil-wakil Kementerian dan Jabatan yang telah diundang sudahpun mengambil ingatan

atas segala masalah yang saudara-saudara hadapi dan ke-
mungkinan itu.

Satu lagi perkara yang elok saya sentuh di sini ialah aspek
organisasi peniaga-peniaga Melayu. Saya dapati sebahagian
besar daripada kebuntuan yang kita hadapi dalam mem-
bangunkan peniaga-peniaga Melayu dan bumiputra ialah
dari sudut ini khasnya. Umpamanya, untuk memenuhi se-
kurang-kurangnya 30% dalam bidang pemborong binaan
yang dikhaskan kepada orang Melayu, beberapa masalah
timbul menghadapi pemborong Melayu sendiri. Di antaranya
kebiasaan pertubuhan-pertubuhan yang boleh menyediakan
kehendak-kehendak pemborong seperti pekerja-pekerja mahir,
separuh mahir, dan sebagainya. Dari segi ini boleh jadi
Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu boleh memain-
kan peranannya bukan saja untuk menganjur usaha-usaha ke-
arah itu, bahkan menjadi pertalian jentera pelaksanaan
Dasar Ekonomi Baru Negara yang lebih licin.

Luang-luang baru mesti dijelajahi untuk melipatgandakan
kemajuan peniaga-peniaga Melayu. Dan tanggungjawab ini
bukan semestinya terletak di tangan orang bumiputra saja,
bahkan sumbangan orang-orang bukan bumiputra lebih-lebih
diperlukan. Satu kemungkinan yang berkesan dan boleh di-
usahakan ialah penubuhan jawatankuasa bersama antara
Gabungan Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Pengi-
lang-pengilang Malaysia untuk menghalusi lagi penubuhan
wakil pengedar (distributors) yang akan diawasi oleh Ke-
menterian Perdagangan dan Perindustrian.

Perkara ini sudah saya tegaskan semasa berucap kepada
Dewan Perniagaan Antarabangsa hari Rabu lepas.

Telah saya jelaskan supaya peniaga-peniaga Melayu perlu
dibimbing, dilatih serta diberi peluang sepertimana halnya
dengan peniaga-peniaga bukan Melayu dibimbing oleh
peniaga-peniaga Barat di masa lepas sehingga mereka berjaya
sekarang.

Ingin juga saya menegaskan, walaupun apa rancangan dan tujuan yang akan kita buat 'preparation of our minds' arah segala hasil yang baik dan buruk yang akan timbul daripadanya mestilah menjadi 'pre-requisite' yang tunggal sebelum rancangan itu sendiri dimulakan. Misalnya kalau kita mahu menjadi pemborong, sanggupkah kita berbuat apa juga yang akan ditekankan kepada kita oleh faktor alam sekeliling bidang itu. Kalau kita mahu berusaha di bidang hotel, mampukah kita mengagahi segala kehendak dan tekanan di bidang itu? Inilah asas kemasukan kita ke bidang perniagaan dan perusahaan. Dalam pada itu ingin saya menyentuh kepada hal yang telah dibangkitkan dan dikanun Kerajaan mengenai hal itu.

Mengenai bekalan bahan-bahan alat sesuai dengan keputusan mendapatkan 30% kontrakan binaan untuk syarikat-syarikat bumiputra, telah diputuskan supaya PERNAS mengambil tugas ini. Demikian juga halnya mengenai saham-saham Badan Berkanun seperti PERNAS, Projek projek MARA, Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain, Kerajaan telah menjadikan dasarnya supaya saham-saham tersebut akan dijual kepada orang-orang Melayu dan Kumpulan Perniagaan bumiputra pada ketika dan tempoh yang sesuai.

Dengan harapan ini, dan dengan sokongan semua pihak semoga Tuhan Yang Maha Esa akan memberkati segala usaha kita demi untuk perpaduan dan keselamatan negara dan rakyat, saya dengan rasminya mengisytiharkan Seminar ini selesai.

**PERANAN KESATUAN SEKERJA
DALAM MELAKSANAKAN
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA**

Diucapkan di upacara merasmikan Seminar Peranan Kesatuan Sekerja dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua anjuran Biro Buruh UMNO pada 20hb. Mei, 1972)

HARI ini kita dapat menyaksikan satu lagi aktiviti UMNO dalam bentuk menggembeling tenaga berfikir dan cerdik pandai dalam gerakan Kesatuan Sekerja untuk mencari jalan bagi melaksanakan tujuan-tujuan negara dan parti.

Usaha Biro Buruh dan Kesatuan Sekerja UMNO mengadakan Seminar ini sangatlah baik memandangkan bahagian soal Buruh dan Kesatuan Sekerja ini bukan sahaja ada kaitannya dengan perkembangan politik dan sosial tetapi memberikan kesan-kesan tertentu kepada ekonomi negara.

Oleh yang demikian, sungguhpun Seminar ini memakan masa dan belanja tetapi, adalah diharapkan dengan hasil yang dicapai kelak akan dapat memberikan panduan dan bimbingan kepada anggota-anggota Biro khususnya serta wakil-wakil ahli bahagian UMNO yang terlibat dalam soal Buruh dan Kesatuan Sekerja supaya dapat menjalankan peranan masing-masing.

Inginlah saya mengucapkan tahniah atas inisiatif ini kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Tema Seminar ini ialah Peranan Buruh dan Kesatuan Sekerja dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua. Tema ini sangat sesuai sekurang-kurangnya untuk jangka pendek dan saya anjurkan supaya Biro sentiasa mengikut secara mendalam hal-hal yang berkait rapat dengan perkembangan ekonomi dan perburuhan dan hubungannya dengan menyusun semula masyarakat di sektor perdagangan dan perindustrian.

Dalam Seminar ini saudara-saudara akan membincangkan beberapa kertaskerja mengenai Undang-undang Buruh oleh Peguam Negara, soal buruh dari segi majikan oleh Datuk Yusoff, pendapat parti mengenai buruh oleh Encik Senu dan soal buruh dan perhubungan perusahaan oleh wakil MTUC. Dan saya dapat tahu seorang pegawai Kerajaan telah menyiapkan satu kertaskerja mengenai pendapatnya mengenai soal buruh.

Ada lima aspek yang patut menjadi perhatian dan perubahan pada Biro dan Seminar ini.

Pertama, soal menggalak serta mengumpulkan pekerja Melayu/Bumiputra, di kilang perusahaan untuk memasuki Kesatuan Sekerja yang sihat dan bertanggungjawab.

Kedua, bagaimana melatih dan memperbanyak pemimpin Kesatuan Sekerja Melayu yang berkalibar dan bersedia memimpin buruh berbilang bangsa.

Ketiga, soal bagaimana Dasar Ekonomi Baru dapat dikaitkan dengan soal buruh terutama pengambilan pekerja-pekerja Melayu dalam perusahaan bagi mencerminkan perpaduan rakyat Malaysia.

Keempat, memikirkan bagaimana Kesatuan Sekerja dapat membantu, menstabilkan ekonomi negara seperti mengadakan 'wage stability' tanpa merugikan kepentingan buruh yang lain.

Kelima, soal bagaimana efficiency dan disiplin di kalangan pekerja dapat diwujudkan di samping membantu mengurangkan pengangguran.

Dari segi inilah Seminar ini mempunyai peranan tertentu di samping turut memberi sumbangan melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua serta mengawasi semangat yang terdandung dalam Undang-undang Buruh benar-benar dihormati dan dilaksanakan.

Masalah buruh dan Kesatuan Sekerja berkait rapat dengan soal ekonomi dan rancangan Kerajaan menggalakkan penanaman modal swasta terutama daripada luar negeri.

Oleh sebab negara kita menghadapi masalah pengangguran yang besar pukul rata 70% bagi seluruh negara maka dalam Kerajaan dalam pelaburan modal ialah menggalakkan berapa banyak perusahaan yang bercorak 'labour intensif' dan memberikan keyakinan bahawa soal buruh dari supplynya dan juga aktivitiya tidak mengancam kepentingan modal mereka. Harapan Kerajaan ialah supaya golongan Majikan di satu pihak dan Kesatuan Sekerja di satu pihak lain dapat menciptakan satu persefahaman, satu iklim yang memberi manfaat di kedua pihak.

Dalam hubungan ini Biro mempunyai tugas tertentu oleh kerana kilang perusahaan bertambah banyak dan patuh diberikan keyakinan bahawa masalah buruh tidak menjadikannya ancaman kepada perkembangan industri. Saya faham bahawa masih ada beberapa majikan yang bersikap anti Kesatuan Sekerja dan oleh sebab 'labour market' masih luas dan perkara mendapatkan buruh tidak sukar, maka nafsu untuk mengeksploitasi tenaga buruh tentulah besar. Dengan itu, saya hendak memberi amaran kepada majikan tersebut yang tidak bertanggungjawab terhadap 'dignity of labour' ini supaya berhati-hati kerana kepentingan mereka tidak dapat dipisahkan dengan kepentingan negara seluruhnya.

Sekalipun kita memerlukan modal dan expertise mereka tidaklah patut mereka memandang sepi akan hak-hak kaum buruh terutama dari segi menjaga ketenteraman dan kestabilan negara.

Hubungan erat antara pihak majikan dengan Kesatuan Sekerja adalah penting bagi menjamin kelancaran dan perkembangan industri sungguhpun bertambah tetapi masih belum sampai pada kadar yang diharapkan. Nilai eksport juga tidak naik dan kalau ini berlanjutan, akan mendatangkan akibat buruk kepada kita.

Saya berharap Biro UMNO ini dapat mengadakan skim menyelidik perkara-perkara yang saya sebutkan di samping memupuk perasaan muhibbah (goodwill)

kerjasama di kalangan majikan perusahaan supaya mereka dapat membantu Kerajaan melaksanakan dasar-dasar tertentu, tetapi juga mengelakkan berlakunya sebarang kemungkinan yang tidak diingini dalam masalah buruh. Aktiviti-aktiviti hendaklah constructive dan berterusan, bukan berlaku di masa ada pertikaian perusahaan sahaja.

Jabatan Perangkaan telahpun mengadakan satu 'survey' menentukan kedudukan pengangguran di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Daripada angka yang dikumpulkan, jumlah pengangguran di seluruh negara meningkat hampir-hampir 270 ribu orang. Akan tetapi, angka yang ditunjukkan di Pusat-pusat Buruh adalah kurang dari 180 ribu orang sahaja. Inilah juga aspek yang patut jadi perhatian Biro ini.

Kadar pengangguran yang besar ialah di antara belia berumur antara 15 dan 25 tahun. Kebanyakannya ialah akibat keciciran sekolah dan merupakan perkembangan 'urban drift' daripada kampung. Terhadap masalah inilah Kesatuan Sekerja dan majikan menumpukan perhatian untuk bersama dengan Kerajaan mencari jalan dengan pihak-pihak lain bagi menyelesaikan masalah ini.

Satu perkara yang kurang menyenangkan ialah perkembangan GNP yang masih di bawah 6.5% yang telah dianggarkan. Saya juga dapati bahawa penanaman modal daripada private sector adalah terlalu kurang terutama dalam pembukaan tanah. Dan ini mungkin ada hubungannya dengan rasa curiga terhadap masalah buruh dan kemampuan kita pada mengadakan infrastructure yang cukup.

Satu perkembangan yang menggalakkan ialah bilangan rakyat Malaysia yang memasuki Kesatuan Sekerja. Dari angka yang terakhir menunjukkan sebanyak 233 buah Kesatuan telah didaftarkan meliputi semua lapangan perusahaan. Bilangan anggota semua kaum sejumlah 270 ribu orang. Tetapi angka ini hanya 10 peratus sahaja dari jumlah pekerja di negeri ini. Namun demikian orang-orang Melayu adalah

yang paling ramai memasuki union iaitu 40% berbanding dengan 36% orang India dan 23% orang Cina.

Sebagai perbandingan, sungguhpun pekerja Melayu ramai tetapi pemimpin Kesatuan Sekerja Melayu baikpun di peringkat bawah mahupun di tempat atas sangat kurang. Ini patut diperhatikan benar-benar.

Saya telahpun mengesyorkan kepada MTUC supaya membimbing bakat-bakat muda Melayu menjadi pemimpin Kesatuan Sekerja dengan memberi latihan serta kesempatan. Dalam gerakan buruh juga patutlah mencerminkan masyarakat Malaysia yang herbilang bangsa.

Ada cadangan di masa lepas untuk membawa petani, nelayan dan pekebun kecil disusun menjadi anggota Trade Union seperti di negeri-negeri lain. Sungguhpun ada kesulitan kesulitannya, tetapi patut benar dicari jalan untuk pertimbulan Kerajaan supaya tafsiran dan konsep Kesatuan Sekerja di negara ini menjadi luas dan progresif guna meliputi semua golongan sesuai dengan istilah perburuhan antarabangsa. Dengan cara ini pihak-pihak yang terkecuali daripada Kesatuan Sekerja dapat dibawa ke dalam lingkungan badan yang tersusun guna dapat memperjuangkan nasib mereka baikpun daripada segi penindasan sesama manusia, tetapi juga dalam masaalah jaminan hidup yang sangat-sangat diperlukan. Untuk maksud ini, saya bagi pihak Kerajaan telah mengarahkan Menteri Buruh yang juga menjadi Chairman ILO supaya mendapatkan perkhidmatan ILO bagi menyelidik hal ini dengan telitinya.

Kalau dapat berhasil, Kesatuan Sekerja pasti akan menjadi satu tenaga yang kuat untuk disalurkan pada usaha-usaha pembangunan.

Sebagaimana yang termaklum, saya telah bertemu dengan wakil-wakil MTUC dan mengadakan perbincangan yang berguna terutama sekali memupuk persefahaman dan mengukuhkan hubungan erat antara pihak Kerajaan dengan Kesatuan Sekerja. Perjumpaan seperti ini diadakan dari masa ke

masa. Saya diberitahu bahawa bilangan pertikaian perusahaan telah meningkat naik dan hingga akhir bulan April tidak kurang daripada 700 kes atau purata 200 kes setiap bulan dimajukan kepada Kementerian Buruh. Ini merupakan satu angka yang tinggi dan di luar kemampuan Menteri Buruh dan pegawai-pegawainya memberikan perkhidmatan dan penyelesaian segera dan tegas.

Saya telahpun mengarahkan supaya perkara yang berkait dengan perhubungan perusahaan ini diselidik dan diberikan keutamaan supaya masalah pertikaian tidak berlarutan hingga menyebabkan hilang keyakinan Kesatuan Sekerja dan Buruh terhadap Kementerian Buruh sendiri.

Oleh yang demikian, saya menggesa supaya satu approach baru, satu sikap baru dari semua pihak patutlah diambil guna masalah-masalah buruh dan pertikaian perusahaan ini diberikan penyelesaian seberapa segera oleh sebab kita menghadapi masalah kemanusiaan yang melibatkan tindakan nafsu baik di pihak buruh mahupun majikan.

Dari segi majikan, tafsiran kepada Undang-undang Buruh hendaklah didasarkan pada 'letter and spirit of the ordinances'.

Sebagai penutup, saya inginlah menyatakan bahawa pada keseluruhannya Kesatuan Sekerja di negeri ini telah memainkan peranan positif serta memberi sumbangan yang tegas terhadap kemajuan politik, ekonomi dan sesuai di negeri ini.

Akan tetapi, oleh sebab kita menghadapi cabaran zaman yang lebih besar terutama dalam mengisi kehendak-kehendak rakyat yang kian meningkat, peranan yang diharapkan dari Kesatuan Sekerja adalah lebih besar selain dari memperjuangkan soal gaji dan keadaan bekerja yang lebih baik. Pada merekalah terletaklah sebahagian besar dari kejayaan Rancangan Malaysia Kedua.

Sebelum merasmikan Seminar ini, saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menjadikan satu hari-

bulan Mei sebagai Hari Perayaan Buruh. Keputusan ini berdasarkan harapan agar buruh di negara ini menjadikannya sebagai Hari Dedikasi memberi sumbangan terhadap aspirasi nasional. Dengan harapan supaya Kesatuan Sekerja menjadi satu Badan yang 'motivated' dan 'committed to National cause' serta syor-syor yang saya kemukakan tadi, saya sukacita merasmikan Seminar Peranan Kesatuan Sekerja Dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Anjuran Biro Buruh UMNO ini.

PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

(Diucapkan di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita atas Rancangan Malaysia Kedua, Gerakan Pembaharuan dan Pertubuhan-pertubuhan Wanita di Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Jalan Young, Kuala Lumpur pada 8hb. Disember 1972).

SAYA berterimakasih kerana dijemput membuka dengan rasminya Seminar yang dianjurkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita ini. Pada pendapat saya, tajuk Seminar ini sangatlah sesuai dan kena pada masanya, memandangkan bahawa kita sekarang sedang mengkaji semula setakat manakah matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Kedua telah dapat dicapai.

Bulan Ogos lalu YAB Perdana Menteri telah melancarkan Gerakan Pembaharuan berlandaskan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru. Seminar ini boleh menentukan apakah peranan Pertubuhan-pertubuhan Wanita dalam konteks kedua-dua ini. Dengan ini dapatlah dinilai samada penglibatan wanita dalam rancangan-rancangan pembangunan setakat ini memuaskan dan dapatlah juga ditentukan bagaimana kaum wanita dapat memberi sumbangan kepada Gerakan Pembaharuan tadi. 'Approach' yang positif seperti ini menunjukkan keyakinan dan kesanggupan kaum wanita negara ini untuk mengambil peranan yang lebih aktif dan melibatkan diri dalam segala usaha-usaha negara.

Saya berharap perbincangan-perbincangan yang bermula hari ini akan dapat meneliti bagaimanakah Rancangan Malaysia Kedua, Gerakan Pembaharuan dan peranan Pertubuhan-pertubuhan Wanita dan pertaliannya. Kita semua maklumi bahawa Rancangan Malaysia Kedua kita yang berteraskan Dasar Ekonomi Baru bertujuan mewujudkan masyarakat

Malaysia baharu yang tidak lagi terbagi mengikut fungsi-fungsi ekonomi, makmur dan maju menurut prinsip-prinsip Rukunegara. Aspek-aspek pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesihatan yang menjadi faktor-faktor penting Gerakan Pembaharuan adalah juga faktor-faktor yang menjadi asas pembangunan negara kita. Gerakan Pembaharuan ini, selaras dengan matlamat-matlamat pembangunan dan perpaduan negara, menitikberatkan pembaharuan sikap terhadap kemajuan ekonomi, pendidikan dan kesihatan supaya dapat mewujudkan masyarakat yang lebih sihat dan berdisiplin di samping masyarakat yang bersatupadu dan penuh taat setia kepada negara.

Saya ingin menegaskan lagi bahawa usaha-usaha dalam Gerakan Pembaharuan ini seperti juga dalam usaha-usaha pembangunan negara pada keseluruhannya tidak harus dianggap sebagai kewajiban pihak Kerajaan sahaja. Jika sekiranya kita ingin mencapai matlamat yang hendak ditujui itu kita haruslah menerima prinsip bahawa daya usaha dan tenaga rakyat sendiri harus digembelinkan dengan usaha-usaha Kerajaan dalam semua perkara.

Istilah rakyat di sini bermakna rakyat sebagai individual, sebagai pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, sebagai ahli-ahli parti politik, sebagai pekerja-pekerja dalam kilang-kilang perusahaan, sebagai ahli-ahli pertubuhan dan lain-lainnya.

Hanya dengan menggembelinkan tenaga semua rakyat bersama-sama dengan Kerajaan akan dapat kita menjamin kejayaan pembangunan negara kita.

Dalam hal ini, adalah nyata bahawa kaum wanita samada secara individual, ahli-ahli pertubuhan, ahli-ahli politik, pegawai atau kakitangan Kerajaan, pihak-pihak pertubuhan, perusahaan dan sebagainya mempunyai peranan tertentu yang perlu diberi keutamaan bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan Negara. Ahli-ahli pertubuhan yang diwakili dalam Majlis ini adalah termasuk dalam golongan wanita

yang saya nyatakan tadi. Oleh itu adalah penting bagi Seminar ini menetapkan apakah dan bagaimanakah peranan dan penglibatan itu dapat dilaksanakan.

Seringkali Kerajaan menerima ikrar taat setia dan sokongan terhadap dasar-dasar atau projek-projek pembangunannya samada daripada pihak-pihak individual pertubuhan atau sebagainya. Akan tetapi jarang-jarang sekali ikrar itu disusunkan dengan suatu tindakan atau penglibatan yang positif ataupun yang jelas dapat dilihat. Inilah keadaan yang selalu terjadi dan yang sangat menyedihkan. Kerajaan tidak memerlukan ikrar-ikrar seperti itu. Sebaliknya, apa yang perlu ialah usaha yang boleh digembelangkan dengan usaha-usaha dan Kerajaan sendiri untuk mencapai matlamat-matlamat kita, yang berupa tindakan-tindakan dan sumbangan yang lebih positif dan berfaedah daripada individual ataupun pertubuhan-pertubuhan awam.

Besarliah harapan saya bahawa Majlis Pertubuhan Wanita dapat menjamin iaitu perkara-perkara yang diperbincangkan di sini tidak akan tertinggal secara catitan atau rumusan seminar sahaja. Akan tetapi akan menjadi asas-asas bagi menyediakan 'blue print' yang boleh menimbulkan usaha-usaha dan projek-projek yang dapat dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan supaya betul-betul menentukan penglibatan kaum wanita dalam pembangunan negara.

Kita semua tahu bahawa adalah sukar bagi individu menjalankan sesuatu projek untuk mendapatkan kejayaannya. Akan tetapi sebagai ahli-ahli pertubuhan yang organisasi kaum wanita patut dapat menjamin kejayaan dalam sebarang projek yang hendak dijalankan itu. Di sini yang penting adalah peranan pertubuhan-pertubuhan yang bergabung dalam pergerakan Majlis ini.

Mungkin elok juga saya katakan di sini bahawa sebelum bertindak melaksanakan sebarang projek, sangatlah perlu ditetapkan terlebih dahulu samada pertubuhan itu mempunyai

kekuatan dan kebolehan. Saya faham ada pertubuhan yang belum tetap tentang objektif, fungsi, program dan organisasinya. Ada pula pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai objektif dan fungsi yang sama tetapi di bawah organisasi yang berlainan. Saya fikir keadaan seperti ini tidak elok dipertingkatkan jika ahli-ahli pertubuhan betul-betul serius hendak mencapai tujuan yang benar-benar berfaedah.

Jika tidak, kita akan membuang masa sahaja. Oleh yang demikian, ada eloknya jika pertubuhan-pertubuhan yang ada sekarang mengkaji kedudukan masing-masing dari segi organisasi yang ada dalam konteks matlamat pembangunan negara.

Saya diberi faham bahawa Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Masyarakat telahpun menubuhkan satu Kumpulan Kerja atau 'Working Group' untuk mengkaji perkara ini dari segi menetap dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam pembangunan masyarakat. Saya percaya syor-syor yang dikemukakan oleh 'Working Group' ini kelak akan mendapat sokongan dari semua pertubuhan wanita di negara ini.

Beberapa aspek pembangunan negara akan dibincangkan dan saya perhatikan keutamaan dan emphasis diberi kepada kemiskinan dan masalah-masalah pembangunan luar bandar. Inilah masalah yang perlu dikaji oleh kerana kita patut mengetahui terlebih dahulu apakah perkara-perkara yang perlu diberi keutamaan dari segi pembangunan negara sebelum kita dapat bertindak dengan berkesan. Dalam pada itu, kita harus jangan lupa bahawa usaha-usaha yang dijalankan mestilah berdasarkan keperluan rakyat. Seringkali dikatakan bahawa ramai rakyat di bandar yang tidak berapa faham akan masalah-masalah masyarakat luar bandar.

Dengan demikian amatlah penting kita betul-betul mengetahui apakah keperluan-keperluan sesuatu kelompok masyarakat itu dari segi pembangunan yang diambil dan projek-projek yang dijalankan itu benar-benar berfaedah kepada

mereka. Ini adalah satu asas yang patut diberi perhatian memandangkan bahawa kebanyakan pertubuhan-pertubuhan yang ada sekarang berpusat di kawasan-kawasan bandar dan oleh itu ahli-ahlinya terdiri dari masyarakat bandar.

Jika pertubuhan-pertubuhan seperti ini hendak membea keutamaan kepada usaha-usaha kebajikan dan pembangunan untuk membantu masyarakat luar bandar, adalah penting bagi ahli-ahli pertubuhan itu memikirkan dan meneliti terlebih dahulu apakah projek-projek yang perlu diadakan bagi maksud itu.

Saya faham menjalankan usaha-usaha yang berkaitan dengan Ekonomi Rumahtangga, Dietician dan Kindergart adalah baik. Tetapi usaha-usaha itu hendaklah berasaskan keperluan pihak penerima dan dijalankan dengan tidak menimbulkan salah faham ataupun akibat-akibat yang tidak diinginkan.

Sungguhpun perlu keutamaan diberi kepada masyarakat luar bandar, kita hendaklah ingat bahawa ada juga golongan masyarakat di kawasan-kawasan bandar yang kurang bernasib baik. Kita semua sedia maklum bahawa ramai dan pada rakyat luar bandar yang berhijrah ke bandar untuk cuba memperbaiki mata pencarian mereka. Ini mengakibatkan kawasan-kawasan sesak di mana mereka hidup dalam keadaan yang kurang sempurna. Oleh itu, usaha-usaha hendaklah disalurkan untuk memperbaiki keadaan mereka itu supaya masyarakat keseluruhannya dapat membangun.

Saya sukacita jika dalam Seminar ini puan-puan memikirkan perkara-perkara yang saya katakan itu supaya perbincangan-perbincangan yang diadakan kelak menimbulkan fikiran-fikiran dan cadangan-cadangan bagi tindakan yang positif dan bermakna. Dengan demikian kita boleh menjana bahawa pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan dapat bertindak dengan lebih berkesan dan lebih berfaedah bagi kepentingan pembangunan masyarakat di negara ini. Adalah hakikat bahawa kaum wanita biasanya menjalankan sesuatu

sejajibannya dengan penuh azam, ketekunan dan dedikasi. Oleh kualiti yang saya harapkan dapat puan-puan buktikan dengan memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan negara samada sebagai individual, ahli pertubuhan dan sebagainya.

Saya juga berharap bahawa usaha-usaha Majlis ini dapat menjadi inspirasi dan contoh bagi pertubuhan-pertubuhan lain supaya bergerak mengikut arahan yang sama. Dengan itu, dapatlah kita meyakinkan bahawa rakyat dan kerajaan bekerjasama dan menggembelingkan tenaga bagi kepentingan dan kesempurnaan hidup kita semua.

Dengan itu saya sukacita merasmikan Seminar ini dan berharap mendapat penuh kejayaan.

PENIAGA MELAYU MESTI
TAHAN LASAK

(Diucapkan dalam Majlis Makan Malam Gabung
Dewan-dewan Perniagaan Melayu Malaysia di Lake Chini
Kuala Lumpur pada 16hb. September 1972).

lepas, saya telah berpeluang merasmikan Sidang Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu Malaya di Johor Baharu.

Malam ini pula, saya diberikan kehormatan untuk berucap di Majlis Jamuan Makan Malam ini di mana seluruh ahli Gabungan turut serta. Saya bersetuju hadir kerana pada hemat saya Gabungan di bawah pimpinan Yang Mulia Tengku Kelana telah memberikan corak baru dan membawa harapan untuk berkembang maju demi mencapai cita-citanya.

Saya ingin mengucapkan terimakasih bagi pihak Toh Puan Tunjaya sendiri kerana kesempatan seumpama ini yang memberikan peluang untuk saya beramah-tamah sambil memberikan pandangan mengenai perkembangan ekonomi, peranan yang dapat dimainkan oleh setiap ahli perniagaan Melayu terutama sekali badan-badan yang bergabung dengan Dewan Gabungan dan harapan saya kepada kaum peniaga lain.

Saya telah mengikuti perkembangan Dewan ini yang berikhtisar corak dari masa ke semasa dan mendapati beberapa perubahan telah dijalankan memberikan nilai baru pada ahli-ahlinya.

Di antaranya Gabungan sedang berusaha mendapatkan kedudukan peniaga-peniaga kecil Melayu. Ini merupakan tanda yang baik untuk menjamin kedudukan yang lebih kukuh dan semestinya di masa hadapan.

Saya sukacita mendapati Gabungan ini mengambil peranan yang aktif membantu Kerajaan mencapai Dasar Ekonomi Baru dan

membantu diri ahli-ahli untuk jadi kaya. Pada praktiknya Gabungan ini telah dapat mewakili sebahagian besar daripada peniaga-peniaga Melayu secara kumpulan dan individual.

Cadangan mengadakan peraturan baru bagi memperkuatkan lagi kedudukannya sebagai sebuah Gabungan Kebangsaan adalah dialu-alukan.

Saya percaya dengan membuat pindaan-pindaan ke arah Perlembagaan Gabungan untuk menyatukan aktiviti-aktiviti Dewan Negeri dan dengan menubuhkan sebuah Sekretariat yang lengkap dengan pegawai-pegawai tetap akan memperkuatkan Gabungan ini. Sekretariat ini saya harap akan dapat menjalankan penyelidikan perdagangan, menentukan peluang-peluang perdagangan yang bakal disalurkan kepada peniaga-peniaga Melayu dan yang penting ialah untuk mengkaji dasar Kerajaan dari masa ke semasa, serta melaksanakannya sesuai dengan perkembangan ekonomi dan industri.

Satu aspek yang sangat menarik perhatian saya ialah mengenai hubungan Gabungan ini dengan Gabungan Dewan-dewan Perniagaan yang lain. Sungguhpun saya melihat perbezaan pendapat mengenai satu-satu masalah tertentu tetapi pada umumnya titik-titik pertemuan telahpun dapat dicapai dalam usaha memajukan Golongan Perniagaan Bumiputra dan mengadakan peluang-peluang tertentu dalam bidang perniagaan.

Langkah seperti bertukar-tukar fikiran sesama Gabungan-kabupaten khususnya mengenai cara hendak membantu peniaga-peniaga Melayu yang sedang membangun adalah sangat berfaedah.

Saya tahu bahawa masalah yang dihadapi Gabungan bukanlah ketiadaan orang-orang Melayu yang ingin mencuba diri dalam perniagaan, tetapi lebih tepat ialah ketiadaan 'real opportunities' untuk mendapatkan ekspertis perdagangan dan pengurusan. Dalam hal ini saya mengharapkan semua Gabungan Dewan-dewan Perniagaan di Malaysia akan dapat mempengaruhi ahli-ahlinya untuk menyalurkan kemudahan kepada peniaga-peniaga Melayu yang sedang naik untuk

patkan ekspertis ini dengan cara diambil masuk ke dalam perniagaan-perniagaan mereka.

Gabungan Perniagaan Cina, umpamanya, patutlah mengadakan satu cara praktikal untuk pembantu Golongan peniaga Melayu supaya usaha menyusun semula masyarakat kita berjalan dengan lancar dan sempurna.

Janganlah hendaknya menunggu Undang-undang atau peraturan baru pertolongan diberikan. Kepada Importing Agencies peluang-peluang menjadi wakil patutlah diadakan kepada peniaga-peniaga Melayu.

Seperti yang termaklum, Kerajaan telah menubuhkan badan yang boleh membantu peniaga-peniaga Melayu dari segi modal, dengan syarat mereka ini mempunyai "know-how" untuk projek-projek yang sesuai dan menguntungkan. Bukanlah tanggungjawab Gabungan ataupun agensi-agensi Kerajaan sahaja untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kearahannya bagi faedah peniaga-peniaga Melayu, tetapi adalah tanggungjawab Dewan-dewan yang lain juga untuk memberikan bantuan yang diperlukan sebelum matlamat ekonomi ini dapat dicapai.

Kebolehan Badan agensi-agensi Kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga Melayu adalah terhad dan kerjasama dari pihak lain sangatlah diperlukan. Hanya dengan bantuan yang diberi dengan penuh keikhlasan sahajalah baru timbul yang digelar "challenge" bagi bumiputra untuk menantang diri dan berjaya dalam bidang perniagaan.

Setakat ini mereka yang tidak memberi kerjasama dan pertolongan yang diperlukan itu tidak boleh lepas daripada tangan sekiranya matlamat ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua itu tidak dapat dicapai.

Meskipun negara kita telah meningkat dewasa, tetapi perantaraan kaum bumiputra dalam bidang perniagaan dan perindustrian, sungguhpun makin bertambah, masih lagi di tingkat permulaan.

Dari segi bilangan, ramai orang Melayu yang telah melibatkan diri. Namun demikian, bilangan mereka yang betul-betul berjaya dan menguasai pengaruh-pengaruh persaingan masih terhad. Oleh yang demikian, belumlah menjadi perkara yang merugikan atau "counter productive" jika Kerajaan melanjutkan usaha memberi bantuan-bantuan kepada orang-orang Melayu yang ada "potential". Kepada orang-orang yang telah bertapak, saya nasihatkan janganlah bergantung pada Kerajaan semata-mata.

Pada keseluruhannya ramai penduduk-penduduk multi-racial negara ini sudah menerima hakikat bahawa orang-orang bumiputra mestilah menjadi sebahagian daripada masyarakat perdagangan dan perindustrian untuk menjamin perpaduan antara kaum. Juga, sudah ramai orang-orang bumiputra yang telah menyahut seruan Kerajaan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan berusaha membina masyarakat adil menurut prinsip-prinsip Rukunegara. Demikian juga sudah ada di kalangan bukan Melayu, orang-orang yang menerima hakikat bahawa keamanan dan ketenteraman negara ini, di antara lain bergantung kepada kejayaan orang-orang Melayu berganding bahu dengan mereka dalam bidang tersebut. Walaupun ada sebilangan orang-orang bukan Melayu yang masih berasa curiga terhadap semangat dan keyakinan orang-orang Melayu dan bumiputra untuk menjadi masyarakat perdagangan dan perindustrian lambat-laun perastibatan tersebut akan hapus; kerana Kerajaan berazam menjayakan penyusunan semula masyarakat di Malaysia ini demi kepentingan perpaduan negara.

Dalam suasana persaingan yang sedang dialami oleh pedagang dan penguasa, tak dapat tidak ada di antara orang-orang Melayu jadi Taukeh telah jauh meninggalkan pedagang-pedagang daripada kaum mereka sendiri dan menduduki taraf yang mungkin hampir sama dengan pedagang-pedagang yang berjaya di kalangan bukan Melayu. Tentulah menjadi satu perkara yang menyedihkan sekiranya ada di antara mereka ya

berjaya itu masih mengharapkan naungan Kerajaan selamanya. Saya suka mengingatkan saudara-saudara bahawa usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk kepentingan pedagang-pedagang adalah langkah sementara dan ditujukan kepada mereka yang masih memerlukan bantuan dan bantuan dan bukanlah untuk menatah atau "pamper" mereka buat selama-lamanya.

Di samping membanyakkan orang-orang Melayu menjadi di dalam masyarakat perdagangan dan perusahaan, Kerajaan berharap taraf dan kualiti pedagang-pedagang Melayu yang sudah berjaya itu dapat dipertingkatkan lagi. Kerajaan berharap kepada golongan ini, iaitu pedagang-pedagang Melayu yang telah berjaya, boleh memainkan peranan mereka semata-mata mengembangkan perusahaan sendiri bahkan juga bekerjasama dengan pihak Kerajaan membantu pedagang-pedagang Melayu yang masih memerlukan bantuan. Dengan ertikata yang lain, Kerajaan berharap pedagang-pedagang Melayu yang telah berjaya itu sanggup menerima amanah menjadikan diri mereka dan perusahaan mereka sebagai 'multiplier' atau pengaruh-pengaruh menggandakan dengan pedagang-pedagang Melayu yang berjaya. Dan dengan itu memberi sumbangan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Usaha-usaha yang sedemikian itu boleh mempercepatkan proses menghapuskan keadaan di mana aktiviti-aktiviti ekonomi terpisah menurut kaum.

Pada hemat saya, pedagang Melayu yang telah berjaya, terutama mereka yang telah dibantu oleh Kerajaan, secara langsung atau tidak, patut mempunyai 'moral obligation' untuk menjadikan diri mereka dan perusahaan mereka sebagai 'multiplier' atau pengaruh-pengaruh menggandakan dengan dan kemampuan (capability) pedagang-pedagang Melayu. Mereka boleh melaksanakan tugas ini dengan beberapa cara. Umpamanya, daripada sekecil-kecil khidmat memberi nasihat tentang selok-belok perniagaan atau memberi peluang-peluang bekerja atau memberi latihan dan bimbingan.

bingan sehinggalah memberi bantuan-bantuan yang lebih besar lagi. Tetapi, dalam semua bentuk bimbingan yang hulurkan itu, saya berharap ianya hendaklah menjadi bahagian daripada proses membentuk semangat dan nilai-nilai yang secocok dengan kemahuan zaman pembangunan ini, seperti membentuk satu masyarakat yang berdikari dan yang tahan lasak di alam persaingan.

Sebagai seorang yang pernah memasuki alam perniagaan saya dapati bahawa sudah sampai masanya bagi kita menekankan pembinaan pedagang-pedagang Melayu yang benar-benar berhasrat dan bercita-cita menjadikan perniagaan sebagai satu cara hidup. Ini bererti menjadikan perniagaan itu sebagai satu cara hidup. Ini bererti bahawa mereka memerlukan bukan sahaja semangat tetapi juga pandangan dan sikap yang boleh mengubahsuaikan diri mereka kepada keadaan dan suasana persaingan; dengan pahit-maungnya dan suka-dukanya disebabkan oleh pengaruh-pengaruh persaingan alam perdagangan. Mereka tidak harus tidak berpeluk kepada sentimen dan nilai-nilai yang tidak secocok dengan kehendak persaingan. Ini juga bererti bahawa orang-orang kita perlu menukarkan cara hidup mereka kepada keadaan yang mendesak dan jika perlu duduk di rumah-rumah pangkat ataupun rumah-rumah kedai atau lain-lain keadaan yang boleh memberi mereka 'advantage' yang lebih dalam persaingan bebas. Tentulah tidak menasabah jika sekiranya seorang itu hanya memeluk nilai-nilai hidup yang selalunya pada hal penghidupan secara peniaga memerlukan usaha penyinsing lengan dan bertungkus-lumus setiap hari.

Datuk Yaakob, Pengerusi UDA beritahu saya sifat-sifat yang dikehendaki oleh ahli-ahli perniagaan ialah tiga, iaitu RUTHLESS, RELENTLESS dan REMOSELESS. Orang-orang yang banyak pengalaman berniaga boleh menentukan apakah sifat ini benar atau tidak.

Peniaga-peniaga bumiputra bolehlah dikatakan masih mempunyai peluang yang luas dan harapan yang baik untuk

Melayu dalam perniagaan sekiranya mereka berusaha ber-
 tanggung-jawab dan tidak mengabaikan tanggungjawab
 mereka sebagai ahli dalam masyarakat perdagangan itu.
 Peluang-serupa itu tidak akan kekal selama-lamanya
 walaupun ada keazaman Kerajaan dan usaha selanjutnya.
 Pedagang Melayu bagi di masa akan datang terpaksa ber-
 tingkah dengan lebih cergas daripada sekarang; mereka perlu
 mempunyai sikap yang dinamis dan 'resilient' untuk menen-
 tang persaingan yang lebih hebat dalam merebut peluang-
 peluang yang agak kurang daripada sekarang dalam per-
 dagangan dan perusahaan. Saya berpendapat bahawa Gabung-
 saudara-saudara ini patut menumpukan perhatian kepada
 masalah ini dari sekarang supaya peniaga-peniaga Melayu
 dapat mengubahsuaikan diri dan kebolehan mereka kepada
 keadaan persaingan yang lebih hebat di masa akan datang.
 Dalam hal ini saya berfikir bahawa tidak ada jalan yang
 lebih baik daripada menitikberatkan pembinaan peniaga-
 peniaga muda yang tahan lasak dan yang telah melengkap-
 kan diri dalam kedua kelulusan dan kemahiran dalam bidang
 perniagaan.

Usaha-usaha Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru
 tidak terhad kepada menyediakan peluang untuk membole-
 hkan kaum bumiputra menyertai bidang perniagaan dan per-
 usahaan ataupun setakat membanyakkan perusahaan-per-
 usahaan dan pengeluaran. Sebagai diketahui, Kerajaan juga
 memberi pelajaran dan membimbing belia-belia kita dalam
 gerakan pembaharuan supaya mereka mempunyai sikap
 yang positif terhadap penghidupan — supaya menghargai
 kebolehan diri sendiri terutama dalam keadaan-keadaan yang
 mendesak. Usaha-usaha untuk menyediakan peluang-peluang
 pekerjaan yang sedang diperhebat. Namun demikian, dengan
 bertambahnya lagi bilangan belia-belia yang berkelulusan
 maka tentulah peluang-peluang itu tidak akan mencukupi.
 Oleh itu Kerajaan, menerusi Kementerian Kebudayaan,
 Belia dan Sukan, telah melancarkan berbagai-bagai jenis

latihan untuk membolehkan belia-belia kita menjalankan perusahaan-perusahaan sendiri yang termasuk membuka bengkel-bengkel atau tempat-tempat perniagaan sebagai permulaan; yang diharapkan akan menjadi pusat-pusat perkembangan perniagaan yang maju bagi masa-masa akan datang.

Saya berharap ahli-ahli Gabungan saudara-saudara sekalian -- malahan saya menyeru kesemua pengusaha dan peniaga-peniaga di negara ini -- supaya menggunakan tenaga tenaga yang sedang dibentuk menerusi rancangan belia-belia itu supaya latihan dan kemahiran yang mereka perolehi itu dapat digunakan secara positif demi kemajuan dan perpaduan negara.

Menyebut tentang pengaruh-pengaruh menggandakan bilangan pedagang-pedagang ataupun 'multiplier effect' tadi kita haruslah mempelajari daripada perkembangan dari usaha-usaha peniaga-peniaga kaum bukan Melayu. Umpamanya tentang cara mereka mengembangkan perusahaan dengan menggunakan keadaan sekitar (environment) mereka, terutama di kawasan di mana peluang perniagaan sedang disediakan oleh pihak-pihak yang berkuasa. Saya teringat bagaimana seorang peniaga Melayu di Pahang membuka kedai dan semua anggota keluarganya turut membantu. Sungguhpun anak-anaknya telah besar dan ia sendiri ada perniagaan lain yang menyebabkan ia kaya, tetapi kedai tempat ia mendapat pengalaman dan harta itu masih dipelihara.

Saya berpendapat pengusaha-pengusaha Melayu patut mempelajari daripada pengalaman pekadai-pekadai Cina yang menjadikan pasar malam dan perniagaan-perniagaan di kalilima dan tepi-tepi jalan itu sebagai tempat-tempat latihan untuk bakat-bakat baru, di samping mengembangkan perniagaan mereka itu ke kawasan-kawasan baru yang dibuka terutama di sekeliling Bandaraya Kuala Lumpur, dan lain-lain bandar besar di Malaysia ini. Jika diteliti, kita dapat bahawa peniaga-peniaga itu sentiasa merancang dan bergemilang untuk memperkembangkan perniagaan-perniagaan mereka.

walaupun mereka sudah berjaya di kawasan-kawasan yang maju. Cara yang saya sebutkan tadi itu, bukan sahaja membuktikan bahawa mereka menganggap kejayaan tidak semestinya menjadi mercu kepuasan yang 'ultimate' kerana apa yang dianggap kejayaan sekarang boleh disebabkan persaingan dan perkembangan-perkembangan perlu diteliti selalu. Jika tidak nescaya akan tertinggal di belakang. Mereka juga menghargai akan kebolehan dan kemampuan bakat-bakat baru, terutama belia-belia, dan dengan menggunakan akal bikiran dan berusaha, mereka dapat menguasai alam sekeliling mereka untuk mencapai penghidupan yang lebih lumayan.

Walaupun begitu, saya sedar bahawa punca untuk peniaga-peniaga Melayu mengembangkan perniagaan dan pengaruh mereka adalah bergantung kepada wujudnya kedai-kedai dan pusat-pusat perniagaan yang sesuai dan lain-lain faktor pengurusan bagi menjalankan perniagaan.

Seperkara lagi yang harus tuan-tuan ambil perhatian ialah mengenai perubahan sikap pembeli-pembeli (consumers) terutama daripada golongan orang-orang Melayu yang pada masa dahulu dikatakan mempunyai 'propensity to consume' yang tinggi berbanding dengan daya 'propensity to save'. Tabiat orang-orang Melayu di masa-masa dahulu yang dikatakan boros dan suka membazir apakala membeli-belah, membolehkan pedagang-pedagang asing mengambil peluang atas kelemahan itu untuk mendapatkan keuntungan yang besar dari segi perniagaan. Tambahan pula, pihak peniaga-peniaga adalah terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Perkembangan-perkembangan yang telah berlaku semenjak kita merdeka, lebih-lebih pula sejak Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, menyebabkan sikap orang-orang Melayu sebagai golongan pembeli-pembeli sudah mula berubah. Perubahan tersebut telah menyebabkan nilai hidup orang-orang kita bertambah 'sophisticated' dan tidak harus dipermudah-mudahkan oleh pihak peniaga-peniaga.

Satu daripada keadaan yang ternampak sekarang ialah banyak orang-orang Melayu telah menyusun semula akan kehendak keperluan harian mereka (their order of priorities). Mereka telah menyahut seruan Kerajaan dan menghargai apa itu yang dikatakan kepentingan hidup dan apa yang perlu diutamakan. Ramai sudah yang menggunakan pendapatan mereka dengan bijak serta melaburkannya dalam perniagaan dan perusahaan. Bukti-bukti daripada sambutan rakyat bumi-putra terhadap pengeluaran saham-saham baharu dan juga pelaburan-pelaburan lain membayangkan bahawa orang-orang kita sudah menyedari dan memahami betapa pentingnya 'money economy' dalam memenuhi keperluan-keperluan hidup. Walaupun boleh dikatakan bahawa dengan banyak perkembangan usaha-usaha pembangunan yang telah menyebabkan juga 'hierarchy of needs' penduduk-penduduk negara ini makin bertambah meluas, namun demikian orang-orang kita telah mula mengurangkan desakan membeli-belah menurut hawa nafsu dan sekarang sudah beralih kepada perbelanjaan dan pelaburan yang lebih memberi manfaat kepada mereka. Ini adalah satu perkembangan yang sihat dan perlu dimajukan lagi.

Saya yakin bahawa konsep Gabungan ini bukanlah merupakan satu kelab bagi satu golongan kecil pemimpin-pemimpin yang dapat menjadi sebuah badan yang benar-benar bekerja untuk memberikan manfaat kepada ahli-ahlinya.

Falsafah daripada peniaga-peniaga Cina khasnya sekiranya mereka tidak mempunyai wang, gunalah wang orang lain dan sekiranya mereka tidak mempunyai kemampuan untuk berusaha, gunakanlah tenaga orang-orang yang membantu, asalkan kita memegang kuasa perniagaan itu. Inilah yang penting dalam perniagaan dan saya harap tokoh-tokoh perniagaan yang ingin mencapai kemajuan akan memberikan sepenuh perhatian pada hakikat ini.

Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan terima-
kasih dan mengharapkan Gabungan ini maju jaya.

MENYEDIAKAN PEMIMPIN
MASA HADAPAN

(Diucapkan di upacara merasmikan Seminar Kepimpinan
Pelajar-pelajar Kebangsaan di Kolej Pertanian, Serdang
pada 11hb. September, 1972)

SAYA sukacita kerana mendapat peluang untuk hadir dalam majlis ini di samping merasmikan Seminar Pimpinan Pelajar-pelajar anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia.

Pada hemat saya, Seminar seperti ini, terutama sekali dalam usaha membentuk dan mencari fikiran baru terhadap usaha memimpin belia khasnya golongan pelajar, sangatlah penting dalam zaman pembangunan negara yang berjalan lancar sekarang.

Inginlah saya menyampaikan tahniah kepada PKPM yang menganjurkan Seminar ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini memberikan amanat dengan harapan supaya ingatan dan nasihat yang saya berikan ini menjadi satu petunjuk bukan sahaja kepada ahli-ahli persatuan dan peserta-peserta Seminar ini, tetapi juga kepada kaum pelajar di seluruh negara khasnya di pusat-pusat pengajian tinggi.

Saya diberitahu bahawa inilah kali pertama PKPM menganjurkan Seminar Latihan Pimpinan ini untuk mengidentifi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan dengan itu melibatkan pelajar-pelajar dalam gerakan pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang ini.

Melihat dari progem yang telah diatitkan, saya yakin program-ceramah yang akan diberikan serta perbincangan yang berikut akan memberi garis panduan dalam menyediakan dan melengkapkan pelajar-pelajar untuk turut dalam gerakan

pembangunan ini, lebih-lebih lagi peserta-peserta Seminar ini yang terdiri daripada golongan yang akan mewarisi pimpinan negara dalam tempoh satu jenerasi akan datang.

Sebenarnya usaha seperti ini bukan sahaja kena pada masanya, tetapi sangat wajar kerana pelajar-pelajar pada tingkatan ini bukan sahaja patut melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga menyedari dan memahami akan masalah negara dan bagaimana pula pemimpin-pemimpin berusaha menyelesaikan masalah ini untuk memberikan manfaat kepada rakyat dan kesempurnaan hidup mereka.

Sungguhpun badan-badan pelajar yang lain telahpun berusaha ke arah ini di masa yang lepas, tetapi saya menggalakan usaha PKPM ini kerana peserta-pesertanya terdiri daripada semua bangsa yang menggambarkan perpaduan rakyat negara ini.

Lebih-lebih lagi PKPM telah juga menganjurkan di masa lepas usaha membawa kumpulan pelajar tinggal bersama-sama dengan rakyat di luar bandar dan memberikan pimpinan dan panduan serta merevolusikan mental mereka sesuai dengan kehendak zaman sains dan teknologi ini.

Satu hal yang sangat-sangat saya harapkan ialah supaya masalah luar bandar yang dihadapi oleh rakyat biasa difahami sedalam-dalamnya oleh rakyat terutama pelajar-pelajar yang hidup dalam suasana bandar yang secara ketbetulan kebanyakannya terdiri dari satu kaum tertentu untuk mengetahui penderitaan dan penghidupan mereka yang sama sekali kekurangan kalau dibandingkan dengan orang-orang yang tinggal di dalam bandar.

Dengan kesedaran ini kelak, saya yakin akan kurangnya salah faham tentang mengapa Kerajaan menumpukan perhatian terhadap masalah luar bandar ini oleh kerana matlamat kita menuju kepada masyarakat adil dan usaha yang seperti ini bukan sahaja menjadi satu priority, tetapi juga menjadi kewajipan kepada seorang pemimpin yang memegang

mpuk Kerajaan dan yang benar-benar berusaha untuk men-
dikan keadilan masyarakat itu satu kenyataan.

Di masa-masa akhir ini telah timbul pula aktiviti belia
an juga pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang me-
erlukan perhatian dan penyelesaian. Saya maksudkan ini
ada tunjuk-tunjuk perasaan yang telah dijalankan oleh
ahasiswa Universiti.

Saya tidak berniat untuk membahaskan issue yang men-
di punca timbulnya students' activists ini, akan tetapi saya
anya mengulas aktiviti pelajar dan hubungannya dengan
ality masyarakat berbilang bangsa di Malaysia dan juga
perkembangan politik, sosial dan ekonomi negara seluruhnya.

Saya mengakui bahawa pelajar-pelajar di negara ini telah
mencapai peringkat boleh berfikir sendiri, sungguhpun ada
alanya fikiran-fikiran yang timbul itu terlalu sempit atau
ne-track dan tidak menerima logik dari perkembangan yang
erlaku di sekeliling kita. Pelajar-pelajar yang muncul pada
ari ini umumnya, adalah golongan yang lahir selepas Perang
Dunia Kedua dan dibesarkan dalam zaman negara telah
merdeka.

Dalam menilai atau mengkritik sesuatu yang timbul waktu
ni, saudara patut juga menimbangkan bagaimana tokoh
politik jenerasi saya berjuang mencapai kemerdekaan negara
erta kesulitan yang kami hadapi di zaman Penjajahan. Dalam
ubungan ini, saya ingin menggambarkan semula ingatan
upaya latarbelakang perjuangan itu dapat difahamkan dan
pejadi panduan kepada pelajar yang akan muncul sebagai
mpinan negara di masa depan.

Kesulitan Pejuang-pejuang Kemerdekaan hendak mencapai
kemerdekaan negara sangatlah besar terutama sekali meng-
apat bahawa ada golongan nasionalis di negeri ini yang
ekerjasama dengan Penjajah ataupun boleh mengkompromi
prinsip perjuangan dengan kuasa Penjajah pada masa itu.
ah yang demikian, sebagai usaha mendapatkan kemer-
dekaan dan demi mengadakan satu front bersatu dengan

kaum-kaum lain sebagai memperkuat tenaga perjuangan telah diadakan beberapa persetujuan dengan kaum lain terutama sekali orang-orang Cina dan India.

Pada hakikatnya kompromi yang telah dicapai itu berasaskan dua faktor. Pertama, Malaya Merdeka akan membanteras harapan bahawa orang-orang Melayu mendapat kedudukan istimewa dan taraf ekonomi mereka disamakan dengan kaum-kaum yang lain. Kedua, bagi orang bukan Melayu pula mereka patutlah diberi kerakyatan oleh sebab kita menghadapi satu realiti di mana ramai penduduk-penduduk Tanah Melayu pada waktu itu bukan rakyat. Soal kerakyatan tersebut telah dipersetujukan dengan harapan supaya mereka ini menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara Malaya waktu itu.

Dengan tercapainya kemerdekaan, sungguhpun kekuasaan politik berada di tangan pemimpin Melayu, pada hakikat yang sebenar Persekutuan Tanah Melayu ini adalah bercorak Malayan dan bukan hanya dipunyai oleh orang Melayu sahaja. Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka merupakan hasil dari perjuangan rakyat semua bangsa seluruhnya.

Satu perkara yang penting yang telah dapat diperjuangkan sebagai hasil kemerdekaan ialah soal bahasa. Pada satu ketika terdapat manifestasi di mana sebahagian besar rakyat di negara ini meragu-ragukan kemampuan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ataupun keazaman pihak yang memerintah untuk mendaulatkan bahasa ini.

Hari ini bahasa sudah tidak lagi menjadi satu issue sungguhpun diakui bahawa pada amalan sehari-hari kita masih belum mencapai peringkat kesempurnaan seratus peratus.

Ini disebabkan Bahasa Melayu telah ditekan begitu lama. Lebih-lebih lagi tugas untuk memperkaya bahasa dengan istilah serta perkataan baru telah melambatkan usaha kita. Namun demikian, tidak syak lagi satu kemajuan telah dicapai dalam masalah bahasa ini.

Sungguhpun bahasa amat penting sebagai lambang negara, api bagi negara Malaysia ini, saya berpendapat kiranya ingin maju ke hadapan dalam lingkungan kemajuan sains teknologi, dan dengan harapan untuk menandingi negara-negara lain, kita patutlah mempunyai satu bahasa kedua bagi layakkan kita untuk duduk di tengah-tengah dunia antarabangsa.

Oleh sebab Bahasa Inggeris telah diterima sebagai bahasa ini, adalah lojik bagi kita menggunakan bahasa ini untuk pelajari dan diamalkan tanpa meletakkan tarafnya sama dengan Bahasa Kebangsaan.

Sungguhpun Bahasa Inggeris ini telah digunakan oleh majalah untuk mempengaruhi serba-serbi penghidupan kita masa yang lepas, tidaklah bererti kita tidak dapat mengukannya sebagai Bahasa Kedua itu oleh sebab, pertama, telah dipelajari dan digunakan pada masa yang lepas dan samping itu usaha mempelajarinya tidaklah sulit sebagaimana bahasa lain.

Sungguhpun saya berpegang kuat dengan konsep bahasa dua ini, akan tetapi tidaklah bererti bahawa bahasa kedua mengambil tempat yang utama dalam pengajaran-pengajaran terutama sekali sebagai bahasa pengantar di pusat-pusat pengajian. Yang demikian, konsep kita terutama para ketatan pelajar haruslah tegas dan jelas iaitu kita bukanlah bermaksud hendak mendirikan satu Malay-Malaysia, tetapi Malaysia yang dipunyai serta bakal diwarisi oleh semua orang-negara tanpa mengira bangsa dan agama.

Satu bidang lain yang sangat penting juga ialah mengenai kebudayaan. Di negara ini pada hakikatnya kebudayaan yang wujud sekarang merupakan synthesis daripada pengaruh kebudayaan-kebudayaan terbesar di Asia Tenggara yang berasal daripada India dan Cina. Kebudayaan ini diasimilasi dengan kebudayaan asal bumiputra di negara ini yang mempromosikan kebudayaan serantau bagi Asia Tenggara.

Saya berpendapat di rantau Asia Tenggara ini tidak lagi kebudayaan yang benar-benar murni yang dipunyai diwarisi oleh satu bangsa. Sekiranya kita membuat penelitian secara objektif dan mendalam, maka jelaslah kebudayaan yang kita amalkan hari ini ialah hasil daripada evolusi kebudayaan asli yang terus-menerus menerima pengaruh dalam penghidupan bangsa kita zaman berzaman. Begitu pula dengan masyarakat bangsa-bangsa di Indo-cina, Filipina dan Indonesia.

Dengan pengaruh kebudayaan Barat semasa akhir-akhir kebudayaan Malaysia hari ini bertambah corak memberikannya satu perspective baru. Bagaimanapun ada aspek-aspek yang kekal dipelihara dan disegarkan iaitu bahasa dan menerusnya sastra. Inilah satu-satunya teras yang kekal teguh dalam kebudayaan kita, dan mengukuhkan pegangan bahawa kebudayaan Malaysia hendaklah berlandaskan kebudayaan asli rantau ini.

Dengan mengakui bahawa teras kebudayaan negeri haruslah berunsur Melayu, kita tidak pula membelakangkan unsur-unsur dari kebudayaan lain yang disuapkan dalam kebudayaan masyarakat moden masa ini.

Di masa yang lepas, saya telah berkali-kali mengingatkan bahawa konsep negara kita ini adalah konsep multi-racial dan tindak-tanduk satu-satu kaum di negara ini memberi kesan yang langsung kepada kaum lain. Saya telah menyarankan supaya tidak harus ada sebarang polarisation di kalangan belia dan pelajar. Dan polarisation ini tidak seharusnya berlaku atau wujud di Pusat-pusat Pengajian Tinggi negara kerana polarisation akan menimbulkan akibat yang tidak baik kesannya bagi negara dan perkembangan demokrasi.

Sekiranya polarisation ini dibiarkan berlaku tanpa sekatan totalitarianism akan timbul dan kehidupan rakyat yang aman damai akan terganggu.

Patut diingat bahawa bukan semuanya pemimpin negara berasal dari Universiti. Sungguhpun sebahagian besar dan

reka pernah memasuki Universiti, apa yang kita maksudkan ialah supaya sekalipun terdapat perbezaan pendapat mengenai satu-satu issue, tetapi ternyata ada persefahaman antara pemimpin-pemimpin yang mempunyai fahaman yang berlainan itu.

Untuk menjamin masa depan negara, tema bagi masa depan seluruh rakyat negara ini ialah kerjasama seluruh kaum dengan mendapatkan pertolongan dari semua golongan demi mencapai aspirasi nasional, iaitu pada membina satu Malaysia yang bersatu, dalam mendaulatkan Bahasa Kebangsaan yang tunggal, dalam mewujudkan satu kebudayaan nasional dan yang lebih penting dalam membentuk dan membina satu masyarakat adil dan makmur.

Kiranya setiap golongan terpelajar dapat membantu pada menghasilkan objektif ini, terutama sekali dengan mengamalkan konsep ini pada setiap masa, saya yakin dapat mencapai matlamat ini tanpa menimbulkan sebarang salah faham atau sense of insecurity.

Dalam sebuah negara yang telah maju, lazim kita dapati perbuatan segolongan masyarakat menunjuk perasaan sebagai menggambarkan rasa kecewa dan memprotes atas kegagalan masyarakat. Tetapi, bagi sebuah negara yang sedang membangun, perbuatan meniru contoh di negara-negara yang telah maju itu irrelevant dan tidak berguna sama sekali.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu cabaran kepada semua golongan yang ingin membina negara ini khasnya pelajar-pelajar supaya menumpukan perhatian pada kerja-kerja yang kreatif berdasarkan tatasusila negara ataupun mendorong kepada usaha-usaha yang membina.

Saya telah berkali-kali menyatakan bahawa kaum terpelajar harus menilai yang sesuatu perbuatan dan gerak-gerak hendaklah berpandukan neraca dan kehidupan asli kaum iaitu tanpa meniru-niru sesuatu yang asing dan tidak pernah berlaku di negara ini dulu.

Kaum terpelajar yang hari ini sedang menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman akan mewarisi pemimpin negara. Hakikat ini perlulah diakui kerana seperti pepatah: "Tukang yang paling mudah itu bukanlah tukang yang membina sesuatu, tetapi tukang caci".

Sukalah saya menyatakan bahawa jentera Kerajaan tidak akan tergelincir dari landasannya dalam melaksanakan dasar-dasar nasional kerana inilah semangat tabah dan berani pemimpin yang telah membebaskan negara dari penjajahan. Adalah menjadi kewajibannya untuk menjalankan sesuatu yang dianggapnya mustahak dan berguna kepada bangsa dan negara.

Sebagai pemimpin-pemimpin Kerajaan kami tidak bercita-cita untuk menyerahkan sesuatu kepada bakal pemimpin yang tidak bertanggungjawab yang kami anggap menuju kepada keruntuhan sahaja.

Government power atau kuasa Kerajaan akan digunakan untuk melaksana, memelihara serta mencapai objektif ini. Kami akan gunakan kuasa terhadap apa yang boleh mengancam kestabilan negara dan keharmonian masyarakat dengan tegas, tetapi adil tanpa mengira apakah kami menghadapi satu golongan anak-anak pelajar atau kepada golongan yang anti nasional.

Malaysia mempraktikkan demokrasi dan percaya dengan konsep demokrasi.

Demokrasi menjamin hak untuk hidup. Tetapi, janganlah nama demokrasi itu digunakan oleh golongan minoriti untuk memaksa kehendak mereka ke atas golongan majoriti.

Di bawah demokrasi wakil-wakil rakyat yang terpilih mestilah dihormati. Rakyat harus menaruh hormat pada 'holders of elective office' kerana dengan ini sahajalah semangat demokrasi tulen dapat dikekalkan.

Oleh yang demikian, sebarang perbuatan yang menentang unsur-unsur demokrasi serta mengancam harmoni antara kaum harus dielakkan. Harmoni dan stabiliti negara hendak-

dikekalkan. Pada orang-orang Melayu sendiri tidaklah faedahnya untuk sentiasa berpegang kepada hak Melayu saja dengan mengenyepikan hak-hak bangsa lain di bawah naungan negara sekarang.

Dalam demokrasi suara majoriti tidak harus dilenyapkan bagaimana juga 'Silent majority cannot remain silent, otherwise silence will be interpreted as appeasement by the minority leaders'.

Berbalik kepada Seminar yang saudara-saudara anjurkan saya inginlah menyatakan tentang konsep perjuangan pelajar dan latihan pemimpin. Konsep apakah yang dikatakan 'students achievement' dan apa pula yang disifatkan sebagai 'Government achievement'.

Memang ada jurang yang memisahkan antara dua ini. Dengan itu saya memandang berat bahawa soal pimpinan kalangan pelajar-pelajar adalah penting bukan sahaja untuk memandu rakan-rakan pelajar dalam bidang pelajaran serta aktiviti yang bercorak akademik, tetapi juga dalam hal masyarakat yang boleh melengkapkan pelajar-pelajar tersebut dalam kehidupan di masa akan datang.

Kerajaan kini sedar bahawa potential di kalangan pelajar-pelajar kita terutama di Pusat-pusat Pengajian Tinggi adalah besar dan dengan itu kita berusaha supaya tenaga-tenaga fikir dan juga penyelidik haruslah disalurkan kepada usaha-usaha pembangunan seperti yang saudara jalankan.

Saya amat tertarik hati dengan usaha saudara membawa pelajar-pelajar di kawasan luar bandar untuk memberikan kepimpinan kepada rakyat khasnya.

Usaha saudara-saudara ini patutlah dijalankan secara besar-besaran di masa akan datang dan saya bolehlah memberikan jaminan bahawa Kerajaan akan memberikan perhatian yang sewajarnya ke arah usaha itu, selagi projek yang dijalankan itu benar-benar memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Dengan Seminar latihan ini, saya yakin saudara akan dapat menyalurkan bakal-bakal pemimpin yang akan masuk ke gelanggang masyarakat negara ini secara matang dan boleh memandu masyarakat dan negara ke arah zaman yang lebih gemilang dan makmur. Negara memerlukan pemimpin yang bertanggungjawab dan pimpinan yang penuh disiplin.

Mutu pimpinan ini penting kerana setiap pemimpin atau orang yang ingin menjadi pemimpin mestilah tahu 'the art of the possible'.

Seseorang pemimpin mestilah juga mewakili keinginan rakyat pada satu-satu ketika atau semua ketika (representative of the desire of the people of all time or of a particular time). Ramai cerdik-pandai yang mengemukakan diri untuk menjadi pemimpin, tetapi banyak yang gagal oleh sebab pendapat dan fikiran mereka seringkali terlalu advanced dengan kemampuan rakyat yang mereka pimpin itu untuk menerimanya. Ini mustahak kerana banyak contoh-contoh yang boleh kita ambil daripada pengalaman di masa lepas.

Bagi saudara-saudara yang ingin menjadi pemimpin, hal ini patutlah dijadikan panduan oleh kerana sifat-sifat tersebut yang menjadi ujian samada golongan yang dipimpin itu dapat mengikuti pimpinan saudara-saudara.

Ada juga telatah pemimpin ini yang terlalu jauh ke hadapan dan bila tidak dapat memimpin yang dipimpin, ia berasa kecewa, ia mula menghadapi rakyat dengan kecaman-kecaman dan perbuatan abusive.

Dalam demokrasi rakyat dipimpin dengan cara dipujuk atau dipandu berlainan keadaannya di bawah pemerintahan totalitarianism yang memaksa setiap yang dipimpin mematuhi sesuatu yang mereka ingin.

Inilah di antara perkara-perkara yang patut menjadi perhatian dan bimbingan saudara-saudara.

Seminar saudara ialah mengenai kepimpinan pelajar dan masalah yang sering ditimbulkan di negara kita juga ialah mengenai soal pimpinan.

Meneliti akan hal ini, saya berpendapat bahawa orang-orang Melayu tidak harus bimbang dengan soal pimpinan mereka kerana mereka dianggap akan diambilalih oleh bangsa lain. Untuk masa-masa yang akan datang bahkan sekarang juga, saya yakin bahawa semua kaum di negeri ini menerima orang Melayu sebagai pemimpin asal sahaja pemimpin tersebut memberi kebajikan kepada semua rakyat. Tidak timbul masalah bahawa orang-orang bukan Melayu akan mengambilalih pimpinan kerana mereka sedar pimpinan yang popular dan berkesan, mestilah mendapat persetujuan dan sokongan daripada orang-orang Melayu.

Setiap parti politik terutama Parti Pembangkang, mahu supaya orang Melayu berada dalam pucuk pimpinannya. Demikian juga dalam badan-badan kebudayaan dan lain-lain. Dalam hubungan ini saya nayakan bahawa setiap pelajar khususnya orang-orang Melayu patutlah memperlengkapkan diri untuk melayakkan jadi pemimpin dalam negara yang multi-rasial ini.

Setiap pemimpin hendaklah mentadbir menurut kepentingan semua golongan masyarakat dan menuju kepada perdamaian dan solidariti.

Saya menyeru supaya setiap pelajar akan sentiasa berpegang kepada konsep ini. Dan yakinlah bahawa inilah konsep yang popular dan dapat diterima oleh mereka dalam mencapai kebahagiaan dan kemakmuran negara.

Dengan harapan dan ingatan ini saya sukacitalah mengenyahkan Seminar ini dibuka dengan rasminya.

**BELIA YANG BERJAYA IALAH
BELIA YANG BERTANGGUNGJAWAB**

(Diucapkan dalam majlis pembukaan merasmikan Per-
sidangan Perwakilan Tahunan Ke 5, Gerakan Belia 48 di
Maktab Perguruan Wanita Melayu, Durian Daun, Melaka
pada 3hb. Ogos, 1972)

BUKUR kita ke hadrat Allah Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan taufik dan hidayatNya saya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pada pagi ini dalam majlis pembukaan sidang tahunan Belia 4B di sini.

Saya sesungguhnya berasa gembira kerana dapat bertemu dengan saudara-saudara sekalian yang datang dari seluruh negara serta berpeluang pula menyampaikan amanat yang saya fikirkan penting untuk menjadi panduan dan petunjuk kepada belia-belia khasnya ahli-ahli 4B dan belia di seluruh negara amnya.

Belia adalah simbolik dengan negara kita yang muda. Belia juga menjadi asset dan harapan kepada negara di masa ini dan akan datang. Dan belia adalah menjadi tunjang kepada masyarakat dan Kerajaan dalam perkembangan negara yang sedang membangun ini.

Oleh yang demikian, belia patut memahami akan hakikat ini serta memenuhi harapan yang diletakkan kepada mereka.

Saudara-saudara sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa memberikan perhatian besar terhadap belia, kepada pengagukannya serta potensialnya oleh sebab sebahagian besar kepada rakyat negara adalah terdiri daripada kaum belia.

Pandangan berat yang diberikan oleh Kerajaan serta pemimpin-pemimpin parti dapat difahamkan dengan adanya terapa penyusunan baru dalam Kementerian Belia serta menempatkan pegawai-pegawai yang muda, yang penuh

dedikasi serta mempunyai idea-idea dalam memaju serta menyelesaikan soal-soal belia.

Beberapa hari yang lepas, Kerajaan telah pun melantik Encik Mokhtar bin Haji Hashim, Ahli Dewan Rakyat yang termuda sebagai Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang membuktikan bagaimana beratnya perhatian Kerajaan serta pucuk pimpinan terhadap soal belia. Ini juga membayangkan keyakinan Kerajaan kepada belia sebagai pewaris pimpinan negara di masa hadapan.

Dalam pada itu, belia-belia di negeri ini patut pula faham dan memikirkan bahawa bukanlah sahaja menjadi tanggungjawab Kerajaan terhadap perkembangan dan kebajikan mereka, tetapi adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab bersama mereka pula mengukuhkan kedudukan Kerajaan serta memandu rakyat ke arah pembangunan dan kemajuan di masa depan. Dan dalam hal inilah pimpinan belia mempunyai tugas yang penting supaya mengambil inisiatif dan memberikan perhatian yang besar ke arah ini.

Saya mendapat tahu bahawa Belia 4B ini sedang memberikan perhatian berat terhadap kemajuan masyarakat serta pembangunan-pembangunan di daerah luar bandar. Sesuai dengan namanya itu, kegiatan-kegiatan Belia 4B di bidang pertanian seperti di Merbau Berdarah patut menjadi tauladan kepada orang ramai.

Usaha-usaha seperti ini hendaklah dituaskan kerana sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Kerajaan bahawa rakyat janganlah sentiasa mengharapkan pada Kerajaan semata-mata menjalankan segala sesuatu demi kebaikan mereka.

Budan-badan belia di bandar serta badan-badan sukarela patutlah menunjukkan inisiatif yang sama untuk membantu Kerajaan dalam soal pembangunan, terutama pembangunan masyarakat menurut kehendak dan keadaan tempatan. Kegiatan-kegiatan seperti ini tidak bererti bahawa mereka patut mengadakan perbelanjaan dan sebagainya, tetapi apa yang

perlu ialah semangat inginkan kemajuan serta tenaga-tenaga berfikir dan tenaga melaksanakan projek-projek tersebut. Inilah yang dimaksudkan dengan motivation dan volement belia dalam pembangunan negara.

Masyarakat kita harus sentiasa bergerak atau sentiasa bergerak. Dalam dunia moden dan dengan perkembangan sains dan teknologi begitu pesat hari ini, masyarakat kita tidak harus beku, tidak harus statik dan tidak harus menamatkan diri terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya.

Masyarakat bukan saja patut mengikuti arus perkembangan itu, tetapi lebih-lebih lagi masyarakat yang dipimpin terutama oleh golongan belia, harus pula mencipta usaha-usaha dapat menggerakkan masyarakat seluruhnya mengejar kemajuan dan kebahagiaan hidup.

Dalam hal ini, saya sukalah menegaskan di sini tentang peranan dan sikap belia terhadap pembangunan. Saya tahu bahawa Gerakan ini serta pergerakan belia yang lain-lain sedang pun berusaha menuju ke arah tersebut. Tetapi, kepada belia, dalam menuju pembangunan dan perkembangan yang pesat, konsep kita haruslah terang dan menurut apa yang dikatakan correct attitude ataupun sikap yang betul.

Hakikat yang terpenting bagi belia ialah janganlah mereka menganggap diri semata-mata sebagai waris-waris pembangunan atau golongan yang menerima hasil-hasil pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sebaliknya, mereka hendaklah bersikap berani dan menganggap diri mereka sebagai penggerak pembangunan untuk mempelupuri usaha-usaha ke arah itu.

Dalam hal ini, Kerajaan menghendaki supaya belia di negara ini menggembelingkan tenaga dengan begitu rupa supaya benar-benar menjadi pelupur dan barisan hadapan dalam tugas-tugas pembangunan yang sedang dilancarkan. Namanya, dengan adanya agensi-agensis penggerak untuk membantu ke arah mencapai matlamat pembangunan, belia-

belia patutlah memikirkan tentang peranan yang boleh mereka mainkan bagi menjayakan tujuan-tujuan tersebut.

Belia-belie haruslah melibatkan diri atau fully involved dalam kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan pembangunan sesuai dengan kehendak-kehendak Kerajaan. Dan mereka jangan sekali-kali bersikap apakah yang boleh mereka peroleh bahkan apa yang boleh mereka berikan. Dalam lain-lain perkataan, peranan belia dalam pembangunan negara adalah peranan penggerak yang aktif dan bukan setakat menjadi penerima yang pasif.

Saya mendapat tahu bahawa Pergerakan Belia 4B ini telah menyiapkan blueprint projek-projek dalam Buku Hijau yang di dalamnya tersusun beberapa rancangan-rancangan yang boleh membantu ke arah pembangunan ekonomi dan masyarakat.

Rancangan-rancangan yang telah disusun itu bolehlah disesuaikan dengan rancangan-rancangan Kerajaan seluruhnya. Setelah pasti manfaat dan matlamatnya, maka bolehlah dilaksanakan secara bersama menerusi agensi-agensi Kerajaan dengan mendapat punca-punca kewangan dan tenaga pemikiran yang diselaraskan. Dengan keazaman dan keyakinan semua pihak, tentulah rancangan-rancangan ini dapat berjaya dengan jayanya.

Saya percaya tidak lama lagi Kerajaan akan melancarkan satu kempen baru dalam bidang pembangunan masyarakat. Tidak syak lagi Belia 4B akan dapat serta turut membantu ke arah menjayakan kempen ini. Sumbangan ke arah ini dibayai oleh Kerajaan dan juga masyarakat.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang pertalian Belia dan Politik. Saya merasa kena pada tempatnya oleh kerana Pergerakan Belia 4B ini mempunyai political motivation yang lebih kuat dari pertubuhan-pertubuhan lain. Hakikat bahawa politik tidak terpisah dari kehidupan memang tidak dinafikan. Oleh itu terdapatlah juga ramai antara activist belia juga menjadi activist di arena politik.

Bagaimanapun, suka saya mengingatkan saudara-saudara belia dalam keadaan ini, adalah mustahak ditentukan priority atau keutamaan haluan pergerakan ini. Satu-satu pergerakan akan menjadi benar-benar kuat dan berkesan pengaruhnya kalau tidak ada faktor-faktor yang boleh meyakinkan perpaduan ahli-ahli pergerakan itu. Dengan sebab itu Kerajaan lebih suka melihat pertubuhan belia yang non-political in character kerana ini memberikan peluang penyertaan yang lebih luas kepada semua. Tambahan pula, dengan adanya political colouring, kadang kali menimbulkan serba salah kepada agensi-agensi Kerajaan menentukan apakah sesuatu kegiatannya itu boleh diberi bantuan ataupun sebaliknya.

Keadaan akan menjadi lebih rumit lagi kalau pergerakan yang terang-terang melibatkan diri dalam kegiatan politik dipampatkan, yang mana mungkin menimbulkan inhibition kepada penyertaan yang lebih luas di kalangan belia-belia di tempat itu.

Jadi tegasnya adalah mustahak belia-belia yang terlibat dalam kedua-dua gelanggang tadi menentukan keutamaan dan membezakan antara political involvement dengan youth involvement. Kalau tidak saya bimbang pergerakan itu akan mempunyai dua haluan yang tidak semestinya membawa ke arah matlamat yang sama.

Buat sementara ini, oleh sebab kekurangan pemimpin belia yang bebas dan tidak terlibat dalam politik, saya anjurkan supaya soal parti politik tidak dibincangkan secara langsung dalam pergerakan belia atau dalam aktivitinya.

Satu perkara lagi ialah perhatian besar yang diberikan oleh Kerajaan sekarang untuk menyediakan pemimpin-pemimpin belia dengan tugas-tugas tertentu guna memberi tempat kepada mereka untuk memimpin tenaga-tenaga belia yang kian berkembang.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya diberitahu, telahpun menyediakan satu kertas

cadangan yang bertujuan menyusun semula program latihan pimpinan bagi pucuk pimpinan belia yang telahpun dimajukan kepada Majlis Perunding Belia Negara.

Di antara tujuan besar rancangan latihan ini ialah untuk memberikan pimpinan functional ataupun 'functional leadership' kepada belia dalam hubungan peranan mereka mengenai pembangunan negara. Saya berharap dengan rancangan latihan baru ini, pimpinan belia akan benar-benar mempunyai kemampuan dan kesanggupan untuk memberikan pimpinan pada belia kita dalam lapangan-lapangan yang ada kaitannya dengan pembangunan, masyarakat dan ekonomi negara kita.

Akhir-akhir ini satu perkara yang menarik perhatian saya ialah suara pemuda telah menjadi begitu lantang sekeh dengan kritik dan cadangan mereka. Ini membayangkan semangat pemuda yang sudah memuncak, tidak sabar dan tidak dapat menunggu-nunggu akan hasil perubahan yang datang dengan lambat.

Saya faham akan hakikat ini sebab saya sendiri pun menempuh peringkat kaum belia juga dan mempunyai semangat yang sama kalau tidak pun lebih oleh kerana kami adalah jenerasi yang muncul sebelum negara merdeka sedangkan kebanyakan saudara-saudara di sini adalah jenerasi yang memasuki peringkat belia dan dewasa setelah merdeka.

Dalam ucapan saya kepada Perihimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO yang lalu, saya telah menyebutkan tentang mustahaknya kritik-kritik yang dimajukan oleh pemuda-pemuda disalurkan kepada objektif tertentu.

Saya sukalah menambah di sini bahawa sebarang kritik mestilah menuju kepada persetujuan dan persefahaman; kritik tidak seharusnya menuju kepada konfrantasi dengan pihak lain dan kiranya hal ini berlaku bahkan telah pernah berlaku, apa-apa kebaikan yang telah dijalankan akan manah. Lebih-lebih lagi dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini, kritik-kritik harus berpandu ke

sikap toleransi dan memahami akan konsep negara
ruhnya.

Saya tahu bahawa perkembangan masyarakat belia telah
jadi begitu rupa sehingga terdapat beberapa pertentangan
roach dan sikap. Saya sesungguhnya mengharapkan ba-
tidak harus ada 'polarisation' di kalangan belia-belia
kerana polarisation pada tingkatan ini akan membahaya-
masa depan lebih-lebih lagi dalam penghidupan Malaysia
g berbilang bangsa ini.

Satu lagi aspek belia yang saya suka menyatakan di sini
h belia negeri ini harus mengidentifikan diri mereka
agai belia negara dan oleh kerana negara kita ini terletak
um lingkungan wilayah Asia dan kita juga harus 'meng-
nify' diri sebagai belia dalam wilayah dan lingkungan
a ini. Dengan itu dalam hubungan aktiviti-aktiviti yang
seperti kebudayaan, belia-belia hendaklah meletakkan
s tradisi Malaysia yang kukuh dan tidak meniru-niru akan
buatan belia-belia luar negeri.

Telah sampai kepengetahuan saya tentang gerakan Wood-
k di Cheras.

Dalam merancang gerakan belia kita tidak perlu me-
atau mendapat ilham dari Woodstock. Demikian juga
tidak ingin belia-belia kita menggunakan kumpulan
odstock sebagai satu peluang melakukan perbuatan curang
erti menghisap madat dan lain-lain.

Saya tidak ingin yang belia-belia kita tertiru-tiru akan
atau yang asing bagi kita. Dan kalau perbuatan yang
erti ini meluas saya tidak akan teragak-agak pada meng-
bil tindakan bagi mencegah dan menghapuskan perbuatan

Saya juga diberitahu tentang adanya belia-belia Malaysia
terlibat dengan kegiatan membahagikan dadah di luar
negeri. Kerajaan sesungguhnya memandang berat akan hal ini
na ia mencemarkan nama baik negara. Tindakan-tindakan
sewajarnya akan juga diambil.

Di negeri-negeri yang telah maju, sungguhpun kita tidak bersetuju dengan perbuatan belia memasuki kumpulan 'hippy' menghisap madat dan sebagainya tetapi kita boleh memahami mengapa mereka berbuat demikian. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai cabaran dalam hidup.

Sebaliknya dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia, belia-belia mempunyai cabaran hidup yang besar yang menghendaki tenaga mereka terutama sekali bagaimana kita harus membina negara yang masyarakat multi-racialnya sangat unique ini.

Saya ingin bahkan negara juga ingin belia-belia bersatu. Apabila saudara-saudara bersatu di bawah satu panji-panji dengan menggunakan identiti belia dan memperjuangkan kepentingan belia dan negara, maka saudara-saudara menjadi satu kumpulan yang boleh menyuarakan hasrat dan cita-cita pihak yang saudara wakili. Saudara-saudara hendaklah memastikan apakah sebenarnya kepentingan yang saudara wakili itu agar tidak terpedaya oleh faktor-faktor emosi dan expectation yang tinggi oleh sebab pada umumnya belia lebih emosional dari intelektual atau praktikal.

Kepada saya perkataan belia membawa erti dynamism yang wujud daripada hasrat ingin maju dan sanggup bertindak dan berkorban demi untuk kemajuan, kebahagiaan dan kemakmuran negara. Belia-belia tidak harus menerima tanggungjawab untuk mewakili kepentingan yang mengandungi unsur-unsur prasangka — samada terhadap pihak yang berpengalaman ataupun pihak lain kerana hendak merebut identiti pembaharuan ataupun yang radikal semata-mata kerana mementingkan perubahan.

Belia yang berjaya ialah belia yang bertanggungjawab mereka yang menjunjung dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara. Belia-belia yang meletakkan kepentingan masyarakat dan negara di atas segala-galanya.

Saya yakin bahawa saudara-saudara sekalian adalah ter-
letak di dalam golongan belia-belia yang bertanggungjawab

Demikianlah pandangan dan pendapat yang saya minta
saudara-saudara fikirkan bersama.

Dengan itu saya, dengan sukacitanya, merasmikan Per-
utusan Perwakilan Tahunan Belia 4B yang Ke 5 ini.

TINDAKAN BARU
PEMUDA DAN WANITA UMNO

(Diucapkan di upacara merasmikan Perhimpunan Agung
Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahasa
dan Pustaka pada 23hb. Jun 1972)

ATAS permintaan Presiden UMNO dan dengan persetujuan Majlis Kerja Tertinggi, saya telah diberi tugas untuk berucap merasmikan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO hari ini.

Inilah pertama kali saya diberi penghormatan sedemikian sebagai Timbalan Presiden dan saya bersyukur ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan izinNya kita dapat berkumpul di sini pagi ini untuk bersama-sama dalam Sidang ini. Saya mengucapkan terimakasih atas kepercayaan yang diamanahkan kepada saya dan kepada saudara-saudara sekalian yang telah datang dengan penuh minat menghadiri Persidangan ini untuk bersedia menghadapi satu zaman baru bagi parti kita.

Sidang kali ini merupakan sidang terpenting kerana parti kita UMNO meningkat masuk phase baru dalam perjuangannya sebagai penyambung lidah orang-orang Melayu. Saya menyebutkan ini kerana mulai daripada sidang ini dan pada Perhimpunan Agung UMNO esok dan lusa aktiviti parti akan tertakluk kepada perlembagaan baru yang berjalan di bawah tujuannya. Saya yakin di bawah suasana baru dan pimpinan yang sentiasa hampir dengan rakyat, UMNO bukan sahaja muncul sebagai satu tenaga politik yang terkuat tetapi akan menjadi dalang utama dalam pembangunan dan

perpaduan negara untuk tahun-tahun tujuh puluhan dan seterusnya dalam perjuangan suci yang terus-menerus dan tidak dapat dipastikan akhirnya.

UMNO sebagai rakan terkanan dalam Parti Perikatan bersama-sama dengan MCA dan MIC, telah berkembang sehingga dapat meyakinkan rakyat tentang kebolehan mereka memerintah dan kesanggupannya mengisi keinginan rakyat demi kepentingan negara. Dalam lingkungan inilah Pemuda dan Wanita UMNO tidak semata-mata menjadi anggota parti tetapi bersama-sama melibatkan diri dengan jentera Kerajaan untuk berusaha melaksanakan program yang ditentukan oleh parti dan ditadbirkan oleh alat-alat Kerajaan.

Dalam hubungan inilah saya sebagai Timbalan Presiden UMNO ingin membuat analisa mengenai Pergerakan Pemuda dan Wanita, perhitungan politik serta menghuraikan konsep Kerajaan Berparti atau Party Government secara mendalam supaya dijadikan garis-garis bertindak di masa depan.

Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO masing-masing telah memasuki usia lebih 20 tahun. Dalam tempoh yang begitu lama, kedua-dua pergerakan ini telah banyak membawa sejarah dan turut mempelupuri pergolakan yang membawa kepada banyak perubahan politik, ekonomi dan sosial di negara kita ini.

Pergerakan Pemuda UMNO umpamanya telah bergerak dengan tersusun dan cergas dan mengalami perubahan pimpinan dari seorang tokoh ke seorang tokoh dan maju setapak demi setapak. Dalam bentuknya sekarang saya dapati gabungan berpadu tokoh-tokoh jenerasi sekarang dengan jenerasi kedua terkumpul dalam Pergerakan Pemuda. Ini satu pertanda yang sangat baik dan sihat bagi menjamin 'Continuity and Change of Leadership' dalam Pergerakan di masa akan datang.

Di masa-masa kebelakangan ini, pemuda-pemuda telah memberikan jiwa baru dalam perjuangan, menampakkan semangat yang berkobar-kobar ... sungguhpun ada kalanya

menimbulkan ribut dan kontroversi.

Kepada saya, ini adalah tanda pemuda sebagai tenaga dinamis dan progresif menggambarkan keinginan untuk men-
mpt masyarakat adil dan makmur.

Hendaknya pemuda-pemuda menggunakan setiap peluang, setiap kesempatan mengatur strategi demi kepentingan parti dan negara seluruhnya. Kata pepatah, atur langkah mengikut
ari dan lagu.

Beralih kepada Pergerakan Wanita UMNO, saya inginkah memberikan penghargaan kepada sumbangan kaum wanita di masa-masa lepas terutama dalam menjamin kemenangan calon-calon Perikatan dalam pilihanraya.

Tidak siapa menafikan kaum wanita adalah sentiasa menjadi pelupur barisan hadapan dalam perjuangan parti.

Sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Presiden kita, Pergerakan Wanita dan Pemuda hendaklah sentiasa menjadi pelupur di barisan hadapan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan iaitu dasar yang disusun dan dipersetujui oleh UMNO sendiri.

Kegiatan Wanita UMNO di waktu akhir-akhir ini telah mula dapat menarik golongan muda dan cerdik-pandai. Saya ingin mengesyorkan supaya kaum wanita mengenaukkan tokoh-tokoh yang dapat diterima oleh masyarakat multi-racial kita ini baik dalam cara pemikiran, pergaulan dan kebolehan-nya memberikan pimpinan dalam serba serbi lapangan hidup di negara kita. Inilah garisan panduan untuk saudara ber-
todak.

Dalam pada itu, dengan tidak berniat memperkecilkan kejayaan yang dicapai oleh Pergerakan Wanita serta kemam-
annya menghadapi issue-issue nasional, saya dapati bahawa tokoh-tokoh pimpinan Pergerakan ini di tahun-tahun lepas, pada keseluruhannya terdiri daripada wanita jenerasi yang
an meningkat tua.

Dengan perubahan-perubahan di keliling kita, saya ber-
rap alangkah baiknya jika gabungan daripada jenerasi

muda (second generation) terutama dari golongan intelektual dan profesional dapat dikemukakan supaya menjadikan Pergerakan ini tangan kiri yang kuat dalam parti di samping membawa perubahan, pembaharuan dan hasil-hasil yang diharapkan.

Menyentuh bidang politik pula, Malaysia telah mencapai peringkat politik yang lebih matang atau maturity. Kita melihat bahawa pimpinan UMNO dalam konteks Perikatan tidak mengalami cabaran atau diganggu gugat dalam negara - the 'unchallenged leadership of UMNO in the nation'.

UMNO dalam rangka Perikatan merupakan satu-satunya parti yang menjamin harmoni dan kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

UMNO adalah parti yang jujur memperjuangkan hak Melayu tanpa membelakangkan konsep multi-racial negara dan kepentingan kaum-kaum lain. Dengan sebab itulah program UMNO sentiasa menunjukkan program yang boleh diterima oleh semua golongan sekalipun ada setengah-setengah golongan pembangkang mengatakan UMNO bersifat communal dalam bentuknya. Dengan sebab itu, melihat kepada perkembangan politik semenjak MAGERAN beralih kepada demokrasi berparlimen dan kehidupan politik berkembang semula, perubahan pesat dan radikal telah berlaku dan diterima oleh rakyat Malaysia dari semua kaum dengan mudah.

Pimpinan UMNO telah dapat diterima kerana ternyata bahawa asas dan konsepnya adalah sentiasa adil kepada semua pihak.

UMNO percaya kepada demokrasi, sentiasa menjunjung demokrasi, asalkan demokrasi itu diasaskan kepada kehendak-kehendak rakyat. Demokrasi ada mempunyai tatasusila dan obligasinya. Demikian juga terdapat 'unwritten law' dalam demokrasi. Demokrasi turut patuh kepada undang-undang dan berkhidmat kepada rakyat. Dalam pada itu, sesungguhnya demokrasi memberikan peluang kepada setiap rakyat bertindak dalam partinya, tetapi terdapat anasir-anasir dalam

arti yang menggunakan demokrasi untuk mengelakkan kedudukan. Perbuatan membeli undi, telatah Ketua-ketua Bahagian UMNO membayar yuran ahli semata-mata untuk menyokong dan memberi kekuatan kepadanya adalah contoh-contoh bagaimana demokrasi disalahgunakan dan bertentangan dengan susila dan peraturan demokrasi. Saya memberi amaran di sini supaya perbuatan ini, jika masih berlaku dalam parti hendaklah dihentikan segera.

Pada keseluruhannya rakyat sendiri telah menyedari bahawa untuk mencapai objektif national consolidation dan national unity, usaha-usaha hendaklah diasaskan kepada satu program dan dalam bentuk yang boleh diterima seluruhnya. Saya percaya bahawa saudara-saudara kita daripada kaum muda adalah sentiasa memandang kepada pimpinan UMNO kerana tanpa pimpinan ini mereka tidak menemui hujung jalan. Dalam hubungan ini Pemuda dan Wanita UMNO khasnya mempunyai peranan yang penting untuk memberikan sokongan dan sokongan dan jika diperlukan pengorbanan. Apa yang sering terjadi ialah dalam perkembangan politik tanahair kita yang serba kompleks ini ialah manakala pimpinan tertinggi terpaksa bertindak berdasarkan kepada amanat yang diberikan dan tidak dapat merundingkan sesuatu dengan semua golongan parti demi muslihat negara, acapkali terjadi pemuda dan wanita bertindak bertentangan dengan kemahuan pemimpin-pemimpin.

Saya berharap supaya pemuda khasnya jangan selalu cepat reacting towards events atau bertindak terhadap peristiwa, tetapi sentiasa berusaha untuk menyalurkan pendapat dan cadangan atau 'initiating ideas and actions' yang menurut perhitungan dan pendapat mereka boleh memberikan pimpinan dalam lingkungan kegiatan tertentu. Idea-idea yang baik yang disalurkan kepada saluran tertentu adalah seratus kali lebih baik daripada ucapan-ucapan dan kenyataan prosasional yang hanya boleh menaikkan semangat serta menimbulkan sensation dalam akhbar-akhbar saja.

Politik di negara kita telah mencapai satu peringkat yang kompleks juga tetapi memberi harapan baik untuk masa depan. Sekalipun terdapat perbezaan mengenai dasar dan approach di antara parti pemerintah dan parti pembangkang, tetapi terdapat kemungkinan mencapai kemajuan dan perpaduan di kalangan pemimpin-pemimpin parti politik untuk bekerja bersama-sama demi kepentingan negara. Sebagai bukti saudara-saudara telah melihat tentang perkembangan-perkembangan di mana parti-parti pembangkang yang pada satu ketika menentang polisi pemerintah telah dapat bekerjasama dengan kita pada peringkat negeri dan peringkat kebangsaan.

Saya yakin bahawa pimpinan parti pembangkang yang bertanggungjawab di negeri ini pada perhitungan terakhir akan dapat menutup segala perbezaan pendapat di kalangan mereka dan bekerja bagi faedah semua dalam negeri ini.

Sebagaimana yang saudara-saudara telah saksikan perkembangan di kalangan parti pembangkang yang chauvinis dan rasialis telah menunjukkan bukti perpecahan dan keruntuhan.

Saya meramalkan bahawa DAP sedang menuju ke arah peringkat akhirnya dan dalam tempoh yang tidak lama lagi kita boleh menyaksikan pemberontakan dalam parti yang menyebabkan lebih ramai tokoh-tokohnya keluar.

Dari satu segi ini merupakan satu perkembangan yang baik oleh sebab pemimpin yang realis sedar bahawa DAP hanya hidup dengan laungan perkauman dan subur dengan menyala-kan api permusuhan kaum saja.

Saya berpegang dengan keyakinan politik saya bahawa tidak ada parti yang boleh hidup selagi tidak ada sifat toleransi dalam parti itu sendiri.

Bagi pemuda-pemuda hendaklah sentiasa melihat akan perkembangan ini dan mengambil catitan akan segala sesuatu dengan keyakinan bahawa hal ini dijadikan asas untuk bertindak dan mengatur strategi masa depan.

Bagi tujuan ini, Pemuda dan Wanita patutlah mempunyai sifat-sifat seperti "sense of involvement" iaitu melibatkan diri dalam segala kegiatan-kegiatan parti, "sense of dedication" atau sifat dedikasi dan "sense of belonging" terhadap parti dan pemimpin pada setiap masa.

Peranan pemuda sebagai sayap kanan hendaklah mengetahui bahawa kita sebagai anggota parti hendaklah sentiasa setia dan menjunjung tinggi dasar yang ditentukan oleh parti dan Kerajaan. Oleh itu pemuda-pemuda bertanggungjawab mempertahankan dasar yang ditentukan ini dan melaksanakan.

Saya faham bahawa kadang-kadang terhadap "missing link" di antara parti dan pemerintah, bagaimana pemuda-pemuda berasa kecewa dengan pelaksanaan yang diharapkan menurut dasar parti. Saya tahu bahawa pemuda-pemuda ingin supaya suara mereka yang lantang itu boleh didengar dan dor-syor mereka dapat dipertimbangkan walaupun tidak didedahkan. Dalam hubungan ini, kita dapati kadang kala tidak ada machinery yang boleh menentukan supaya hal ini diselesaikan untuk dikaji selanjutnya.

Saya bersetuju parti kita mengadakan satu sistem supaya suara pemuda tidak ditekan atau diabaikan dan sebaliknya didengar dan diberi peluang supaya mereka dapat bertindak sesuai dengan kehendak dan keinginan dalam lingkungan yang ditentukan oleh parti.

Semenjak rakyat berpeluang semula berpolitik selepas MALAGERAN, perubahan pesat berlaku dan rakyat menerima bukan sahaja sebagai realiti politik, tetapi sebagai satu perkembangan untuk perubahan-perubahan yang lebih besar masa depan.

Usaha menyatupadukan rakyat jelas berjalan kuat dan lebih berjaya. Kegunaan Bahasa Malaysia lebih luas dan lebih diterima oleh semua kaum. Pelajaran tinggi dapat dicapai oleh lebih ramai pelajar-pelajar.

Peruntukan Kerajaan kepada usaha meluaskan peranan bumiputra dalam bidang ekonomi meningkat kepada ratusan juta ringgit — peruntukan yang tidak boleh diduga dibandingkan betapa susahnya mendapat peruntukan lima juta bagi modal Bank Bumiputra dahulu.

Adalah benar dan tidak dapat dinafikan bahawa kita belum sampai kepada matlamat kita. Tetapi hasrat Kerajaan untuk menseimbangkan kedudukan dan taraf kaum-kaum di Malaysia tak boleh dicabar lagi. Kalau rancangan kita tidak mencapai kejayaan sepenuhnya bukanlah disebabkan tidak ada keinginan oleh pihak kerajaan, tetapi ada faktor lain yang menghalang kejayaannya.

Di dalam bidang politik parti, perubahan besar berlaku. Dan perubahan yang ternyata sekali ialah perubahan dalam UMNO sendiri. Umpamanya sungguh pun UMNO ditubuhkan sebagai satu parti politik, aktiviti pada satu masa telah beransur-ansur mengubah cara pimpinannya sehingga terdapat anggapan di kalangan yang kritis bahawa UMNO adalah parti sosial yang lebih mengutamakan kegiatan hiburan ahli-ahli daripada memikirkan soal-soal negara.

Pilihanraya 1969 dan peristiwa 13 Mei telah mengejutkan UMNO tentang tanggungjawabnya. Hasil Pilihanraya telah menunjukkan tanda-tanda kelemahan UMNO dan peristiwa berdarah mempamirkan kesan kelemahan ini.

Berikutan dengan ini apabila UMNO mengadakan Perhimpunan Agung pertamanya selepas Pilihanraya, sikap ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO bertukar. Perasaan bertanggungjawab telah pulih dan UMNO bersikap serius sekali dalam menghadapi masalah-masalah negara. Ahli-ahli UMNO tidak lagi menyokong pemimpin-pemimpin tanpa memikir dan memperhitungkan sesuatu, tetapi mengulas dan mengkritik polisi parti dan Kerajaan dengan tegas dan jelas. Pemimpin-pemimpin yang tidak dapat menghadapi kritik ini tidak ada tempat lagi dalam perhitungan masa depan parti.

Pemimpin-pemimpin ditegur, dicabar dan diberi amaran. Kemampuan Parti dan Majlis Tertinggi menghadapi cabaran itu adalah nyata kerana bukan sahaja Majlis Tertinggi mengadakan lebih banyak mesyuarat dan membahus soal-soal yang dihadapi oleh parti dan negara, tetapi sidang-sidangnya lebih serius dan mendalam.

Seperti yang saudara maklum, untuk menghadapi aneka ragam masalah parti dan negara, beberapa biro-biro telah ditubuhkan dengan tugas memikir, menimbang dan membuat per-syor tentang masalah dalam lingkungan masing-masing pemuda dan wanita juga mempunyai biro-biro sendiri. Peranan Biro ini sangat penting dari segi gerakan parti, kerana membolehkan tokoh yang berpengalaman dalam sesuatu bidang memberikan expert opinion dalam bidang itu. Keputusan Biro tidak semestinya diterima oleh Majlis Tertinggi, tetapi Majlis Tertinggi tidak mudah membelakangkan nasihat Biro ini. Dengan adanya Biro ini, maka pengalaman dan pengetahuan Majlis Tertinggi terhadap sesuatu perkara adalah lebih mendalam pula.

Oleh sebab usianya masih baru, peranan Biro-biro dalam tugas yang diberi kepada mereka belum begitu memuaskan. Biro-biro belum dapat mengkaji keseluruhan masalah parti dan negara secara yang memberi kesan.

Dari itu adalah mustahak bentuk Biro ini dikaji semula dan satu mandat baru diberi kepadanya, mungkin dengan mengadakan ahli-ahli tambahan dan pimpinan yang lebih berkesan dan berkesan.

Perubahan dalam parti dari segi tanggungjawab dan ke-gugupannya menjadi lebih penting kerana perhubungan parti dengan Kerajaan telah berubah. Di masa lepas, parti berpegang dari Kerajaan sehingga Kerajaan menjadi satu-satunya yang hampir tidak ada hubungan dengan parti. Di masa ini, cuma ahli-ahli parti yang memegang jawatan-jawatan tinggi Kerajaan seperti Menteri-menteri sahaja yang boleh menentukan polisi dan bentuk Kerajaan. Pendapat

Menteri disifatkan sebagai pendapat parti. Tetapi oleh kerana tidak ada saluran untuk anggota parti menyuarakan pendapat mereka, kadang-kadang tidak ada persamaan pendapat dan sikap antara parti dan Kerajaan.

Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pemimpin-pemimpin dipilih — seperti ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi yang bukan Menteri dan para perwakilan ke Perhimpunan Agung. Sungguhpun disiplin parti menjamin bahawa perselisihan faham antara pemimpin parti yang menjadi ahli Kabinet dengan pegawai-pegawai parti yang tidak berjawatan dalam Kerajaan tidak mendatangkan pecah belah dalam pimpinan parti, tetapi sedikit sebanyak keadaan tidak sama sependapat antara pemimpin-pemimpin ini telah melemahkan parti.

Dalam konsep baru Kerajaan Berparti, susunan dan gerakan UMNO berubah supaya UMNO dan Kerajaan menjadi lebih dekat dan identiti UMNO dan Kerajaan tidak terpisah seperti dahulu.

Oleh kerana Majlis Tertinggi UMNO dan Biro-bironya telahpun mengambil berat mengkaji secara mendalam soal-soal negara, konsep Kerajaan berparti perlu dijelaskan supaya tidak timbul salah sangka. Ada juga ketika yang wakil rakyat ataupun ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan memberi arahan terus kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Pendapat bahawa oleh kerana UMNO ialah rakan dalam Kerajaan Perikatan, maka ahli-ahli serta pegawai-pegawai UMNO terus berkuasa di atas pegawai-pegawai Kerajaan adalah tidak benar dan tidak betul.

Dalam sistem demokrasi, parti menjadi saluran bagi menyuarakan kehendak ramai. Saluran-saluran ini jelas dan teratur. Parti berkuasa melalui pegawai-pegawai yang dilantik oleh parti untuk menubuhkan Kerajaan. Parti berkuasa oleh parti ini bermakna bahawa pegawai yang dilantik oleh parti ini menjadi alat parti. Sebagai

saluran parti, pegawai-pegawai yang dilantik dalam Kerajaan mestilah mudah dihubungi oleh parti dan ahlinya.

Susunan UMNO sekarang lengkap dengan saluran untuk membolehkan setiap ahli menemui pemimpin parti yang ada dalam Kerajaan. Biro yang ditubuh oleh parti boleh mengerahkan polisi dan merancang tindakan yang bukan saja boleh dikemukakan kepada pemimpin-pemimpin parti dalam Kerajaan, tetapi boleh menolong pemimpin, meneliti semua mak-geri Kerajaan secara langsung. Semua perkara yang dibangkitkan oleh ahli Biro, boleh disampaikan kepada pegawai yang bertanggungjawab. Pegawai-pegawai cuma boleh menolak pendapat Biro kalau ada alasan yang tepat. Namun ia yakin bahawa pendapatnya sendiri lebih baik dan boleh dipertahankan kalau dipersoalkan oleh perwakilan ahli.

Biro-biro boleh mengumpul bukan sahaja pendapat ahlinya, tetapi pendapat mana-mana pihak yang ada berkaitan dengan satu-satu perkara.

Majlis-majlis dialog antara pemimpin dengan ahli semakin banyak diadakan. Mana-mana kumpulan dalam parti bebas mengadakan diskusi dengan pemimpin berkenaan dengan perkara-perkara tertentu. Samada kumpulan-kumpulan ahli dapat mempengaruhi pemimpin bergantunglah kepada pelaksanaan mereka. Pemimpin tidak semestinya boleh menolak pendapat dan fikiran yang dibenteng kepadanya kalau tidak bertanggungjawab.

Kalau tidak mahu ia mesti menimbang pendapat yang dikemukakan olehnya. Kalau ianya diterima bermakna bahawa parti dan ahli-ahli telah berjaya membentuk polisi Kerajaan melalui parti dan ahli-ahli berkuasa ke atas Kerajaan.

Walaupun ahli berpeluang membentuk dasar Kerajaan, parti tidaklah berhak menggunakan alat dan saluran yang dikemukakan tadi untuk kepentingan diri sendiri. Ada ahli-ahli

yang berpendapat bahawa oleh kerana parti berkuasa Kerajaan, maka ia juga berkuasa menggunakan kuasa Kerajaan untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam sistem demokrasi Kerajaan ialah Kerajaan dimana semua warganegara ada hak yang sama. Kalau ahli parti yang menjadi Kerajaan berpendapat bahawa Kerajaan ialah untuk parti sahaja, maka ini bukan demokrasi, tetapi sistem Fascist. Ahli-ahli UMNO hendaklah menyedari hal-hal ini.

Ahli parti berhak menggunakan jentera parti dan Kerajaan untuk mencari keadilan apabila tindakan terhadap mereka tidak adil. Tetapi ahli parti yang menjadi Kerajaan tidak berhak mengutamakan dirinya sendiri secara tidak adil. Mereka tidak berhak menggunakan parti dan Kerajaan untuk menindas pihak lain-lain.

Pengalaman manusia di seluruh dunia menunjukkan bahawa Kerajaan yang tidak adil kepada semua pihak tidak akan kekal dan berjaya. Ahli-ahli parti Kerajaan tidak berhak menggunakan parti dan Kerajaan secara yang zalim semata-mata kerana ia menjadi ahli parti Kerajaan. Dalam demokrasi 'there is no law for bad Government'.

Dari itu jelas bahawa UMNO ialah parti yang demokratik, lengkap dengan alat dan saluran yang membolehkan parti berkuasa ke atas Kerajaan secara yang adil. Konsep Kerajaan Berparti sangat benar dan diamalkan sekarang secara teratur dan adil.

Malangnya, sungguhpun ada jentera-jentera dan saluran-saluran untuk tiap-tiap ahli dan tiap-tiap kumpulan dalam UMNO menguasai Kerajaan, kadang-kadang kita masih mendapati jentera-jentera ini tidak digunakan. Walaupun pemimpin parti yang ada dalam Kerajaan boleh ditemui untuk berunding, pemimpin-pemimpin ini dibelakangkan. Biro tidak digunakan sepenuhnya, sehingga ada pendapat yang berkata bahawa tidak ada guna mengadakan Biro.

masa-masa akhir ini, terdapat cawangan-cawangan membuat keputusan dan mengisytiharkan keputusan melalui suratkhbar seolah-olah mereka ahli parti. Ada kalanya selepas keputusan diumumkan barulah ada perbincangan berdialog dengan pemimpin parti yang bertanggungjawab.

Benarnya kalau keputusan telah diketahui ramai, rundingan tidak ada makna lagi. Alangkah baiknya kalau keputusan ini diumumkan sebagai hasil rundingan antara pemimpin dan ahli. Saya syorkan supaya perhubungan menerusi jentera ini dikurangkan atau diberhentikan sama sekali.

Dari segi perpaduan dalam parti, berunding dulu adalah lebih baik daripada berunding kemudian. Kuasa ahli dan pemimpin parti atau Kerajaan akan lebih berkesan kalau cara bertindak tidak mengelirukan parti. Di masa lepas kita lihat bahawa pemimpin parti dalam Kerajaan terpisah dari ahli. Sekarang jentera parti disusun semula supaya kegunaan jentera tidak boleh berlaku.

Walaupun ada jentera dan saluran untuk ahli menegur pemimpin parti, ini bukan bermakna ahli tidak boleh menegur pemimpin tanpa melalui jentera dan saluran yang disediakan. Pemimpin-pemimpin akan lebih berhati-hati dan cergas kalau sekali-sekala teguran dibuat melalui akhbar.

Teguran-teguran seperti ini boleh mengejutkan pemimpin parti supaya sedar tentang sesuatu perkara. Tetapi, kegunaan cara ini mestilah diawasi supaya tidak menjatuhkan maruah parti, memecah-belahkan parti dan memberi peluang bagi parti-parti lain mencelah dan mengambil kesempatan.

Saya telah saya huraikan konsep Kerajaan Berparti serta analisa mengenai perkembangan politik di seluruh negara. Di dalam perbincangan ini inginlah saya jelaskan tugas-tugas pemuda dan pemimpin dalam konteks perjuangan parti di tahun-tahun yang akan datang.

Sebagai Parti yang mendukung Kerajaan, saudara-saudara patutlah sedar tentang tanggungjawab kita menghadapi rakyat dan dengan itu pertimbangan dan 'approach' saudara patutlah dihadapkan ke arah memberikan pandangan yang sebenar mengenai usaha-usaha Kerajaan. Telatah membesar-besarkan kegagalan usaha-usaha parti dan Kerajaan patutlah dikurangkan.

Parti Kerajaan dalam negara membangun patut mengamati beberapa aspek-aspek ini di antaranya ialah parti politik pemerintah tidak harus meletakkan Kerajaan dalam keadaan serba salah mengenai hubungannya dengan negara tetangga.

Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi 'pressure group' secara terbuka kerana dalam demokrasi tekanan datang dan pembangkang.

Mustahaklah kita membezakan soal-soal prinsip dari soal-soal detail. Soal-soal detail tidak harus diperbahaskan di khalayak ramai dan cara-cara bertindak patutlah mengikut saluran parti dan tidak meminjam tradisi-tradisi asing yang menyentuh pendirian dan keutuhan pimpinan.

Dalam konteks ini, hubungan sesama manusia samalah pentingnya dengan hubungan di segi politik. Golongan-golongan yang radikal seperti pemuda-pemuda patut menirakan cara-cara hidup Timur dan menyesuaikan diri dengan keadaan serta tidak mengambil sesuatu yang tidak diterima oleh orang ramai.

Mustahak bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita supaya sentiasa bersikap 'action oriented', bukan 'publicity oriented' dan tidak bergerak seperti anggota oposisi dalam Kerajaan.

Saudara-saudara terdiri dari golongan muda, mempunyai semangat dan idea yang dihargai oleh parti. Tetapi, patutlah diingat bahawa semangat dan tindakan saudara itu terbatas dalam framework dasar dan strateji parti.

Untuk persiapan menghadapi zaman baru dan perkembangan masa depan, pemuda-pemuda dan wanita-wanita sentiasa waspada dan:

- menyedari perkembangan di sekeliling untuk dijadikan asas bertindak
- mengakui bahawa kekuatan dan tenaga parti sebahagian besar terletak pada saudara
- menyiapkan diri untuk menerima pimpinan parti bila waktunya tiba kelak
- memperteguh ketahanan bangsa dalam menghadapi keadaan yang berubah-ubah
- mempertingkatkan sifat-sifat agresif yang positif untuk memberi jiwa baru kepada parti
- sentiasa menghadapi rakyat kerana leadership parti dan negara sentiasa berasaskan rakyat jelata atau mass based
- memandu ahli-ahli terhadap pemilihan pimpinan parti untuk menjamin bahawa pemimpin-pemimpin yang kita pilih adalah jujur, berkhidmat pada rakyat dan negara dan bukan untuk kepentingan diri.

Dengan kupasan, teguran, analisa dan harapan ikhlas ini- saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Gerakan Pemuda dan Wanita UMNO. Terimakasih.

PELAJARAN MEMPUNYAI
KEPENTINGAN ULUNG
DI NEGARA INI

(Diucapkan di majlis pembukaan Taklimat Pelajaran di
Dewan Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala
Lumpur, pada 16hb. Oktober, 1971)

INI
Tak
S
suo
wa
das
S
On
aral
Pela
I
kan
yon
I
yan
yon
S
fan
on
I
mu
p
I
mu
mu
mu
mu

LAH kali kedua saya berpeluang menghadiri upacara Taklimat Pelajaran anjuran Kementerian Pelajaran.

Saya berbesar hati kerana dapat peluang berucap kepada para hadirin dan pegawai-pegawai sekalian pada hari ini mengenai masalah pelajaran dan hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan pelajaran besar pelajaran negara.

Saya mengucapkan terimakasih kepada YB Encik Hussein bin, Menteri Pelajaran yang telah menjemput saya dan mengahibahkan pegawai-pegawai untuk mengatur satu Taklimat Pelajaran yang besar ertinya ini.

Baru tiga hari lepas, Kementerian Pelajaran telah mengemukakan satu laporan Jawatankuasa mengkaji pelaksanaan syor-syor Pelajaran Rahman Talib.

Laporan tersebut, telah memberi perincian mengenai hasil yang telah dicapai dan pelaksanaan yang telah dibuat kepada syor-syor tersebut.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah berusaha mencapai tujuan itu sesuai dengan semangat dan matlamat yang terkandung di dalamnya.

Kepada saya, pelajaran mempunyai kepentingan yang sangat sekali di negara ini kerana menerusi pelajaranlah masa depan dan corak negara ini dapat ditentukan.

Dasar pelajaran yang dilaksanakan sekarang adalah mengikut syor-syor Laporan Razak dan ini merupakan batu sendi perkembangan pelajaran di Malaysia. Syor-syor itu telah ditubuhkan sebagai satu faktor menentukan perpaduan negara dan telah disemak semula hinggakan syor-syor tersebut telah dimasukkan dalam Akta Pelajaran 1961.

Menyebut tentang pelajaran, saya tahu ramai rakyat negeri ini boleh bercakap mengenai pelajaran akan tetapi kebanyakan mereka itu hanya boleh memberikan fikiran berdasarkan sentimen semata-mata.

Oleh sebab itu pelajaran dijadikan bahan politik dan sesuatu yang menimbulkan rasa gelisah.

Apa yang saya harapkan supaya rakyat yang berfikir di negeri ini memandang soal pelajaran secara objektif. Juga fikiran yang berdasarkan lunas-lunas kepentingan negara dan tidak menurut kacamata yang sempit untuk satu golongan manusia sahaja.

Dengan penerimaan dasar pelajaran ini serta matlamat akhirnya, saya menyeru supaya pelaksanaan dasar ini berjalan menurut semangat yang terkandung di dalamnya. Saya harap tidak ada pegawai-pegawai dalam Kementerian ini yang menjadi pengkhianat kepada dasar itu.

Saya sukalah menegaskan bahawa matlamat penyudah sistem pelajaran di negeri ini ialah untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar utama. Keazaman ini tidak seharusnya dipersoalkan oleh mana-mana pihak lagi. Soal bahasa ini telah dipencilkan dari perbincangan umum dan tidak lagi digunakan oleh golongan anti-nasional dan anti-perpaduan yang cuba menjadikan hal ini sebagai bibit-bibit menimbulkan salah faham antara satu dengan lain.

Dalam pada itu, sungguhpun Bahasa Malaysia menjadi bahasa terwajib mempelajari dan menguasai bahasa-bahasa asing tidak kurang pentingnya. Kemajuan kita dan perhubungan kita dengan dunia antarabangsa bergantung besar pada hakikat ini.

Adalah menjadi kewajiban setiap rakyat yang memberikan taat setianya kepada negeri ini melengkapkan diri dan mempelajari Bahasa Malaysia yang menjadi asas penghidupan negara kita.

Pada tahun-tahun yang lepas sistem pelajaran negeri ini hanya dapat memberi pelajaran asas sahaja samada di bidang

akademik mahupun vokesyenal. Tetapi pada ketika ini saya sukacita diberitahu bahawa di bawah pimpinan Encik Hussein Onn, Kementerian ini berusaha mengeluarkan tenaga manusia yang boleh terus bekerja dengan bahagian swasta tanpa mendapatkan latihan kemahiran terlebih dahulu. Perubahan ini sangat menggalakkan dan menandakan satu kemajuan dalam pemikiran perancang-perancang pelajaran kita.

Oleh kerana itu dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan membina enam buah Sekolah Vokesyenal dan lima buah Sekolah Teknikal untuk menambah bilangan yang ada hari ini. Sekolah ini dijangka akan dapat menampung lebih kurang 640 orang pelajar.

Di bawah sistem ini murid-murid dari sekolah-sekolah ini tidak berhenti setakat memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia (Vokesyenal). Kemudahan-kemudahan disediakan oleh Kerajaan untuk mereka melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam dan seterusnya ke Universiti. Dengan cara ini bilangan pekerja-pekerja mahir yang boleh terus bekerja dengan pihak swasta akan mencukupi lagi berguna kepada golongan swasta. Masalah yang dihadapi oleh negara dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, di segi kekurangan tenaga manusia akan dapat diatasi.

Kementerian Pelajaran juga menjalankan berbagai-bagai jenis latihan untuk menyediakan tenaga manusia berkemahiran. Sekalipun demikian negara masih menghadapi kekurangan tenaga ini. Dengan rancangan-rancangan yang diaturkan oleh Kerajaan dan Kementerian Pelajaran, saya berharap semua kekurangan ini diatasi sebaiknya.

Saya tertarik hati dengan taklimat ini yang juga menyentuh beberapa rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan. Oleh itu saya menyeru supaya segenap lapisan rakyat memberikan segala kerjasama supaya cita-cita yang baik itu akan tercapai. Ini bukan sahaja menguntungkan anak-anak kita malahan negara seluruhnya.

Saya suka mengingatkan di sini bahawa kemajuan serta mutu pelajaran seseorang murid bukanlah bergantung semata-mata di tangan Kerajaan dan guru-guru, malahan ianya menjadi tanggungjawab bersama ibubapa dan masyarakat seluruhnya. Dengan itu rakyat negara ini patutlah memberikan kerjasama mereka kepada Kerajaan dalam apa jua usaha hendak memajukan pelajaran dan membaiki lagi taraf hidup kita semua.

Saudara-saudara sebagai tokoh parti akan dapat membantu melaksanakan tujuan itu.

Dalam taklimat ini saudara-saudara akan dapat mendalami soal-soal pelajaran dan hubungannya dengan rakyat.

Dailog yang akan berjalan sehari suntuk ini memberi kesempatan untuk memahami masalah-masalah itu dan menerangkannya pula kepada rakyat jelata. Hasilnya akan memperdekatkan jurang yang memisahkan pengertian rakyat di satu pihak mengenai soal pelajaran dan usaha Kerajaan dalam mengisi kehendak rakyat itu di satu pihak yang lain.

Usaha Kementerian Pelajaran mengadakan taklimat ini haruslah diberi pujian dan Kementerian-kementerian lain patut mencontoh inisiatif Kementerian Pelajaran ini. Dengan cara itu rakyat akan mengetahui lebih dekat lagi usaha-usaha Kerajaan untuk menolong mereka menikmati satu cara penghidupan baru dan mengikuti 'our performances and promises'. Ini ialah matlamat Kerajaan dengan harapan hendak merestruktur masyarakat berbilang kaum di Malaysia menerusi pelajaran.

Saya mengakhiri ucapan ini dengan harapan akan lahir satu jenerasi baru Malaysia yang terpelajar dan dedicated di bawah sistem pelajaran nasional kita.

Dan dengan segala sukacita saya merasmikan pembukaan Taklimat Pelajaran ini.

**SENIMAN ADALAH SUMBER KEBANGGAAN
SESUATU NEGARA**

(Diuucapkan di upacara merasmikan pembukaan Pamiran
Emputan Senilukis di Balai Senilukis Negara, Kuala
Lumpur pada hari Isnin, 11hb. Oktober 1971)

PAMIRAN Senilukis biasanya merupakan satu cara kemuncak aktiviti Balai Senilukis Negara tiap-tiap tahun sejak ia ditubuhkan tahun 1958. Tahun 1971 ini, saya diberitahu satu perubahan dengan bentuk baru telah dilakukan pada acara pameran kali ini. Dari satu pameran terbuka seperti tahun-tahun yang lampau kepada satu pameran jemputan. Maksudnya pelukis-pelukis yang telah menunjukkan mutu pengeluaran terbaik dalam tahun lalu dijemput untuk mengambil bahagian.

Usaha ini merupakan satu langkah positif untuk menggalakkan pertandingan di kalangan pelukis-pelukis berbakat, supaya Seni Tampak (Visual Arts) dalam negara kita ini, tidak tinggal statis. Sebaliknya ia sentiasa bersifat progresif dan menerima perubahan-perubahan yang berlaku di sekitar masyarakat kita sekarang.

Saya inginlah mengucapkan tahniah kepada Lembaga Amanah Balai Senilukis atas usaha mereka ini. Mengambil kesempatan ini juga saya mengucapkan terimakasih atas jemputan merasmikan pameran ini.

Kepada saya Senilukis adalah satu keindahan yang menggambarkan jiwa dan kesucian penciptanya.

Para pelukis atau ahli-ahli seni adalah orang yang dikatakan benar-benar merasakan keindahan hidup.

Saya menyeru supaya Senilukis digalakkan terutama di kalangan bakat-bakat muda supaya negara kita yang mempunyai keindahan alam ini dapat mengeluarkan ramai bilangan pelukis-pelukis seni.

Masyarakat kita sekarang sedang mengalami banyak perubahan-perubahan pesat dalam beberapa aspek-aspek kehidupan sosial, ekonomi dan politik. Dalam usaha kita meninggikan taraf hidup sebagai satu masyarakat Malaysia yang progresif, kita menyalurkan semua tenaga ke arah pelaksanaan mengikut prinsip yang terkandung dalam Rukunegara. Perubahan yang berlaku di sekitar kita sekarang, bukan sahaja dari segi kebendaan tetapi juga dari segi rohani. Ini berlaku dengan cepat dan tidak ada bandingnya dalam sejarah negara kita dalam masa yang lampau.

Dalam lapangan seni, sumbangan yang ditumpukan oleh Kerajaan serta tenaga yang dicurahkan oleh peminat-peminat seni bagi memupuk suatu seni yang bercorak Malaysia telah membuka suatu lembaran sejarah baru. Umpamanya dalam menggelak dan menyuburkan Seni Tampak, Kerajaan bukan sahaja telah menambahkan peruntukan wang kepada Balai Lukis Negara lebih banyak tetapi juga telah mengambil beberapa langkah tegas seperti menimbangkan soal perlantikan seorang Pengarah Balai Seni supaya pelaksanaan dasar dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Saya berharap dengan kemudahan baru yang diadakan itu, Balai Seni Negara akan dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam masyarakat kita yang sedang berkembang — bukan sahaja sebagai satu agen memamerkan karya-karya seniman tetapi juga sebagai satu sumber perpaduan dan bimbingan kepada Seni Tampak di masa-masa yang akan datang.

Satu-satu seni yang tulin adalah membayangkan perkembangan-perkembangan jiwa dan intelek satu-satu masyarakat. Dapatlah kita pastikan dari sejak zaman manusia mula melukis gambar binatang perburuan di dinding gua kediaman mereka beribu-ribu tahun dahulu. Proses perkembangan ini berjalan hinggalah kepada zaman moden di mana teknologi yang kompleks mempengaruhi kehidupan masyarakat dunia.

Di negara kita sekarang ini, kita sedang memupuk dua prinsip hidup yang penting dan pasti mempunyai pengaruh

besar kepada pengutaraan seni. Di samping 'menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak', kita adalah juga menjunjung prinsip 'membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden'. Dalam iklim perkembangan yang berdasarkan kepada prinsip ini, saya berasa gembira yang Seni Tampak tidak sahaja menggambarkan warisan-warisan yang kita pusakai, tetapi juga ia mencari dan mengembara ke arah yang belum dicubai, demi mewujudkan satu hasil karya yang dapat menggambarkan perubahan rohani dan jasmani kita di zaman ini. Saya bersungguh-sungguh meletakkan harapan bahawa seniman kita dapat mencipta nilai-nilai baru dan memberi pengenalan baru kepada kehidupan kita secara bergambar, supaya jenerasi yang akan datang dapat mengata-kan apa yang dipamirkan hari ini adalah bayangan jiwa tulin dan semangat kemajuan kita sekarang -- dalam tahun tujuh puluhan ini.

Seniman adalah sumber kebanggaan sesuatu negara. Saya sukacita kerana bilangan seniman yang aktif melukis sekarang adalah berganda-ganda ramainya jika dibandingkan dengan bilangan mereka pada masa Balai Senilukis Negara ini ditubuhkan empat belas tahun dahulu. Ini satu perkembangan baik dan usaha positif dari Balai ini sendiri. Namun demikian sebilangan besar daripada seniman yang mengambil bahagian dalam pameran ini, adalah senantiasa berkecimpung dalam seni walaupun mereka mempunyai jawatan lain penuh masa. Sebilangan daripada mereka, masih juga melukis dengan giatnya, walaupun karya mereka tidak dijual sejak beberapa tahun yang lampau.

Sikap yang penuh dengan dedikasi ini, di kalangan para seniman kita, adalah satu hal yang dapat kita banggakan. Akan tetapi, jika kita berkehendakkan seni di negara kita berkembang dengan sihatnya, dedikasi dari satu pihak sahaja tidak menjamin yang ia akan hidup dengan subur. Ciptaan seniman berkehendakkan sambutan dan penghargaan dari

golongan yang lebih besar, daripada masyarakat ramai. Sumbangan ini boleh diberi melalui sokongan-sokongan benda-benda seperti membeli karya-karya atau moral dan dengan memberi sumbangan kepada pameran-pameran yang diadakan. Apa yang dirasakan sedih sekarang ialah dalam bidang seni yang lebih halus daripada seni-seni popular seperti pertunjukan wayang-wayang gambar atau kugiran, hanya sebilangan kecil sahaja daripada masyarakat yang sanggup memberi sumbangan. Manakala yang lain-lainnya samada terlalu sibuk dengan perkara-perkara lain atau merasakan seni yang mendi soal itu tidak ada perhubungan dengan mereka.

Saya menganjurkan supaya para guru memberikan perhatian kepada penuntut-penuntut memberikan nilai dan penghargaan yang lebih besar kepada senilukis supaya masyarakat di masa depan terdiri dari golongan yang menghargai seni dan implikasinya.

Keagungan sesebuah negara bukan sahaja terletak pada jaraknya tetapi juga seni dan budaya masyarakatnya.

Jika kita menganggap seni sesuatu masyarakat itu adalah hak masyarakat itu sendiri, sikap masyarakat yang tidak menghargai seni ini perlu sekali diberi perhatian berat. Jika terdapat ketiadaan perhubungan atau communication antara seniman di satu pihak dan masyarakat di satu pihak lain, maka saluran serta usaha hendaklah dicari supaya terdapat hubungan yang lebih sihat antara kedua-dua pihak ini. Kejayaan dalam usaha ini bukan sahaja masyarakat dapat menikmati nilai dan hasil seniman, tetapi juga seniman-niman itu sendiri senantiasa terdedah kepada fikiran dan pendapat-pendapat masyarakat terhadap karya mereka. Saya merasakan langkah ini adalah amat penting pada masa ini, dan pelaksanaannya haruslah dijadikan satu cabaran dan keuletakan kepada Balai Senilukis Negara dan pihak-pihak yang berkenaan supaya tenaga kita tidak sahaja tertumpu pada pengutaraan seni tetapi kesedaran terhadap seni ke seluruhnya oleh masyarakat.

Saya percaya dengan adanya tradisi kebudayaan kita yang kaya dan berbagai corak, dan tenaga yang kita curahkan terhadap perkembangan seni hari ini, hasrat kita bagi membina suatu iklim seni yang lebih sihat dapat dicapai jika kita tumpukan perhatian kita kepada perkara di atas dengan ber-sungguh-sungguh.

Saya ingin juga menyebut tentang Seni Sastra sebagai pancaran pemikiran bangsa dan negara.

Apabila kita mengemukakan dasar berkecuali bagi kawasan Asia Tenggara, kita mengirinkan rombongan dagang ke negeri luar, menerima rombongan dagang dari lain-lain negara, maka hal ini tidak semata-mata akan terbatas pada soal ekonomi dan politik, tetapi juga dalam soal kebudayaan.

Dengan demikian kita tidak saja menerima dan mengirinkan rombongan kesenian seperti tari, musik dan lain-lain ke negara-negara yang selama ini agak jauh hubungannya dengan kita, tetapi juga kita perlulah menerima dan mengirinkan pengarang-pengarang, pelukis-pelukis, novelis-novelis, penyair dan penulis drama ke luar negeri, terutama negara-negara Asia-Afrika.

Tetapi sebelum mengirinkan rombongan ke negara Asia-Afrika ini, kegiatan dalam sastra mestilah ditambahkan. Kegiatan ini bukan terbatas pada mencipta karya-karya seperti novel, cerita pendek, drama dan sajak, tetapi kegiatan-kegiatan yang berupa pertunjukan, seperti mengadakan deklamasi sajak, drama dan lain-lain. Dalam hal ini usaha menterjemahkan karya-karya sastra kita ke dalam bahasa-bahasa asing amatlah perlu dijalankan.

Meskipun kita ada drama dan novel yang baik, cerita pendek dan sajak-sajak yang baik, tetapi semua ini akan hanya terpendam apabila ia tidak diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa terkemuka di dunia.

Saya yakin kegiatan-kegiatan sastra serta seni lain akan membuka jalan baru dalam perkembangan kebudayaan Malaysia yang tidak sahaja berkembang di Malaysia sendiri.

pi terpancar jauh ke negara-negara lain. Kita tidak saja memberikan getah dan bijih dan kayu balak kepada perindustrian, tetapi juga kita memberikan novel dan k, serta hasil-hasil seni lain kepada kekayaan jiwa usia.

aya telah melihat katalog pameran ini, saya sangat ter- k hati dengan mutu dan hasil karya yang dipamerkan. nlah saya mengucapkan tahniah kepada pelukis-pelukis putan itu.

aya bersetuju dengan ucapan Naib Pengerusi Lembaga anah Balai Seni iaitu pelukis kita patut mengemukakan onal image and the message they convey will be Malaysian. emoga simbol seni untuk seni diubah kepada seni untuk yarakat dan negara.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan niran Jemputan Senilukis yang dianjurkan oleh Balai lukis Negara dibuka dengan rasminya.

PEMIMPIN, PIMPINAN DAN PERANAN WANITA UMNO

(Diucapkan ketika merasmikan Kursus Pergerakan Wanita UMNO mengenai Peranan Wanita UMNO dalam Rancangan Malaysia Kedua di Sri Morib pada 8hb. Oktober, 1971)

... merasa bangga kerana dalam kesedaran politik negara
Pergerakan Wanita UMNO tidak mahu ketinggalan pada me-
... kan diri seperti menganjurkan seminar khas ini.

... saya inginlah memberikan tahniah kepada pemimpin-
... pemimpin wanita atas usaha mereka itu.

... saya bersyukur ke hadrat Tuhan Yang Maha Kuasa kerana
... dengan taufik dan hidayahNya saya berada di tengah-tengah
... antara sekalian pagi ini.

... saya juga merasa syukur kerana inilah pertama kali saya
... menerima kehormatan dari pejuang-pejuang wanita untuk
... berucap dalam majlis seperti ini. Kepada saya Pergerakan
... Wanita ini mempunyai tempat yang besar dalam jiwa saya
... kerana sumbangan mereka kepada parti dan negara di masa
... lampau dan harapan mereka untuk kebahagiaan bangsa dan
... negara di masa depan.

... Atas undangan dan kehormatan yang diberikan kepada
... saya itu saya mengucapkan terimakasih.

... saya sentiasa mengikut aktiviti Pergerakan Wanita UMNO
... yang telah mengadakan berbagai-bagai kursus dan seminar
... sejak ia dibentuk pada tahun 1949. Perjuangannya juga ber-
...ubah meningkat dan penting dari masa ke semasa terutama
... dalam memupuk kesedaran politik dan memberikan tenaga
... penyokong UMNO dan Perikatan. Namun demikian kepada
... saya seminar kali ini amatlah menarik hati dan amat tepat
... pada masanya kerana ia diadakan setelah Dasar Ekonomi
... Baru dengan Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan dan
... sedang diuji di tengah-tengah masyarakat kita.

Berucap di depan wakil-wakil dari 105 Bahagian Pergerakan Wanita UMNO ini tentulah bererti saya berdepan dengan tokoh-tokoh politik wanita yang bersedia untuk tenggelam timbul dalam perjuangan, sanggup menghadapi berbagai-bagai cabaran dan kemungkinan.

Malahan saya senantiasa yakin bahawa Wanita-wanita UMNO sentiasa bersedia untuk mengorbankan jiwa raga mereka kalau perlu, demi mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara Malaysia.

Saya menghadapi berbagai-bagai masalah yang dikemukakan oleh kaum wanita. Tetapi semangat saya masih kuat sungguhpun adakalanya saya terpaksa beralah kepada tuntutan wanita seperjuangan hidup yang ada di sebelah saya ini.

Di bawah pimpinan baru parti dan Kerajaan, Pergerakan Kaum Ibu UMNO telah menukarkan namanya kepada Pergerakan Wanita UMNO. Ini adalah tanda baik kerana nama baru itu akan menjadi pemacu untuk memulakan babak baru di dalam perjuangan parti kita. Saya harap perubahan baru ini disesuaikan dengan semangat perjuangan parti.

Dengan perubahan ini bukanlah bererti khidmat bakti Pergerakan Kaum Ibu UMNO selama ini tidak penting dan kurang berjasa. Sukalah saya berterus terang menyatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh Pergerakan Kaum Ibu UMNO amatlah banyak dalam sejarah perjuangannya di masa lepas. Banyak di dalam ertikata bahawa sumbangan-sumbangan yang berharga dan sungguh-sungguh bernilai telah diberikan sebagai salah satu sayap penting parti bersamasama dengan sayap yang lagi satu iaitu Pergerakan Pemuda UMNO.

Dengan perubahan nama baru itu, saya yakin semua golongan wanita -- tua dan muda -- akan bersatu. Gabungan dari tenaga-tenaga muda yang radikal bercampur dengan tenaga-tenaga wanita yang berpengalaman dan telah menemipuh segala macam pahit maung perjuangan politik, akan

wujudkan tenaga yang progresif dan forward looking. Ini harapan saya.

Di dalam kekuatan parti kita sendiri, peranan kaum Wanita UMNO amatlah menggalakkan. Penyertaan beberapa kaum intelektual wanita di dalam pucuk pimpinan kebangsaan Wanita UMNO yang baru adalah satu perkembangan yang memberi harapan baik. Tetapi bilangan mereka kecil. Saya menyeru pucuk pimpinan pergerakan wanita supaya menimbulkan suasana yang lebih menarik supaya ramai bilangan cerdik-pandai wanita memasuki pergerakan. Usaha-usaha seperti mengadakan pertemuan dan perancangan patut diadakan guna konsep perjuangan wanita ini menjadi lebih luas meliputi semua aspek 'national life' kita.

Ini bukanlah bererti kaum wanita kita yang tidak berajaran tinggi tidak boleh lagi menjadi pemimpin.

Tetapi penyertaan kaum intelektual wanita ini akan memajukan daya dan semangat baru kepada kaum-kaum Wanita UMNO yang lain supaya bergerak lebih kuat lagi dengan kerja baru berasaskan kajian, perancangan dan hasil analisa ilmu pengetahuan.

Ini adalah satu kenyataan yang mesti diterima kerana perubahan-perubahan yang mendesak seperti itu hendaklah disesuaikan dengan peredaran masa.

Dengan adanya gabungan tenaga seperti ini, Pergerakan Wanita UMNO tidak syak lagi akan bertambah kuat mebangkan kekuatan perjuangan kaum wanita di negeri ini.

Di sini izinkan saya menghuraikan tentang peranan kaum wanita sebagai rakan yang rapat kepada kaum lelaki terutama di dalam perjuangan untuk mendapatkan hak yang sama dengan kaum lelaki.

Dalam hal ini, sikap kaum wanita dengan kaum wanita sendiri tidak kurang pentingnya dikaji semula dan demikianlah hubungannya dengan kaum lelaki di dalam zaman keajaiban yang mempunyai cara kerja baru dengan style baru.

Dalam zaman lelaki dan perempuan bekerja bersama-sama terutama di bidang intelektual yang setaraf, kaum wanita hendaklah mempunyai pandangan jauh dalam masalah masyarakat dan berani mengemukakan pendapat masing-masing atau berhujah bagi mencapai penyelesaian-penyelesaian baru.

Zaman 'compartmentalisation' untuk wanita bergerak di kalangan dunia wanita harus diubah kepada zaman berdialog, exchange of ideas dan berusaha bersama-sama.

Abad yang kedua puluh ini merupakan zaman yang penuh tandatanya kepada kaum wanita. Kalau dulu seorang wanita itu sudah lengkap sempurna menjadi seorang isteri yang taat dan ibu yang dedicated, tetapi sekarang ini suara wanita bergema berkehendakkan wanita bertindak lebih dari itu. Wanita mahukan peranan yang lebih besar dalam masyarakat. Wanita mahu peranan luas dalam bidang profesional dan ekonomi.

Cabaran yang dihadapi oleh kaum wanita amatlah berat. Di satu pihak ia dikhendaki tetap kekal menjadi wanita-wanita yang lemah-lembut dan halus budi bahasa, intisari dari segala sifat-sifat keibuan yang sempurna, sifat-sifat seperti Hawa di zaman Nabi Allah Adam.

Tetapi di satu pihak lagi wanita-wanita sekarang terdorong untuk mencanai otaknya dengan ilmu pengetahuan yang tinggi-tinggi supaya layak menjadi orang yang bertanggungjawab dalam berbagai-bagai lapangan kerja di luar rumah-tangga. Maka dengan itu, saya kira inilah di antara sebab-sebab Seminar ini diatitkan.

Kepada saya ini adalah satu dilemma kemanusiaan. Tetapi bukanlah satu hal yang mustahil pula untuk mencapai kedua-dua kejayaan itu sekali iaitu tiap-tiap wanita hendaklah berazam untuk sanggup berjuang di tengah-tengah masyarakat berganding bahu dengan kaum lelaki di samping menjadi suri sebagai lambang kepada kebahagiaan rumahtangga, dan memikul segala tanggungjawabnya.

Saya diberitahu bahawa Pergerakan Wanita UMNO telah memainkan peranan baru seperti membentuk syarikat GUMPITA yang sedang memainkan peranan di bidang perniagaan. Pada akhir-akhir ini pula telah membentuk satu yayasan wanita di peringkat kebangsaan.

Ini adalah satu peranan yang baik dan sangat dihargai. Pergerakan wanita di peringkat bahagian dan cawangan boleh saluran untuk memainkan peranan yang serupa di peringkat mereka.

Menyebut tentang GUMPITA, saya sekadar ingin bertanya: apakah jadi dengan syarikat itu? Sudahkah ia dapat mengumpulkan modal untuk bergerak. Dan apakah kemajuan yang telah dicapai?

Kiranya ia tidak menepati tujuan-tujuannya, adalah menjadi tanggungjawab pergerakan wanita ini menyaksikan upaya ia menjadi satu badan, satu tenaga yang melambungkan perpaduan dan usaha wanita dalam lapangan ekonomi. Saya mengajurkan supaya pengarah-pengarah GUMPITA berusaha dan memulakan satu usaha baru dalam memberikan erti dan sumbangan terhadap badan itu. Demikian pula saya meletakkan harapan pada yayasan wanita.

Bercakap tentang tema kursus ini dan selaras dengan dasar ekonomi baru yang sedang kita laksanakan sekarang, peranan wanita tidak syak lagi, adalah semakin penting.

Tenaga-tenaga Wanita UMNO hendaklah digembelingkan kerana mau tidak mau, wanita-wanita UMNOlah yang boleh dianggap sebagai tenaga bergerak yang besar dari peringkat kampung, mukim, pekan dan bandar-bandar di seluruh tanahair.

Matlamat kita untuk mencapai 30 peratus masyarakat Melayu dan bumiputra terlibat di bidang perdagangan dan perniagaan merupakan cabaran yang mesti dihadapi dengan sungguh-sungguh. Kepercayaan rakyat dan keutuhan kerajaan adalah bergantung besar pada kejayaan kita mencapai matlamat ini.

Penyusunan semula masyarakat Malaysia adalah bergantung kepada attitude dan kejujuran tiap-tiap individual dari anggota masyarakat kita yang terdiri dari berbilang kaum.

Wanita-wanita Melayu sendiri yang tergabung dalam barisan UMNO adalah terkenal sebagai wanita-wanita yang paling aktif di dalam gerakan politik dan masyarakat di negara ini. Inilah satu keistimewaan wanita Melayu khususnya Wanita UMNO.

Saya sukacitalah menyatakan bahawa tenaga pemikiran kerajaan sekarang ditumpukan kepada mengatur cara bagaimana yang sebaik-baiknya mewujudkan satu masyarakat Perdagangan dan perusahaan Melayu.

Adalah menjadi dasar kerajaan bahawa masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu ini bukanlah terbatas kepada kaum lelaki sahaja. Bahkan ia meliputi wanita yang telah, sedang dan akan melibatkan diri mereka dalam lapangan perniagaan ini.

Tidaklah hairan kiranya tokoh-tokoh perdagangan dan perusahaan wanita akan muncul dari saudara-saudara yang hadir dalam kursus ini. Semoga harapan ini terkabul.

Saya berbangga kerana telahpun ada wanita-wanita Melayu khususnya di Kelantan dan Trengganu yang telah bertahun-tahun hidup dalam lapangan perniagaan. Ada setengah dari mereka yang telah duduk di atas kaum lelaki dalam perniagaan.

Ramai kaum wanita yang telah berjaya dalam lapangan insurance dan menjadi 'top executive' dalam beberapa gudang perusahaan.

Tentulah perkara ini akan menjadi matlamat kepada kaum Wanita UMNO.

Sekarang seperti yang saya katakan mula-mula tadi kita sedang memasuki babak baru di dalam sejarah tanahair kita. Pada masa ini perjuangan kita sebagai anggota-anggota politik selain daripada terus mengekalkan kuasa politik yang

a kita hendaklah berjuang pula untuk merebut segala ruang yang disediakan bagi merubah kehidupan kita.

Satu sejarah penting yang boleh saya ketengahkan ialah tentang riwayat Rasulullah sendiri sebagai ahli perniagaan. Apakah yang menggalak, mendorong dan memberikan modal pada baginda untuk menjadi seorang ahli perniagaan.

Orang itu tidak lain dan tidak bukan ialah seorang wanita iaitu Saidatina Khadijah yang kemudiannya menjadi isteri baginda sendiri.

Pandangan mulia Rasulullah kepada Saidatina Khadijah yang berminat dalam perniagaan dan sebaliknya rasa kasih Saidatina Khadijah terhadap Nabi yang berbakat dalam perniagaan itulah yang menggabung kedua mereka untuk berkahwin.

Saya harap akan banyakkah suami-suami yang berminat kepada Nabi junjungan kita dan demikian pula bertambah ramai bilangan Khadijah yang boleh menggalak dan mendorong suami dalam lapangan perniagaan dan perdagangan.

Membaca kertaskerja-kertaskerja yang disediakan untuk rancangan kursus ini, saya mendapati bahawa tajuk-tajuk rancangan meliputi banyak aspek yang mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan kaum wanita.

Saya yakin para peserta sekalian akan mengkaji dan mencernakan kertaskerja itu secara mendalam supaya idea-idea yang terkandung di dalamnya difahami dan diamalkan.

Dalam pada itu saya mencadangkan supaya peserta-peserta mengkaji Buku Rancangan Malaysia Kedua untuk mencari peluang-peluang terbuka yang boleh diambil. Tiap-tiap Kementerian membelanjakan sejumlah wang untuk mempromosikan barang-barang tertentu kepada jabatan-jabatan di bawahnya. Peluang-peluang yang boleh diambil ialah menjadi agen kepada perusahaan barang-barang tersebut. Ini satu rancangan yang saya fikir boleh diambil oleh orang-orang Melayu, khasnya Wanita UMNO.

Peranan setiap Wanita UMNO, menurut jangka panjang ialah untuk mengasuh, mendidik dan menyemai semangat berusaha dan berniaga di kalangan anak-anak mereka.

Keluarga Cina mendidik anak-anak mereka untuk mencari wang dan dengan jalan inilah pula semangat berniaga dan berniaga itu dapat ditanamkan.

Perhatian yang berat terhadap mengadakan suasana yang sesuai di rumah — attention to environment at home adalah satu tugas wanita yang saya fikir sesuai dengan Wanita UMNO ini.

Selain dari itu peranan kaum Wanita UMNO ialah untuk memberikan pimpinan yang sesuai dengan keadaan zaman di tempat masing-masing — keadaan sesuai dengan ecology, environment dan masa.

Pimpinan yang saya maksudkan itu ialah yang secocok dengan suasana kampung dan sesuai dengan pemikiran rakyat kampung untuk disesuaikan dengan kemajuan dan matlamat yang dicapai.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa cara pemikiran kita menurut teori adalah jauh lebih maju dari apa yang kita lakukan secara praktikal. Ini bukan sahaja berlaku di negeri-negeri yang sedang membangun tetapi juga di negeri-negeri yang sudah maju.

Dengan hal yang demikian Wanita-wanita UMNO boleh memainkan peranan untuk memperimbangan cara pemikiran, teori dan praktik terutama di kalangan masyarakat kita.

Kaum wanita sebagai agent of socialisation patutlah memberikan usaha tambahan kepada soal mendidik anak-anak.

Dalam keadaan moden dan persekolahan yang ada di negeri ini kita mendapati bahawa usaha mendidik, mengajar dan memberi ilmu kepada anak-anak sebahagian besar telah diambil oleh kaum guru. Akan tetapi patutlah usaha ini ditambah supaya pendidikan anak-anak tidak sahaja terletak kepada guru-guru tetapi ditambahkan oleh ibu-ibu.

Telah banyak diperkatakan mengenai sistem nilai cara pemikiran kita ataupun apa yang dikatakan *valuational system*. Keadaan penilaian di bandar berlain dengan penilaian di kampung. Umpamanya di bandar-bandar setiap usaha yang dibuat berdasar kepada pembayaran wang ringgit. Sebaliknya usaha masyarakat di kampung berdasarkan kepada usaha gotong-royong.

Masaalah yang rumit akan terjadi apabila usaha urbanisation berlaku di mana keadaan masyarakat kampung dipermodenkan sesuai dengan keadaan bandar.

Oleh yang demikian Kaum Wanita UMNO boleh memainkan peranan untuk menyediakan ataupun *prepare body and mind* di kalangan masyarakat kampung, supaya masaalah ini dapat diatasi.

Demikian jugalah terdapat masaalah menyesuaikan cara berfikir rakyat dengan aliran fikiran dan masa yang bermatlamatkan kepentingan negara.

Dengan pesanan ini serta hasil perbincangan yang akan dijalankan oleh ahli-ahli sekalian saya percaya seminar ini akan mendapat hasil yang cemerlang.

Sebagai penutup, sekali lagi saya mengucapkan terimakasih kepada Ketua Pergerakan Kaum Wanita UMNO yang telah menjemput saya dan Toh Puan datang ke Majlis ini. Dengan itu saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Kursus Pergerakan Wanita UMNO mengenai peranan wanita UMNO dalam Rancangan Malaysia Kedua.

USAHA-USAHA DAKWAH DAPAT MENGUBAH SIKAP HIDUP

(Diucapkan ketika merasmikan Mesyuarat Tahunan Majlis Perhubungan Islam Malaysia (Jamiah Dakwatul Islamiah) di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 26hb. September, 1971)

SAY
bera
S
syua
pad
K
lima
tahu
mal
Islam
I
men
men
bers
S
pera
kena
tung
P
Tuh
P
Islam
tahu
D
mer
terha

YA bersyukur ke hadrat Allah yang telah mengizinkan saya berada di tengah saudara-saudara.

Saya juga berterimakasih atas jemputan merasmikan mesuarat tahunan Majlis Perhubungan Seruan Islam Malaysia pada hari ini.

Kepada saya saudara-saudara yang hadir ini adalah pangkat mubaligh dalam usaha kita memperkuat asas penguatan Islam baik pun kepada orang-orang Islam sendiri ataupun kepada mereka yang berminat memeluk agama Islam.

Dengan ini jelaslah bahawa umat Islam di Malaysia ada mempunyai badan-badan yang tersusun serta tenaga untuk menjalankan seruan Islam dengan cara sukarela, tetapi tekun, sungguh-sungguh dan penuh inisiatif.

Saudara-saudara sekalian tentulah dapat memahami akan peranan dakwah di dalam negara kita yang telah memperkukuhkan Rukunegara sebagai falsafah negara atau tunggak negara.

Prinsip pertama Rukunegara ialah kepercayaan kepada Allah.

Prinsip ini sebenarnya telah diperkenalkan kepada umat Islam sejak Rasulullah S.A.W. menjalankan dakwahnya 1300 tahun lalu.

Dalam rukun Iman sendiri, kepercayaan kepada Allah merupakan prinsip utama yang merupakan rukun pengesahan terhadap iman seseorang Islam.

Yang demikian prinsip Rukunegara adalah selaras dengan Rukun Iman di dalam Islam.

Di dalam hal ini, kerajaan tetap akan terus mempertahankan serta menyuburkan kehidupan rakyat sebagai satu bangsa dan satu negara yang percaya kepada Tuhan.

Mesyuarat hari ini adalah bertujuan untuk memperkemas perjalanan jamaah dan menyusun kegiatan-kegiatan dakwah Islam supaya usaha menambahkan pengetahuan dan pengertian tentang pengajaran Islam kepada orang-orang Islam dan menyampaikan tabligh Islam kepada orang-orang bukan Islam berjalan dengan teratur.

Inginlah saya mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin Jamaah ini atas usaha mereka, azam mereka dan jiwa keislaman mereka dalam kegiatan dakwah ini.

Saya tertarik hati dengan tujuan utama Persekutuan Seruan Islam ini untuk menjalankan dakwah.

Dakwah itu bolehlah saya bagikan kepada dua bahagian.

Pertama, dakwah di kalangan umat Islam hendaklah diujukan untuk membetul dan memperbaiki cara-cara beragama dan hidup seperti yang dikehendaki oleh Rasulullah ini hendaklah menjadi tugas utama.

Rasulullah S.A.W. bersabda yang maksudnya "bekerjalah untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati esok hari".

Sejarah Rasulullah, riwayat hidupnya sebagai ahli perdagangan dan perniagaan, kepintarannya sebagai ahli fikir, kepercayaannya kepada ilmu pengetahuan — sains dan teknologi, keagungannya sebagai stratejis dalam peperangan adalah contoh yang terbaik untuk dakwah ke dalam.

Dalam tabligh ke luar, tindakan yang dijalankan oleh kerajaan seperti memupuk persahabatan, kebebasan beragama dan lain-lain adalah satu cara bagi memperkenalkan Islam di kalangan mereka yang bukan beragama Islam.

Cerita ketika Rasulullah berhijrah ke Madinah dan mem-
 ta masyarakat baru, baginda telah membenarkan Fazilah
 hudi tinggal bersama patut menjadi renungan.

Ajaran yang boleh diambil dari cerita Nabi ini ialah kita
 sih boleh menciptakan satu masyarakat Islam yang ter-
 nuka di negara ini tanpa mengganggu masyarakat lain
 g bukan Islam berdasarkan persefahaman.

Persefahaman yang tulin hanya wujud di kalangan masya-
 at yang berjiwa bersih dan mempunyai kepentingan ber-
 aa.

Bercakap mengenai dakwah saya sukalah menyatakan
 awa selain dari usaha yang dijalankan oleh Badan-badan
 uan Islam seperti Jamiah ini, kerajaan sudahpun ber-
 ha ke arah itu.

Hasil dari cadangan Majlis Kebangsaan Ugama Islam
 uk menubuhkan Institut Dakwah saya sukalah meng-
 umkan bahawa kerajaan telahpun bersetuju dengan penu-
 an Institut Dakwah itu.

Majlis Kebangsaan Ugama Islam telahpun diberi arahan
 uk menerima tanggungjawab dakwah.

Di bawah rancangan ini, Institut Dakwah dibentuk di
 sjid Negara, Asrama serta Bilik-bilik Kuliah akan didiri-
 untuk tujuan melatih bakal-bakal mubaligh.

imam-imam dan pegawai ugama di seluruh negara akan
 tih di Institut Dakwah itu.

Rancangan lengkap mengenai Institut ini sedang dalam
 an dan akan diumumkan sedikit masa lagi apabila leng-
 di susun.

Adalah perlu supaya Islam diperkenalkan menurut ajaran-
 yang sebenar — Islam is a religion and a way of life
 not a way of dying.

semangat dakwah perlu ditanam dan disuburkan supaya
 benar-benar menjadi obor untuk menerangi dunia yang
 ih gelap.

Institut Dakwah ini kelak pada jangka panjangnya bukan sahaja untuk mengeluarkan Mubaligh dan Pegawai Ugama bagi mengisikan keperluan negara tetapi juga mereka yang pakar dan bermutu.

Menyebut tentang dakwah ini juga saya merasakan satu keadaan yang anih. Menurut sejarah Islam, di saat kemuncak gemilang Islam, ugama suci ini tersebar dengan luas dikenal di tiap-tiap penjuru dunia, tetapi dengan usaha dakwah yang amat sedikit sahaja.

Mungkin keadaan sekarang bertukar dan kita menghadapi suasana cabaran.

Dalam proses mempergiatkan dakwah, dalam usaha kita menambahkan pengertian ugama menurut aliran masa dan kemajuan sains, saya sukalah menganjurkan supaya dakwah dan penerangan-penerangan mengenai Islam tidak dijalankan di masjid dan surau sahaja.

Usaha-usaha ini hendaklah disebarikan di tengah-tengah masyarakat, di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang-ramai dan pada sebarang ketika sesuai dengan cita-cita kita.

Saya juga suka menyeru supaya dakwah ke dalam patutlah dipergiatkan di kalangan muda-mudi supaya asas keislaman mereka -- the foundation of Islam menjadi lebih kukuh.

Hal ini perlu sekali dijalankan di kawasan bandar di mana masyarakat sibuk dan menghadapi ancaman pengaruh-pengaruh luar.

Akibat dari pengaruh-pengaruh luar yang mengancam keperibadian Islam, muda-mudi kita mempunyai pengertian yang tipis dalam hal ugama dan inilah yang menyebabkan mereka terapung-apung dalam keadaan percaya atau tidak mempercayai ugama.

Saya rasa dalam hal ini, badan-badan dakwah terpaksa menampung keperluan itu.

Mengingat akan besarnya tugas dakwah di negeri ini dan menimbangkan bahawa kemajuan masyarakat Islam masa

pan bergantung pada usaha ini sudah sampailah masanya hawa usaha dakwah ini dijadikan Fardu Ain dan tidak lagi sebagai Fardu Kifayah oleh satu golongan manusia seperti Jamiah ini.

Saya rasa dengan jalan ini pengertian tentang Islam dan pengetahuan agama Islam dapat diperluas oleh pengikut-pengikutnya.

Selain dari itu hubungan agama dengan kehidupan sehari-hari dapat dijelaskan. Usaha-usaha dakwah ini tentu dapat mengubah sikap orang-orang kita terhadap hidup, terhadap masyarakat dan negara.

Kerajaan telah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Kalau dibandingkan dengan negara-negara yang ramai penduduk Islamnya sikap kita adalah satu keberanian dan jayaan yang amat penting.

Nama baik kita di kalangan dunia Islam senantiasa dijunjung tinggi terutama setelah kita mulakan pertandingan membaca Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pertandingan yang diadakan setiap tahun adalah satu bukti bagaimana kita senantiasa meninggikan syiar Islam.

Kerajaan juga telah membentuk Majlis Kebangsaan Haluan Ugama Islam, yang bertugas untuk urusan-urusan agama Islam.

Peruntukan perbelanjaan untuk agama Islam sejak merdeka telah meningkat tinggi samada oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Puncak dari segala-gala ini ialah kehormatan yang diberikan oleh Negara-negara Islam dengan melantik Y.T.M. Annuar Abdul Rahman sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Islam.

Majlis Perhubungan Persekutuan Seruan Islam ini adalah gabungan kepada beberapa buah persatuan yang aktif. Pengerusi Majlis Perhubungan, Tan Sri Datuk Syed Nasir

telah menyatakan kepada saya hasrat majlis ini untuk me-
luaskan keanggotaannya ke negeri lain.

Saya harap usaha ini akan berjaya. Kegiatan Majlis ini
dan badan-badan lain seperti PERKIM serta Jabatan-jabatan
Ugama Negeri sudah pasti akan dapat membantu Kerajaan
dalam usaha memberikan pengertian yang sebenar tentang
Islam supaya umat Islam di negeri akan menjadi masyarakat
yang progresif dan berhaluan.

Saya juga berharap bahawa usaha-usaha dakwah yang di-
jalankan oleh badan-badan sukarela dan Pertubuhan-per-
tubuhan Kerajaan patutlah diselaraskan sesuai dengan keada-
an masyarakat dan kehendak zaman.

Sebagai penutup sukalah saya menyatakan bahawa Islam
adalah agama yang berkaitan rapat dengan dunia moden
(Associated with Modernity).

Ita juga satu-satunya agama yang boleh menerima cabaran
dari ideologi lain.

Islam mengatasi faham Komunis dengan konsep kebebasan
perseorangan dan pemilikan harta.

Dengan semangat sentiasa memandang ke hadapan ter-
hadap perkembangan Islam, dan meletakkan usaha dakwa-
h ini pada masa 'Development Oriented', saya dengan suk-
citanya merasmikan Mesyuarat Tahunan Majlis Perhubunga-
Seruan Islam Malaysia ini.

MEMASUKI SATU ERA PERJUANGAN BARU

diucapkan di upacara penutup Seminar Pergerakan Pemuda UMNO di Sri Morib, Selangor pada 27hb. Julai 1971)

SESUDAH tiga hari lamanya saudara-saudara berkumpul, berunding, berbahas, serta meneliti akan segala sesuatu mengenai ceramah seminar ini. Sekalipun tempohnya singkat, tetapi tentulah saudara-saudara telah dapat mengumpul dan memahami akan isi kandungan ceramah-ceramah serta kertas-karya yang dibentangkan itu.

Oleh yang demikian, saya berasa syukur ke hadrat Allah kerana dapat berada di tengah-tengah saudara-saudara pada petang ini.

Inilah pertama kali saya bertemu dengan kumpulan tokoh-tokoh pergerakan pemuda UMNO di seluruh tanahair di dalam satu seminar seperti ini, sejak saya diberikan kepercayaan menjadi Timbalan Presiden UMNO dan semenjak saya menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Sebagai pemimpin UMNO, saya sungguh tertarik hati terhadap usaha saudara mengadakan seminar ini. Tidak syak lagi seminar ini amat penting pada mendorong dan menggalakan setiap peserta mencungkil pendapat dalam masalah besar terutama di dalam konteks 'Peranan Pemuda Di Dalam Pembangunan Negara'.

Namun demikian, saya berharap saudara-saudara yang handal-handal berbahas menseimbangkannya pula dengan amalan dan usaha-usaha yang produktif.

alam tempoh saudara-saudara berada di Sri Morib ini, yakin saudara-saudara telah menumpukan seluruh ke-
n bagi memahami apa yang dibentangkan di hadapan
ara-saudara untuk didebatkan bersama.

ya diberitahu bahawa seminar ini telah berjalan dengan
guh-sungguh dan mendapat perhatian luar biasa dari-
para peserta.

lama di sini saudara-saudara telah mendebatkan masa-
menghapuskan pengangguran, kesan kejenteraan dan
angguran, pembukaan tanah sebagai Rancangan Pem-
un Negara dan rakyat desa dengan soal-soal hak milik
n dan pembahagian pusaka dan hubungannya dengan
r Ekonomi Baru.

ajak ini amat sesuai dengan masalah-masalah besar
menghadapi kita serta melibatkan peranan pemuda-
ada UMNO sendiri terhadap perjuangan kita sekarang
masa depan.

atu hal yang paling mencabar kegiatan kita ialah pelak-
an Rancangan Malaysia Kedua.

ya yakin perbahasan saudara telah banyak berkisar pada
angan ini.

etelah Parlimen meluluskan Rancangan Malaysia Kedua
kita memasuki satu babak permulaan di dalam perjuang-
menyusun semula masyarakat Malaysia berpandukan
da prinsip-prinsip Rukunegara.

ita sedar bagaimana Rancangan Malaysia Pertama di-
anakan, hasil-hasil yang diperolehi setakat ini dan kesan-
nya kepada nilai-nilai kemerdekaan yang dikehendaki.

juga tahu sebab-sebab mengapa terdapat 'shortfall'
n rancangan itu.

adalah jelas bahawa semua persediaan, peruntukan, pe-
g dan keistimewaan yang disediakan untuk Rancangan
aysia Kedua ini hanya akan berjaya menerusi sambutan
sikap orang-orang Melayu sendiri dalam masyarakat ber-
ngsa ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya membuka seminar ini telah menghuraikan matlamat rancangan itu dan peri mustahaknya pemimpin parti bersama-sama dengan pemimpin Kerajaan menggesa rakyat bekerja kuat dan mendorong pegawai-pegawai Kerajaan menggerakkan jentera Kerajaan supaya ia lebih cekap dan licin bagi menjayakan pelaksanaan rancangan ini.

Sambil mengharapkan perubahan sikap orang-orang Melayu sendiri dalam masalah pelaksanaan ini.

Demikian pulalah pentingnya sikap orang-orang bukan Melayu terhadap golongan bumiputra di negeri ini.

Salah satu perkara penting untuk memperteguhkan tiang negara ialah mewujudkan sekurang-kurangnya 30 peratus orang-orang Melayu dan bumiputra melibatkan diri di bidang-bidang perdagangan dan perusahaan dalam tempoh satu jenerasi atau 20 tahun.

Ini adalah satu matlamat penting dalam menyusun semula masyarakat Malaysia. Ini bakal kita wariskan pula kepada jenerasi masa depan.

Yang demikian, sebagai pemuda-pemuda yang menjadi tenaga barisan depan dan ajen kepada perubahan sosial di segi politik dan ekonomi, tugas saudara bukan setakat memahami dan menghuraikan dasar ekonomi baru itu semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah saudara-saudara sendiri hendaklah turut melibatkan dan mempelupurinya dengan bersungguh-sungguh.

Saudara-saudara sendiri tentu sedar bagaimana hasrat Kerajaan kita untuk membantu orang-orang Melayu di dalam semua bidang seperti di bidang pelajaran, keahlian, perdagangan dan perusahaan. Tetapi adakah kita telah berpuas hati dengan hasil yang telah dicapai?

Sebagai tenaga muda yang hidup di dalam suasana perubahan dapat meneliti dengan jelas keadaan sekeliling. Dan saya yakin saudara-saudara dapat melihat sendiri sambutan

yang diberikan oleh orang-orang Melayu khususnya terhadap rancangan-rancangan Kerajaan itu.

Tetapi mereka ingin melihatkan hasil yang lebih besar. Tahun-tahun tujuh puluhan ini, tidak syak lagi, merupakan ekad ujian di mana bangsa dan negara sangat-sangat memerlukan sumbangan saudara-saudara dengan penuh dedikasi, tekun dan cekap.

Perjuangan pemuda-pemuda UMNO telah tercatat dengan megahnya di dalam sejarah parti dan tanahair kita.

Pemuda-pemuda UMNO telah membuktikan diri mereka sebagai pejuang-pejuang barisan depan dalam menggemelangkan semangat nasionalism pada masa kita menentang Malayan Union.

Pemuda-pemuda UMNO juga merupakan tenaga-tenaga alam menjelaskan kepada rakyat betapa perlunya bekerjasama dengan lain-lain kaum sebagai bukti perpaduan yang menjadi syarat mencapai kemerdekaan.

Menimbang kepada catitan sejarah tersebut, saya penuh yakin bahawa pemuda-pemuda UMNO yang ada sekarang akan senantiasa bersedia bertindak dan berjuang dengan lebih berani bagi kepentingan bangsa dan negara.

Sekarang kita sedang memasuki satu era perjuangan baru bagi mengisi kemerdekaan dan aspirasi nasional. Seperti yang sudah ditegaskan bahawa kita berkehendakkan satu style baru, approach baru dan wajah baru untuk menyambung perjuangan yang kita sedang warisi ini.

Oleh itu, dalam melaksanakan peranan itu, saya harap pemuda-pemuda akan berpandukan pula pada prinsip:

Pertama: Yakin kepada penganjur-penganjur dan dasar perjuangan parti dan negara;

Kedua: Yakin kepada konsep masyarakat yang berbilang bangsa;

Ketiga: Yakin kepada cita-cita negara dan meneliti satu-satu tindakan berdasarkan pemikiran yang bersih;

Keempat: Yakin bahawa usaha-usaha yang dijalankan

sesuai dengan pendirian parti yang menyokong Kerajaan dan tidak menjadi tenaga pembangkang sekalipun dengan cara tidak langsung;

Kelima: Yakin bahawa konsep popularity parti dan pemimpin didasarkan pada usaha-usaha yang berkesan dan tidak pada publicity yang tidak ada asas kuat.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah tidak ada dirasakan jarak jenerasi atau 'generation gap' dalam perjuangan parti kita pada peringkat sekarang.

Anggot-anggota parti yang seangkatan dengan saya telah melalui tiga zaman perjuangan — zaman penjajahan, zaman mencapai kemerdekaan dan zaman pembangunan. Saudara dapat merasakan betapa sukarnya lorong yang telah kami tempoh sejak UMNO ditubuhkan suku abad lalu.

Jenerasi saya yang telah yakin kepada perjuangan UMNO akan bersedia mati dengan keyakinan kami terhadap UMNO dan kami telah membuktikannya.

Tetapi pada masa ini ada seramai 60 peratus penduduk-penduduk di Malaysia yang dapat digolongkan dalam kaum belia.

Adalah diduga, pada pilihanraya akan datang, lebih sejuta pengundi-pengundi baru akan menggunakan hak-hak politik mereka.

Golongan ini sekarang senantiasa sahaja mencari-cari akan satu pengenalan 'In Search of Identity'. Golongan ini boleh dikatakan sekurang-kurangnya telah menduduki sekolah-sekolah menengah rendah, menengah tinggi dan ada yang jadi siswazah universiti.

Mereka lebih berani dan kritikal kerana mereka dibesarkan di bawah udara negara yang telah merdeka. Suasana di sekeliling mereka sendiri telah membentuk mereka menjadi demikian.

Lebih penting dari itu, pengaruh dari alat sebaran am dan hasil kemajuan sains dan teknologi telah menjadikan dunia

kecil hingga begitu mudah dan menjadi dekat kepada mereka.

Di dalam dunia politik Malaysia, mereka ini merupakan golongan yang terapung-apung, dengan mudah pula akan menentang kita akibat dari menularkan fahaman bahawa pemuda-pemuda yang radikal itu ialah pemuda-pemuda yang bersedia menentang semua establishment.

Ada pula pepatah yang selalunya ditafsirkan sebagai konservatif di kalangan mereka yang berbunyi "Pemuda-muda yang tidak bersifat radikal ketika berumur 20 tahun adalah tidak mempunyai hati. Dan orang-orang yang masih dikal dalam usia 40 tahun adalah orang-orang yang tidak mempunyai kepala".

Di dalam hal ini, pemuda-pemuda UMNO perlulah segera tampil ke depan mendorong dan memimpin dengan memnyai daya penggerak untuk menarik mereka.

Saya suka menggunakan perkataan 'Orientasi' iaitu kita hendaklah mencuba mengorientasikan mereka.

Yang demikian, saya menganjurkan supaya pergerakan pemuda UMNO Malaysia di bawah pucuk pimpinan baru berkarang mengadakan hari orientasi tersebut.

Hari-hari orientasi ini hendaklah dikhususkan kepada bahagian di seluruh tanahair.

Pada hari-hari orientasi ini, kita mengadakan majlis-majlis dialog di kalangan pemuda-pemuda itu yang meliputi semua aspek mengenai sejarah tanahair, politik, ekonomi dan berbagai masalah kehidupan jenerasi muda.

Pasukan Pelupur Pembangunan yang dibentuk di tiap-tiap bahagian oleh Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinan baru itu, hendaklah memainkan peranannya pula untuk menunjukkan dan mempelupuri kerja-kerja bakti di tengah-tengah masyarakat.

Dengan adanya hari-hari orientasi ini tentulah mereka boleh memenuhi keperluan dalam mencari penetapan 'identiti' di dalam bidang politik berasaskan kehendak jiwanya.

keselamatannya, aktiviti kemasyarakatan, kehormatan dan hasrat dirinya untuk berjuang di dalam UMNO.

Keperluan-keperluan ini adalah bergantung kepada berbagai faktor terutama untuk maksud survival sebagai satu bangsa dan satu negara.

Bila ini berlaku, penyertaan mereka dengan keyakinan mereka kepada UMNO akan tersemai dan kemudiannya diikuti dengan usaha-usaha penyuburan selanjutnya.

Bila ini dilaksanakan maka penyertaan jenerasi muda di dalam UMNO itu akan dibuat menerusi cita-cita dan perjuangan untuk mencapai matlamat yang berdasarkan kepada hakikat yang nyata 'reality'.

Dengan bertambahnya orang-orang muda yang yakin kepada perjuangan UMNO, kita akan dapat memenangi hati mereka dan akan bergabunglah tenaga-tenaga muda yang dinamik sebanyak-banyaknya dengan tenaga-tenaga UMNO yang mempunyai pengalaman di dalam memupuk dan memperkukuhkan UMNO selama ini.

Saya gembira imej UMNO pada masa ini begitu memikat hati rakyat.

Baru sebentar tadi, saya telah menerima rumusan dari seminar ini. Saya menerima rumusan ini dengan penuh keyakinan bahawa Jawatankuasa Tertinggi UMNO akan menimbang dan melaksanakan sepenuhnya.

Satu perkara yang menarik perhatian saya dari rumusan ini ialah bahawa pemuda-pemuda telah menganjurkan yang mereka tidak harus bergantung kepada Kerajaan semata-mata untuk memberikan pekerjaan. Sebaliknya mereka patutlah berdikari dan bekerja sendiri di bidang pertanian dan per-usahaan.

Saya juga tertarik dengan keazaman pemuda-pemuda untuk mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin terutama sekali di kalangan pemuda-pemuda sendiri.

Hasrat ini sangatlah sesuai dengan konsep perjuangan kita

untuk mewujudkan satu masyarakat yang berdisiplin dan berpandukan kepada Rukunegara.

Satu hal yang saya dapati bahawa Seminar Pemuda kali ini berlainan bezanya dengan sifat-sifat seminar di masa lalu. Peringkat pemuda tahan lasak telah berubah kepada peringkat pemuda yang rasional pemikirannya dan berhati-hati dari tindakannya.

Di bawah pimpinan YAB Datuk Harun, saya yakin bahawa pergerakan Pemuda UMNO akan menjadi lebih mamam dan lebih progresif.

Gunakanlah hasil dari seminar ini untuk tujuan bagi melengkapkan diri, mengubah sikap saudara dan masyarakat yang ada di sekeliling saudara.

Semoga semangat yang ditiupkan oleh seminar ini akan menjadi panduan dan bimbingan kepada usaha-usaha kita di masa yang akan datang.

Dengan harapan dan keyakinan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Seminar Pemuda ini ditutup.

UDA RAKAN YANG BERGIAT DALAM PEMBANGUNAN

(Kenyataan Akhbar Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman semasa lawatan rasminya ke Pejabat dan Bangunan UDA pada 22hb. Jun, 1972)

SA
tu
Pe
an
U
Da
su
Ti
m
sit
in
da

bu
m
da
in
an
sw
"P
K
un
co
be
da

SAYA berasa bangga kerana dapat berjumpa dengan tuan-tuan di sini iaitu di dalam bangunan dan pejabat Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA. Saya percaya yang di antara tuan-tuan yang mengikuti dengan teliti perkembangan UDA beberapa bulan yang lampau bahawa, Pengerusi UDA Datuk Yacob sendiri berada sebagai "orang tumpangan" di suatu bilik kecil di Kementerian saya di Jalan Datuk Onn. Tidak lama selepas itu beliau pun berpindah dari sini dan menyewa satu pejabat kecil di Jalan Ampang dan berada di situ selama 5 bulan. Akhirnya beliau pindah ke bangunan ini yang pada masa itu masih belum begitu sempurna iaitu dalam bulan April yang lalu.

Sebentar tadi saya telah dibawa oleh Datuk Yacob ke hujung bangunan ini untuk hendak mendapatkan pemandangan yang lebih luas di sekitar kawasan ini. Saya dapati banyak tanda-tanda menunjukkan keadaan di sekitar ini berubah corak disebabkan kegiatan-kegiatan pembangunan yang dijalankan dengan pesat oleh Sektor Awam dan swasta. Dengan ringkasnya ini bermakna, bahawa di sinilah "pusat perkembangan" dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kawasan ini juga mengadakan peluang-peluang yang baik untuk kegiatan-kegiatan pembangunan dengan mengubah corak jalan-jalan raya, kedai-kedai, papantanda, bentuk-bentuk bangunan, pekerja-pekerja, pembeli-pembeli dan penduduk-penduduk kawasan ini, supaya menjadi satu contoh

Malaysia yang mewujudkan di atas prinsip-prinsip Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru.

Saya bergembira bahawa Bangunan UDA terdiri di tengah-tengah kawasan ini. Penduduk-penduduk di kawasan ini mungkin sedar bahawa UDA bukan sahaja sebagai pemerhati tetapi turut serta dengan giatnya untuk pembangunan kawasan ini.

Selain dari bangunan dan pejabat ini saya suka juga menerangkan kepada tuan-tuan bahawa UDA telah mengambil kakitangan-kakitangan yang perlu untuk menjalankan tugas-tugasnya. Sejumlah 130 orang kakitangan telah diambil terdiri daripada 55 orang pegawai dan pekerja-pekerja teknikal. Kakitangan-kakitangan ini terdiri daripada pelbagai kaum. Kakitangan-kakitangan ini ditempatkan di dalam 6 bahagian iaitu, Penggalakan Perniagaan, Penyelidikan, Tanah dan Harta, Perancang dan Implimentasi, Kewangan dan Perawatan dan Sekretariat.

Apa yang lebih mustahak daripada bangunan ini dan kakitangan-kakitangan yang sibuk menjalankan tugas, ialah apa yang telah diimplimentasi atau sedang dirancangkan oleh UDA di dalam beberapa bulan yang lalu dari segi menjalankan tugas-tugasnya. Saya sangat tertarik hati dengan kerja-kerja permulaan ini.

Setakat ini UDA telah memperolehi 12 buah kedai di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya untuk membantu Peniaga-peniaga Bumiputra berniaga di kawasan yang lebih sesuai. Kedai-kedai ini telah diduduki oleh peniaga-peniaga Bumiputra yang menjalankan berbagai-bagai corak perniagaan seperti percetakan, kedai jahitan, kedai-kedai meubel, kedai kasut, kedai peralatan sukan, pembuat-pembuat kerbuk kopi, Ejen Pelancungan, Firma Akitek, pelajaran dan latihan untuk pekerja-pekerja perdagangan dan restoran. Kedai-kedai ini setanding dengan kedai-kedai orang-orang yang bukan bumiputra. Tuan-tuan boleh melihat contoh kedai-kedai ini di tingkat Mezzanine dan tingkat bawah

gunaan ini. Tuan-tuan juga dijemput oleh Datuk Yacob, gerusi UDA untuk makan tengahari di Restoran ini.

UDA memperoleh kedai-kedai ini daripada kalangan sta yang rela, dan sektor-sektor awam dengan cara paman atau sewaan. Daripada 12 buah kedai tersebut, 8 buah disewa dan 4 buah dibeli. Bagi maksud ini UDA telah membelanjakan lebih kurang \$600,000.

UDA menyewakan atau menjualnya dengan cara sewaan kepada peniaga-peniaga yang memerlukan kedai-kedai tersebut atas syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang beraturan. UDA bersetuju membaiki kedai-kedai ini termasuk mengadakan peralatan-peralatan supaya membolehkan modal yang dikeluarkan oleh peniaga itu sendiri, digunakan bagi belanjaan kendalian atau 'operation costs'.

UDA adalah memandang berat dan lebih teliti bila memilih dan memperoleh tempat-tempat untuk perniagaan. Tugas-tugas UDA adalah untuk memberi galakan yang perlahan di antara masyarakat yang berbilang bangsa di negara khususnya di kawasan bandar untuk mencapai matlamat negara yang penuh dengan keamanan dan keharmonian. UDA juga ada bertujuan supaya peniaga-peniaga bumiputra dan juga yang bukan bumiputra menjalankan perniagaan mereka rapat dan bersaing di merata-rata jalan raya yang baik di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar yang

Kami percaya ini adalah satu cara yang betul dan teratur untuk menggalakkan perkembangan menuju ke suatu negara Malaysia yang tulin. Di dalam gelanggang perniagaan tiap-tiap anak bumiputra yang suka menceburkan dirinya dalam gelanggang perniagaan mestilah menyediakan diri mereka dan mengorbankan segala tenaga, masa, serta wang ringgit semasa juga rakan peniaga-peniaga mereka yang bukan bumiputra. Di sini tuan-tuan dan saya juga percaya yang wang ringgit yang dibelanjakan oleh si pembeli atau pelanggan itu akan mengenal langsung apa juga corak atau sekatan di

antara satu kaum dengan yang lain. Wang pelanggan itu akan terus membeli dari sesiapa peniaga yang sedia mengadakan barang itu atau perkhidmatan yang diminta dengan cara senyum dan lemah lembut.

Lebih banyak lagi tapak-tapak atau tempat-tempat perniagaan selain dari yang 12 yang telah diperolehi akan diperolehi lagi oleh UDA dari sekarang dan di masa yang akan datang. Mengikut pesatnya UDA menjalankan tugasnya sekarang, bukan sahaja 50 projek mengikut laporan saya dalam Parlimen baru-baru ini akan berhasil sebelum penghujung tahun ini, bahkan lebih banyak lagi tempat-tempat tersebut boleh diperolehi di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Tempat-tempat di lain-lain bandar juga akan diperolehi serentak dengan ini.

Selain dari tempat-tempat perniagaan yang diperolehi oleh UDA melalui penyewaan atau pembelian terus, UDA juga ada membina tempat-tempat perniagaannya sendiri. Tuan-tuan boleh perhati yang kerja sedang dijalankan dekat Bulatan Pudu, di mana terletaknya Klinik Gigi Pudu yang lama. Di situ UDA akan membina satu bangunan tinggi 18 tingkat dengan mengadakan kemudahan-kemudahan letak kereta, gerai-gerai terkunci sebanyak 70 buah, lapangan untuk pejabat dan juga Klinik Gigi Kerajaan itu akan diberi satu tingkat dalam bangunan tersebut. Bila bangunan ini siap pada pertengahan tahun 1974, gerai-gerai yang ada sekarang (sebanyak 26) yang menumpang di atas tanah kerajaan negeri di sepanjang Jalan Foch akan ditempatkan balik dalam bangunan ini. Peniaga-peniaga bumiputra akan diberi peluang untuk menyewa atau membeli terus gerai-gerai terkunci yang lebih itu seberapa banyak yang ada.

Tanah-tanah Kerajaan Negeri yang dikosongkan dekat Jalan Foch itu akan dikhaskan untuk rancangan yang terbaik sekali dari segi ekonomi.

Di seberang jalan itu pula, di mana terletaknya, sekarang Stesen Keretapi Jalan Sultan dan Perhentian Bas Jalan

du, UDA akan membinakan satu Perhentian Besar Kerajaan yang berbilang tingkat yang boleh mengandungi 60 buah bas dan 485 buah kereta. Gerai-gerai untuk perniagaan-perniagaan akan disediakan di sekitar Perhentian Besar ini. Kerja-kerja akan segera mula berjalan untuk mengubahkan sen keretapi dan 'godowns' dari kawasan tersebut. Kejuruan bangunan itu akan siap pada penghujung tahun 1974.

Selain dari kedua-dua projek ini, saya juga telah mengarahkan UDA supaya pembangunan semula goodsyard keretapi utara Stesen Keretapi Kuala Lumpur menjadi satu kawasan perdagangan. Saya juga telah mengarahkan UDA untuk pembangunan beberapa keping tanah rezab dalam Kuala Lumpur menjadi kawasan perdagangan untuk menamahkan penyertaan anak-anak bumiputra dan juga orang-orang yang tidak kemampuan.

Saya memang sedar yang lain-lain bandar dan negeri-negeri meminta penyertaan UDA dalam projek-projek pemungunannya. Saya berani menjaminkan yang bandar-bandar yang lain dan juga negeri yang UDA akan datang ke tempat mereka tiada berapa lama lagi.

Saya berasa amat puas hati atas caranya Datuk Yacob, Naib Menteri dan Kakitangan UDA menjalankan tugas-tugasnya. Oleh itu, kini saya suka memberitahu rakyat semua khasnya anak-anak bumiputra yang ingin mencebur diri mereka berniaga dalam kawasan bandar-bandar, supaya memakai penuh kemudahan-kemudahan yang diberi oleh UDA. Saya suka beri jaminan kepada semua permintaan yang berpatutan untuk pertolongan dan dilayani dengan segera.

UMNO: PENTING MENENTUKAN OBJEKTIF KITA DARI MASA KE MASA

(Diucapkan di upacara pembukaan Pamiran Suku Abad
UMNO pada 8hb. Mei 1971 di Stadium Negara, Kuala
Lumpur)

PAG
Ab
pan
S
den
ini.
dah
turu
C
ber
Ter
I
lah
aka
I
kep
pelu
J
Yar
mer
pan
I
dija
aka
ting
tem

ngt ini, kita berhimpun untuk menyaksikan Pamiran Suku abad UMNO yang motif serta maknanya berlainan dengan miran-pamiran lain.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang ngan loronganNya telah dapat kita mengadakan pamiran . Dengan izinNya juga tokoh-tokoh pejuang kebangsaan hulu dan sekarang telah dapat berhimpun di sini untuk ut bersama-sama menyaksikan pamiran ini.

Oleh yang demikian, saya merasa bertuah kerana telah di-ri kehormatan yang besar ertinya ini oleh Majlis Kerja rtinggi untuk merasmikannya.

Dengan terbukanya pamiran ini, dan dari saat ini bermula- a pula Suku Abad baru dan seterusnya abad-abad yang an datang perjuangan UMNO dan kebangsaan kita.

Lebih dahulu, saya inginlah mengucapkan terimakasih pada seluruh anggota parti kita yang datang dari segenap usuk tanahair menyaksikan pamiran ini.

Juga kepada Jawatankuasa Pamiran di bawah pimpinan ng Mulia Datuk Syed Nasir Alhaj yang telah berusaha erancang serta menyediakan segala persiapan mengenai miran ini.

Hasil pamiran yang disaksikan ini merupakan usaha yang alankan dalam tempoh yang singkat. Sudah tentu kita an dapat mengadakan pamiran yang lebih lengkap dan ggi mutunya kiranya perancangan ini dijalankan dalam mpoh yang agak lama.

Saya sifatkan pamiran ini amat bersejarah. Inilah pertama kali diadakan. Inilah juga permulaan kepada pelaksanaan konsep Party Government iaitu pergabungan dari alat-alat jentera parti dan Kerajaan dalam melaksanakan dasar pemerintah untuk faedah rakyat yang diperintah.

Oleh sebab pamiran ini berupa satu sejarah, sudah tentulah seluruh ahli UMNO yang beratus-ratus ribu jumlahnya dan penyokong-penyokong kita menumpukan perhatian kepada pamiran ini dengan penuh minat. Mereka tentulah juga merasa bangga kerana mendapat ilham bagi meneruskan perjuangan masa depan demi kepentingan bangsa dan negara.

Dalam saat-saat ini, dalam waktu kita merasa gembira dengan kejayaan yang kita capai sebagai parti pemerintah marilah kita mengheningkan fikiran, mengenang kembali tempoh perjuangan suku abad yang lampau dan sebelumnya.

Kita ingatkan pahlawan-pahlawan dan pejuang-pejuang kebangsaan — tokoh-tokoh kerdil dan besar, di desa dan di kota yang telah mengorbankan fikiran, tenaga dan masa untuk perjuangan kemerdekaan.

Secara adil, dan dengan pemikiran yang luas, kita patut mengenangkan bukan sahaja tokoh-tokoh yang berjuang dalam parti, yang masih hidup dan gugur tetapi setiap mereka yang telah memberikan sumbangan besar dan kecil kepada kepentingan dan keagungan bangsa Melayu.

Perjuangan kita dalam tempoh suku abad yang lalu, pada hakikatnya adalah sambungan dari perjuangan di abad-abad yang lalu. Perjuangan kita, mulai saat ini adalah sambungan dari suku abad yang lalu.

Saya kira, perjuangan sesuatu bangsa tidak ada batasan terakhir. Dayuslah kita, kalau perjuangan terhenti setakat mencapai kemerdekaan. Perjuangan tetap diteruskan.

Yang patut saya tegaskan di sini ialah bahawa konsep perjuangan itu, terpaksa disesuaikan dengan kenyataan politik dan aliran masa.

seperti yang telah disebutkan tadi, pamiran ini menggambarkan secara objektif usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Parti Perikatan yang di dalamnya UMNO sebagai anggota terkanan di masa yang lepas.

Ini juga menggambarkan keazaman Kerajaan serta UMNO untuk menghasilkan usaha-usaha yang lebih berkesan demi kepentingan rakyat.

Ini adalah bukti yang nyata bagaimana UMNO serta rakan perjuangannya MCA dan MIC bekerjasama membentuk dasar Kerajaan yang meliputi semua lapangan dan bidang.

Dasar itu pula dirancangkan dalam projek-projek tertentu dilaksanakan.

Akhirnya, bagaimana pelaksanaan dasar itu berjalan hingga memberikan faedah dan nikmat kepada rakyat.

Ini adalah hendaknya kepada setiap orang yang menyaksikan pamiran ini untuk mengukur setakat mana kemajuan-kemajuan yang telah dicapai, dan apa pula yang masih belum dilaksanakan.

Kita tidak mahu lari dari hakikat bahawa dalam mana-mana negara, maju dan membangun tentu terdapat jurang antara apa yang dijanjikan dan hasil pelaksanaan dasar.

Sempena pamiran ini, marilah kita berikrar berusaha terus, menggembelingkan tenaga supaya tidak ada gap antara promise dan performance itu.

Dalam menghadapi rakyat serta memenuhi kehendak-hendak mereka, setiap ahli UMNO khasnya pemimpin-pemimpin itu mempunyai sikap yang dinamis, dan jiwa perjuangan. Jangan diri saudara sebagai alat parti dan Kerajaan. Kita tidak patut lagi menjadi satu kumpulan yang lemah — a group of apologist.

Mengambil kesempatan ini sukalah saya menggariskan secara kasar dan secara ringkas tugas-tugas dan peranan UMNO dalam tahun tujuh puluhan ini.

Politik di Malaysia akan menjadi lebih kompleks lagi dengan ramainya orang-orang muda jenerasi baru ini mempunyai hak-hak mengundi. Hak yang diberikan kepada mereka itu adalah sesuai dengan konsep demokrasi dan mustahaklah bagi UMNO mengetahui dan menyesuaikan perjalanan politiknya dari semua peringkat dan mengetahui akan kehendak-kehendak jenerasi itu.

Golongan ini adalah golongan terpelajar dan mempunyai sikap yang tersendiri. Mereka juga adalah golongan yang tidak sabar menunggu perubahan. Jenerasi ini juga akan dapat mempengaruhi aliran perjuangan politik apakala golongan tua memberi peluang kepada mereka menjalankan peranan secara tegas.

Kenyataan politik itu haruslah diperhitungkan pada setiap masa.

Issue-issue politik akan banyak berkisar kepada pelaksanaan dasar Kerajaan dan kemampuannya untuk memenuhi kehendak rakyat yang makin bertambah.

Oleh yang demikian, untuk menghadapi kenyataan itu, parti dan kerajaan selain dari menjalankan apa yang disifatkan politik praktikal, patut sentiasa memandang jauh ke hadapan dan merancang kerja-kerja yang memberikan kesan luas kepada rakyat di masa depan.

Jentera parti dan organisasinya digerakkan pada setiap masa. Di kawasan-kawasan desa, alat-alat kerajaan dibawa kepada rakyat dengan menggalakkan kakitangan kerajaan melawat kampung-kampung untuk membantu menyelesaikan masalah mereka.

Tokoh-tokoh yang memimpin parti terutama di peringkat nasional mustahak mempunyai sifat-sifat sanggup berkorban dan menjadikan politik satu profession.

Parti kita juga akan menghadapi masalah menentukan pemimpin. Sebaik-baiknya, pimpinan parti terutama di peringkat bawah hendaklah dari golongan yang benar-benar layak, jujur, berjasa dan diterima oleh rakyat terbanyak.

Yang terpenting dalam konteks politik di masa depan ialah setiap pemimpin harus dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat multi-racial di negeri ini.

Dalam hubungan UMNO dengan parti-parti rakan seperjuangan — MCA dan MIC, saya berpendapat bahawa semua soal-soal basic hendaklah diselesaikan secara berkesan dan perbincangan yang berterus terang.

Bagi UMNO juga, yang paling penting ialah menentukan objektif kita dari masa ke semasa. Dan mengarahkan kekuatan parti ke arah matlamat itu.

Suka saya menyebutkan bahawa perjuangan sesebuah parti politik yang memerintah mempunyai batasan apabila rakyat tidak menghendakinya lagi.

Bagi Parti Perikatan dan UMNO sebagai tulang belakangnya bolehlah kita berbangga bahawa pada keseluruhannya kita masih lagi menjadi parti yang popular dan didukung oleh rakyat. Tidak banyak negeri-negeri yang membangun yang dapat mengekalkan kekuasaan parti di samping mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi.

Sebagai penutup, saya sukalah menyatakan bahawa pameran ini dan Perhimpunan Agung Khas yang akan kita hadiri petang ini merupakan kemuncak dari siri Perayaan Suku Abad UMNO di seluruh negeri.

Oleh sebab inilah pertama kali saya diberikan keistimewaan setinggi ini oleh parti setelah dilantik menjadi Timbalan Yang Dipertua Agung UMNO, saya mengucapkan terimakasih kepada YAB Tun Abdul Razak atas kepercayaannya melakukan suatu upacara yang bakal tercatat dalam sejarah perjuangan kita. Terimakasih saya juga kepada semua ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.

Saya berseru supaya menjadikan pameran ini sebagai satu inspirasi, satu kebanggaan atas hasil-hasil usaha kita.

Kita memasuki satu suku abad baru, yang bakal meninggalkan politik survival untuk memasuki babak baru yang penuh harapan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka PAMIR-
AN SUKU ABAD UMNO MALAYSIA.

(D
Ta
ba

PERANAN BELIA
DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Diucapkan di Upacara Pembukaan Mesyuarat Agung
ahunan dan Seminar MAYC di Dewan Universiti Ke-
angsaan, pada 9hb. April 1971)

SAYA berasa gembira kerana hadir dalam Majlis ini. Oleh kerana itu, saya mengucapkan terimakasih kepada Yang Dipertua dan Jawatankuasa Kebangsaan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia kerana telah memberi kehormatan kepada saya pada petang ini untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MAYC bagi tahun 1971.

Bila saya menerima jemputan membuka Mesyuarat Agung MAYC ini, saya segera memberikan keputusan bersetuju. Apa yang terlintas pada fikiran saya pada waktu itu ialah saya akan berpeluang menghadapi satu golongan muda, satu golongan masyarakat yang penuh semangat, satu golongan multi-racial yang ingin kepada pimpinan dinamis dan bimbingan yang membina.

Golongan saudaralah yang menjadi asas kepada satu jenerasi baru Malaysia 20 atau 30 tahun lagi. Dan golongan inilah juga yang sebenarnya menjadi harta dan mewarisi kemakmuran negara Malaysia di masa akan datang.

Petang ini, saya hadir bersama saudara-saudara dan berucap kepada jenerasi baru dengan harapan supaya pengalaman-pengalaman jenerasi saya akan menjadi panduan dan dorongan besar kepada jenerasi depan.

Beberapa hari yang lepas saya telah menyatakan kepada pelajar-pelajar di Johor Baharu bahawa peranan pelajar-pelajar secara membina dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia yang pernah menjadi tanah jajahan

ritish hendaklah disesuaikan dengan semua aspek sejarah-
ra.

Peranan belia pula bukan setakat menyesuaikan diri dengan
jarah tetapi lebih dari itu. Pemuda-pemuda atau belia ada-
h pencipta sejarah satu faktor yang mempengaruhi per-
embangan masa. Saya ingin bahkan saya cabar belia-belia
Malaysia sekarang memainkan peranan ini. Belia-belia atau
pemuda jenerasi saya telah mengambil peranan besar dalam
menyatukan rakyat dan mencapai kemerdekaan negara. Pe-
ringkat ini telah berakhir. Diikuti dengan peringkat mengisi
kemerdekaan sesuai dengan aspirasi nasional. Peringkat ini
sudah berjalan dan masih berjalan.

Jenerasi saya telah membuka jalan yang luas kepada
jenerasi saudara-saudara.

Sekarang kita memasuki peringkat baru tahun tujuh puluh-
an dengan matlamat dan azam baru.

Peranan saudara-saudara kaum belia pada peringkat ini
pada masa depan ialah: —

Pertama: membantu dan berusaha menyusun semula
masyarakat Malaysia atas sendi yang kukuh
supaya keadilan tercapai dan tercipta negara
yang bersatupadu;

Kedua: mewujudkan perpaduan menerusi persefahaman-
an berdasarkan kepada Rukunegara;

Ketiga: menjayakan dasar ekonomi baru kerana inilah
yang menentukan nasib negara di masa depan.

Dalam hubungan ini belia-belia juga akan berusaha meng-
hapuskan batas-batas perkauman yang wujud disebabkan
oleh perbezaan keturunan dan kedudukan ekonomi yang tidak
seimbang.

Saya menyeru supaya tenaga-tenaga belia dipusatkan ke
arah ini dan untuk menuju matlamat ini. Kalau di masa yang
dahulu ibubapa kita dari keturunan Melayu dan yang bukan
Melayu hidup berjauhan tetapi sekarang golongan-golongan
belia telah dapat memperdekatkan jurang ini dan memulakan

penghidupan sebagai satu golongan baru yang mempunyai konsep hidup, cara pemikiran yang sama.

Adalah mustahak bagi belia-belia memahami sejarah dan mengambil ajaran darinya. Adalah perlu juga memperhitungkan keadaan masa.

Di negeri-negeri Barat (in developed countries) telah banyak diperkatakan masalah 'generation gap' atau jurang jenerasi yang memisahkan antara golongan tua dan muda. Golongan tua terlalu terlibat dengan urusan-urusan mereka hinggalah tidak ada perhubungan dengan golongan muda. Golongan muda pula merasakan bahawa semuanya siap untuk mereka, dengan itu tidak ada challenge untuk hidup.

Di negara-negara membangun kita menghadapi segala bentuk cabaran dan dengan itu tidak perlu bagi belia-belia kita meniru bulat-bulat akan tingkah-laku atau perangai belia-belia Barat.

Generation gap ini dari segi perbezaan umur wujud di negeri ini tetapi di dalam cita-cita membina negara, dalam konteks political life kita jenerasi gap ini tidak serius. Selangkah demi selangkah, Kerajaan telah menitikberatkan penyertaan belia-belia atau orang-orang muda dalam semua lapangan dan bidang. Bukti yang jelas ialah bilangan orang-orang muda yang mempunyai fikiran-fikiran baru telah banyak dibawa ke dalam peringkat atasan bahkan Kabinet.

Pada masa ini kedapatan golongan para Menteri terdiri di antara umur 45 tahun hingga 55 tahun. Umur saya sendiri boleh jadi lanjut, tetapi dari pembawaan saya dan konsep saya, saya boleh menyatakan saya muda, kalau tidak pun lebih muda daripada saudara-saudara sekalian.

Kerajaan juga telah membentuk Kementerian belia satu bukti bagaimana pentingnya kedudukan belia ini.

Kerajaan juga telah mengadakan beberapa rancangan latihan untuk belia, mengadakan rancangan tanah dan lain-lain. Semuanya ini dibuat kerana Kerajaan memandang dengan

penuh harapan bukan sahaja untuk menyediakan kesempatan-kesempatan untuk belia-belia, guna memberikan sumbangan kepada negara Malaysia tetapi juga untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di dalam masyarakat kita disebabkan oleh bilangan belia-belia yang kian meningkat.

Bercakap mengenai masalah pemuda atau belia ini, saya sukalah menyatakan untuk perhatian dan pertimbangan bersama.

Dari perangkaan-perangkaan yang terbaharu, dari jumlah penduduk kita yang lebih sedikit sembilan juta di Malaysia Barat, bilangan belia-belia dalam lingkungan umur saudara-saudara iaitu dari 20 tahun hingga umur 35 tahun adalah berjumlah 20% daripada bilangan penduduk atau 1.8 juta. Bilangan antara umur 15 tahun hingga 30 tahun adalah kira-kira 2.2 juta. Akan tetapi dari jumlah yang pertama, bilangan orang yang menganggur di kawasan bandar seramai 80,700 orang, kira-kira 41% atau 33,700 orang.

Bilangan itu terdiri daripada belia yang dalam lingkungan umur yang saya katakan itu.

Di kawasan luar bandar pula, dari jumlah 96,000 orang yang menganggur, kira-kira 35,700 orang atau 37.2% dari golongan antara 20 tahun hingga 35 tahun.

Di samping soal pengangguran, timbul pula masalah pimpinan. Belia-belia di bandar apatah lagi di luar bandar, kekurangan kemudahan-kemudahan, kekurangan buah fikiran, serba serbi untuk membolehkan mereka menjadi anggota masyarakat yang productive dan effective.

Ini bererti bahawa masalah belia adalah satu hal yang sangat penting dan serius. Yang demikian, penyelesaian kepada masalah ini memerlukan pemikiran yang serius, rancangan yang tegas, membina serta bersifat jangka pendek dan panjang.

Mengingat akan hal ini, menimbangkan pula persoalan yang kita hadapi di masa sekarang dan masa depan, Kerajaan sedang menimbangkan beberapa langkah. Pertimbangan ini

Secara ringkas ialah menggembelikan tenaga belia ke dalam satu gerakan untuk berkhidmat kepada negara dengan cara yang teratur dan tersusun. Projek ini, sedang dirancangkan oleh Unit Perancang Am dan juga Kementerian Belia sendiri.

Hampir-hampir setahun dulu, dan upacara yang sama, T. T. AB Tun Abdul Razak telah mengumumkan hasrat Kerajaan menubuhkan badan-badan penasihat belia di peringkat daerah, negeri dan Federal. Tujuannya ialah untuk menasihati dan memberi panduan supaya rancangan-rancangan belia dapat diperluas dan dijalankan dengan lebih rapi.

Badan-badan seperti ini secara tidak rasmi telahpun ada, tetapi mengambil peluang ini sukacitalah saya mengumumkan keputusan Kerajaan bersetuju dengan penubuhan National Youth Consultative Council atau Majlis Perunding Belia kebangsaan.

Satu Konvensyen menubuhkan NYCC ini akan diadakan dalam bulan depan. Sungguhpun pada mulanya difikirkan inisiatif menubuhkan Majlis ini diambil oleh Kerajaan, tetapi sekarang tugas itu telah diserahkan kepada MYC — Malaysian Youth Council. Bilangan anggota perwakilan belia dalam Majlis ini adalah melebihi wakil Kerajaan. Dengan itu, teralahlah kepada MYC untuk menentukan bentuk perwakilannya. Bagi pihak Kerajaan saya suka memberi jaminan bahawa ia akan memberikan sesuatu yang boleh memperkukuhkan kedudukan itu. Keputusan ini juga merupakan satu pengiktirafan terhadap kekuatan belia — a recognition of youth power.

Menerusi Majlis itu kelak akan terdapat satu jentera yang menjamin dialog terus-menerus antara pertubuhan-pertubuhan belia di satu pihak dengan wakil-wakil Kerajaan di satu pihak yang lain.

Hasil dari dialog itu pula akan dapat mengumpulkan pandangan-cadangan yang membina, langkah-langkah yang

konkrit yang boleh dijalankan demi kepentingan negara hasnya dan belia amnya.

Dengan itu saya menyeru bahkan mengharapkan pemimpin-pemimpin belia tampil ke hadapan mengadakan dialog, membincangkan secara practical dan intellectual masalah belia dengan harapan dapat memberi sumbangan terhadap goal ini.

Terlajak saya bercakap mengenai hal-hal lain dan sekarang saya ingin menumpukan pandangan terhadap MAYC.

Saya tertarik hati dengan konsep MAYC yang multi-racial dan terdapat pula perimbangan kerja antara urban dan rural sectors. Juga saya tertarik hati dengan emphasis kerja MAYC terhadap Commercial orientation.

Kejayaan saudara-saudara membina sebuah bangunan yang indah untuk Commercial di samping memberikan community service adalah satu bukti nyata terhadap usaha-usaha ini.

Buku "Jayabelia" yang menggariskan aspek-aspek projek MAYC menggambarkan dengan jelas program kerja yang dijalankan oleh ahli-ahli. Ini satu hal yang membanggakan dan saya harap pertubuhan ini akan berjaya dalam cita-citanya.

Satu hal yang menarik perhatian saya oleh kerana diheboh-hebohkan dalam akhbar ialah soal pimpinan baru MAYC. Ketua MAYC yang ada sekarang Y.M. Tengku Abdullah sudah merasakan terlalu lama memimpin dan mungkin telah memasuki peringkat tua. Saya tahu dia ada nafsu, tetapi mungkin kurang tenaga lagi.

Ribut dalam akhbar ini tentang siapa yang akan jadi Presiden MAYC menggambarkan satu kelemahan tentang menyediakan calon-calon sesuai untuk menjadi pemimpin. Saya berharap sistem memilih pucuk pimpinan ini dibuat demikian rupa supaya sentiasa ada tokoh-tokoh yang mengambil alih pimpinan pada setiap masa yang diperlukan.

MAYC sebagai satu badan penghubung antara Kerajaan dengan belia-belia dan sekarang mempunyai kelab-kelab yang terbentuk di merata-rata tempat, patutlah berusaha mengadakan projek yang boleh memberikan kemudahan-kemudahan kepada belia-belia. Saya sedar bahawa untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini berkehendakkan punca-punca atau bantuan yang besar.

Saya faham Kementerian Belia sedang mengkaji aspek-aspek ini dengan harapan menyediakan satu rancangan tertentu untuk maksud tersebut.

Satu hal yang perlu juga saya suka kemukakan di sini ialah soal memberikan perkhidmatan kepada belia-belia yang menganggur. Khidmat yang saya maksudkan di sini bukanlah semata-mata memberikan bantuan kewangan dan sebagainya tetapi dengan mengadakan satu perkhidmatan community service di mana tenaga-tenaga belia dikumpulkan menjalankan projek yang boleh memberi pendapatan. MAYC sebagai badan belia yang terkemuka patutlah memberikan bimbingan dalam aspek-aspek yang boleh menolong belia-belia itu.

Di negara kita ini terdapat banyak pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan belia yang mewakili heberapa kepentingan atau berdasarkan perkauman. Bahkan ada pula yang berdasarkan agama. Badan-badan ini juga ada yang bersifat kedaerahan dan juga yang bercorak nasional. Sekalipun badan-badan ini banyak tetapi hanya kira-kira 20% sahaja golongan belia yang memasuki pertubuhan belia. 80% masih belum ada minat untuk menyertai sebarang badan-badan tersebut.

Apa yang mendukacitakan saya ialah sikap sebahagian besar belia bukan Melayu terhadap sebarang pertubuhan belia negeri ini.

Mungkin mereka merasa konsep pertubuhan-pertubuhan belia tidak sesuai dengan aliran pemikiran mereka.

Youth Consultative Council ini kelak akan dapat mencari jalan menarik belia-belia ini menyertai badan-badan belia dan memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat.

Ada cadangan pada satu masa dahulu supaya satu langkah tegas diambil untuk menggalakkan badan-badan belia yang bukan bersifat nasional supaya membubarkan pertubuhan mereka dan ahli-ahlinya dimasukkan ke dalam badan-badan yang bercorak nasional sahaja.

Akan tetapi setelah difikirkan adalah baik dalam tempoh peralihan ini supaya badan-badan itu berjalan terus. Masanya akan tiba apabila suasana di sekeliling akan mengubah sikap dan dasar kegiatan badan-badan itu seperti halnya dengan parti-parti politik sekarang.

Apa yang saya harapkan kepada pertubuhan belia-sukarela supaya mengasuh ahli-ahlinya, memberikan jiwa dan semangat kasihkan negara dan berkhidmat kepadanya.

Apa yang dikehendaki dari badan-badan belia ini ialah menyediakan belia-belia yang berhaluan hidup — motivated youth — committed to the cause of nation building.

Kepada belia-belia Malaysia saya berseru dengan meminjam kata-kata mendiang Presiden Kennedy:

“Think not what the country can do for you but what you can do for your country”

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MAYC ini.

MENUJU MATLAMAT BARU DI LAPANGAN PERNIAGAN DAN PERUSAHAAN

Diucapkan di upacara Merasmikan Pembukaan Majlis Mesyuarat Agung Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu Malaysia yang Ke 11, di Johor Baharu pada hari Ahad 28hb. Mac, 1971)

PA
M
da
un
me
pe
Pe
ag
be
Ta
ke
be
me
an
ba
Ini
ber
me
pe
ber
sy
lah

PAGI ini saya berada di tengah-tengah ahli perniagaan Melayu. Saudara-saudara merupakan satu kumpulan penting dalam masyarakat yang bukan sahaja berusaha mencari keuntungan bagi faedah sendiri tetapi juga secara tidak langsung membantu membina ekonomi masyarakat dan negara.

Dengan kerana itu, saya amat sukacita dapat hadir dalam perjumpaan saudara-saudara pagi ini.

Telah menjadi tradisi Gabungan ini menjemput Timbalan Perdana Menteri untuk memberikan restu dalam persidangan pentingnya. Di masa-masa yang lepas kehormatan ini telah diberikan kepada YAB Perdana Menteri Tun Abdul Razak. Tahun ini keistimewaan itu diberikan pula kepada saya yang ebetulan menyandang jawatan itu. Saya merasa bangga berada bersama-sama saudara-saudara ini untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Dari satu segi ada manfaatnya seorang pemimpin Kebangsaan memberikan ucapan kepada ahli-ahli perniagaan. Ini ialah untuk memberi perangsang kepada mereka supaya bergiat dan berlumba-lumba dalam menjayakan perniagaan mereka.

Dari satu segi yang lain pula melihat dari pengalaman-pengalaman di negara-negara yang sudah maju jarang-jarang benar seorang pemimpin kebangsaan merasmikan satu mesyuarat agung yang seperti ini. Namun demikian, saya sukalah mengucapkan terimakasih kepada Yang Dipertua Ga-

gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu ini serta ahli-ahli Jawatankuasa yang telah menjemput saya membuka sidang ini.

Persidangan Gabungan yang ke 11 ini amat tepat pada masanya. Persidangan ini diadakan di tengah-tengah kesedaran ahli-ahli perniagaan Melayu khasnya bangun memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Juga untuk mendapatkan tempat yang wajar dalam ekonomi negara kita yang membangun ini.

Bidang ini juga diadakan setelah Kerajaan mengisytiharkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan mengseimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum-kaum, di samping menyusun semula masyarakat Malaysia khasnya orang-orang Melayu ke arah hidup moden dan taraf yang dihormati.

Saya sentiasa berpendapat bahawa Gabungan Dewan Perniagaan ini sangatlah mustahak, Ia mempunyai peranan besar dalam usaha membantu ahli-ahlinya dan juga Kerajaan membangun ekonomi rakyat dan negara. Ia bukan sahaja menyatukan badan-badan perniagaan tetapi juga untuk membulatkan kata sepakat menghadapi persaingan dan perlumbaan. Lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi masyarakat multi-racial seperti di Malaysia ini.

Gabungan Dewan Perniagaan Melayu patutlah dijadikan satu alat yang aktif sebagai penyelarasan dan juga untuk memberikan panduan serta nasihat-nasihat yang berguna kepada ahli-ahlinya dan Kerajaan.

Di masa-masa yang lepas Kerajaan telah berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan dan memberikan peluang-peluang kepada ahli-ahli perniagaan. Terpulanglah kepada mereka mengambil sepenuhnya peluang-peluang yang diberikan itu.

Saya merasa adalah menjadi tanggungjawab Gabungan ini mengarahkan ahli-ahlinya menyambut dan mempergunakan peluang-peluang tersebut serta melaksanakannya demi faedah perniagaan sendiri dan juga negara.

Saudara-saudara yang berhimpun di sini adalah terdiri dari ahli-ahli perniagaan besar dan kecil. Ada yang maju. Mungkin banyak yang masih "merangkak". Tentu ada pula yang sudah tenggelam timbul, tapi hidup kembali.

Saudara-saudara, saya sifatkan sebagai kumpulan pelupur perniagaan Melayu yang gigih. Sifat-sifat keberaniannya sama dengan atau mungkin lebih dari perwira-perwira kita yang berjuang di garisan hadapan.

Alam perniagaan adalah lapangan yang paling competitive. Peserta-peserta memerlukan kepintaran, kecerdasan fikiran, perhitungan dan cepat bertindak. Perniagaan juga tidak mengenal batas-batas persahabatan, rasa kasihan hatta bangsa dan warna kulit sekalipun. Tidak ada 'short cut' untuk menuju kejayaan dalam perniagaan.

Menghadapi lapangan ini ahli-ahli perniagaan Melayu yang maju seharusnya meluaskan scope aktiviti mereka supaya tidak membataskan kegiatan semata-mata dalam golongan, lingkungan orang-orang Melayu sahaja. Bagi yang lain pula, dalam keadaan sekarang di mana perlumbaan dan perimbangan di dalam perniagaan adalah kuat dan ketat ahli-ahli perniagaan harus pula tahu mencari jalan mendapatkan peluang-peluang perniagaan di mana persaingan tidak begitu kuat. Dengan ini akan dapatlah ahli-ahli perniagaan bernafas untuk meneruskan usaha dan cita-citanya.

Juga adalah bijak bagi ahli-ahli perniagaan kita menumpukan sepenuh masa terhadap membina perniagaan mereka itu serta mengurangkan campurtangan soal-soal lain.

Tujuan kita dalam perniagaan ialah untuk mengusaha dan memajukan perniagaan itu kepada peringkat yang paling maksima. Dengan ini sahajalah setiap ahli perniagaan boleh maju dan boleh menghadapi persaingan dari mana-mana lapangan juga.

Dalam masyarakat berbilang bangsa seperti Malaysia ini atutlah kita mencuba menjalankan perniagaan secara bersama dengan orang-orang bukan Melayu sekurang-kurangnya

nya dengan maksud hendak mengetahui selok-belok perniagaan itu.

Saudara-saudara yang telah memasuki alam perniagaan ini tentulah sedar akan hakikat ini. Tentulah sudah membulatkan minat dan hasrat ataupun psychological approach kepada lapangan tersebut. Dalam pada itu, mungkin ada orang memikirkan bahawa memasuki alam perniagaan ini semata-mata dengan menjadi seorang pengarah ataupun executive sahaja tanpa melibatkan diri dan bergiat mengetahui selok-belok perniagaan itu sendiri. Menjadi pengarah mungkin langkah pertama tetapi tidak semestinya menjadikan seorang itu ahli perniagaan yang benar-benar berjaya. Telah menjadi satu amalan setengah-setengah orang kita menjadi pengarah perniagaan yang tidak terpikul-pikul banyaknya.

Kepada orang-orang ini saya menyeru mereka mengkaji semula sikap ini dengan harapan ia tidak memberi gambaran tamak di kalangan bangsa sendiri ataupun supaya tidak dipandang rendah oleh orang lain.

Saya juga mengharapkan ahli-ahli perniagaan Melayu termasuk pengarah-pengarah badan perniagaan menjalankan sesuatu langkah yang bukan sahaja meninggikan tingkatan perniagaan mereka tetapi juga berhasrat supaya dengan berkembangnya perniagaan mereka itu akan dapat membantu ke arah:

Pertama: meluaskan peluang-peluang pekerjaan supaya mengurangkan pengangguran.

Kedua: mengseimbangkan pembahagian pekerja supaya benar-benar mencerminkan corak masyarakat berbilang-bilang bangsa.

Ketiga: membantu usaha penyusunan masyarakat supaya golongan belia diberikan galakan menjadi asas masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu untuk jenerasi masa depan.

Keempat: gunakanlah pengaruh dan kuasa yang ada di tangan kita terhadap sesuatu yang membina masyarakat.

Ekonomi Malaysia sedang berkembang. Perkembangan ini pasti memberi banyak peluang perniagaan kepada semua pihak, terutama sekali kepada golongan bumiputra.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua yang hampir siap disusun, butir-butir lengkap mengenai rancangan untuk mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru yang mencerminkan hasrat kerajaan akan dijelaskan.

Dalam hubungan ini, Kerajaan berazam bahawa kemiskinan mesti dihapuskan tanpa mengira bangsa. Juga Kerajaan berazam menyusun semula masyarakat untuk memperkuatkan perpaduan negara. Ini akan dijalankan melalui proses modernkan penghidupan desa, perkembangan ekonomi yang pesat di kawasan luar bandar dan mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu di semua bidang dan pada semua peringkat.

Mungkin faedah-faedah yang benar-benar daripada dasar ini hanya akan dikecapi oleh jenerasi yang akan datang. Namun demikian, sedikit sebanyak tentulah akan memberikan peluang-peluang kepada ahli-ahli perniagaan peringkat akar-akar seperti saudara-saudara sekalian.

Dengan itu saya menyeru supaya Gabungan mengadakan suatu program kerja yang tegas sejajar dengan rancangan pembangunan Malaysia Kedua. Juga hendaklah bekerjasama dengan perbadanan-perbadanan seperti Bank Bumiputra, Perbadanan Nasional, Mara dan lain-lain, agar melahirkan hasil-hasil yang baik-baiknya kepada ahli-ahli perniagaan kita.

Melihat kepada hasil-hasil yang telah dicapai oleh orang-orang Melayu di dalam bidang perdagangan dan perusahaan pada masa yang lepas, saya merasa puas hati dibandingkan dengan keadaan sebelum merdeka. Saya sedar bahawa perimbangan amat perlu di antara golongan-golongan kaum di negeri ini dalam pembahagian-pembahagian seperti lesen-lesen kenderaan dan lain-lain. Saya juga sedar bahawa dari

angka-angka yang telah dikeluarkan mengenai lesen-lesen teksi, lesen-lesen lori, sungguhpun orang-orang Melayu mendapat keutamaan tetapi masih kurang jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan kepada orang bukan Melayu. Hal ini saya harap akan dapat diperbaiki menerusi arahan-arahan yang tegas kepada pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya memperluaskan peluang-peluang mengeluarkan lesen tanpa merampas hak milik orang-orang yang telah mempunyainya.

Dalam penyertaan modal terutama sekali dalam syarikat-syarikat perintis, modal orang-orang Melayu masih jauh terkebelakang.

Dalam perusahaan pengilangan atau manufacturing menurut survey 1968, modal orang-orang Melayu hanya 5% sahaja sedangkan orang-orang bukan Melayu mempunyai kira-kira 80% daripada jumlah semua modal. Orang asing mempunyai 15%.

Dari jumlah syarikat perusahaan sebanyak 400, syarikat perusahaan orang-orang Melayu tidak pun sampai 10. Dan dari jumlah modal 152 perusahaan perintis yang didaftar, modal tempatan berjumlah \$178 juta dari jumlah \$428 juta. Orang-orang bukan Melayu mempunyai \$156 juta dan orang-orang Melayu mempunyai \$20 juta sahaja. Modal-modal orang Melayu dalam bidang perusahaan dan perniagaan, perombongan, perikanan dan lain-lain adalah jauh berkurangan.

Buat langkah permulaan adalah menjadi tujuan Kerajaan mempercepatkan penyertaan orang-orang Melayu dalam semua bidang perkembangan ekonomi supaya mencapai matlamat 20% hingga 30% dalam masa satu jenerasi — 20 atau 25 tahun akan datang.

Usaha penyelaras daripada rancangan ini sedang dikaji berpandukan kepada program kerja, antaranya:

Pertama: Menentukan kuasa dan mengumpulkan punca-punca ekonomi Kerajaan-kerjaan Negeri serta mendapatkan pembahagian yang sewajar bagi tanah-tanah kawasan per-

sahaan dan lain-lain. Juga mendapatkan Kerajaan Negeri menanam modal supaya bahagian penyertaan orang-orang Melayu bertambah luas.

Kedua: Mengadakan satu program mengumpulkan modal orang-orang Melayu dan menyelaraskan penggunaan wang-wang zakat Fitrah, syarikat-syarikat pemodalan dan lain-lain untuk membolehkan orang-orang Melayu mengambil bahagian dalam perniagaan.

Approach baharu yang praktikal bagi membantu orang-orang Melayu harus juga diadakan seperti memberikan nasihat-nasihat dan juga panduan kepada ahli-ahli perniagaan.

Ketiga: Mengkaji supaya Kerajaan menjamin pinjaman-pinjaman untuk modal orang Melayu daripada bank-bank perniagaan. Bank-bank perniagaan dalam negeri ini harus digalakkan untuk mengadakan modal yang cukup dan memberikan galakan kepada peniaga-peniaga Melayu. Soal mengadakan perkhidmatan penasihat bagi membantu ahli-ahli perniagaan dan perusahaan dalam soal pemasaran barang-barang, teknik-teknik perusahaan dan perkara-perkara penting akan juga dijalankan.

Keempat: Satu badan 'high-powered' nasional koordinasi perlu dibentuk guna mengkaji dan menentukan peluang-peluang yang besar kepada orang-orang Melayu.

Kelima: Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dikaji semula scope kerjanya untuk membolehkan membeli dan menguruskan estate-estate di samping membuka rancangan tanah baru.

Di samping mengseimbangkan pendapatan dan milik harta serta penguasaan kekayaan negara, Kerajaan adalah juga berusaha untuk mengadakan perimbangan ekonomi dan pembahagian kekayaan yang disesuaikan dengan hasrat untuk membina satu negara Malaysia yang aman dan makmur.

Perimbangan ekonomi dalam suasana ekonomi pembangunan dinamis diertikan kepada pembahagian keuntungan dan tanggungjawab dari pembangunan ekonomi negara.

Ini bererti rakyat yang kurang mendapat pembahagian pada masa yang lepas dalam bidang pembangunan ekonomi akan diberi jaminan serta peluang-peluang untuk mendapat hasil daripada rancangan pembangunan yang akan diadakan. Ini juga bererti bahawa rakyat yang miskin yang tinggal di desa akan diberikan latihan-latihan pekerjaan serta punca-punca pendapatan yang boleh mengatasi keadaan miskin dari keadaan ekonomi yang tidak adil itu. Langkah ini akan dipergiatkan sejajar dengan usaha mengubah identiti mereka dari 'rural identity' kepada 'urban identity'.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa perkembangan ekonomi pada masa yang akan datang samada pada peringkat negara ataupun individu tidak semata-mata berpandukan kepada mendapat keuntungan tetapi berdasarkan matlamat berpaduan dan keutuhan negara.

Tujuan kita dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membuat permulaan dalam usaha mengurangkan keadaan tidak seimbang dalam ekonomi kepada peringkat mencapai matlamat memberikan peluang-peluang yang sama kepada rakyat mengambil bahagian di dalam pembangunan ekonomi dan sosial; dan juga untuk membolehkan rakyat mendapatkan nikmat yang sama daripada hasil perkembangan itu.

Dalam negara yang membangun peluang-peluang yang lebih luas akan muncul. Untuk pembahagian yang adil dari peluang-peluang itu tidaklah mustahak merampas peluang-peluang yang telahpun dipunyai untuk diberikan kepada mereka yang tidak bernasib baik mendapat peluang-peluang itu. Ertinya tidaklah difikirkan perlu untuk mengambil hak-hak yang telah diberikan kepada orang-orang bukan Melayu dan diberikan pula kepada orang-orang Melayu.

Dengan demikian, mustahaklah Gabungan ini mencari dan membuka jalan-jalan baru itu untuk disalurkan pada ahli-ahlinya.

Dalam pada itu, satu perkara yang patut saya terangkan di sini berdasarkan pengalaman masa-masa yang lepas ialah pihak Kerajaan tidak dapat membuat sesuatu untuk mengawal kehendak-kehendak pembeli. Biasanya, bila membeli barang terutama sekali bagi orang-orang yang tidak mampu mereka membeli dari tempat-tempat yang difikirkan ia boleh mendapat nilai wang dengan sepenuh. Bagi ahli-ahli perniagaan Melayu patutlah mengerti keadaan hakikat ini dan mencuba mengadakan insentif dengan tujuan memenuhi kehendak-kehendak pembeli dan dengan itu dapat menjayakan perniagaan mereka.

Pada waktu ini masyarakat Melayu belum mempunyai masyarakat kelas menengah dan sehingga keadaan ini timbul dalam jenerasi yang akan datang, ahli-ahli perniagaan kita hendaklah memahami hakikat yang seperti ini.

Sebelum saya menutup ucapan saya ini sukalah saya menerangkan keputusan yang telah saya ambil supaya ahli-ahli perniagaan yang terkemuka terutama sekali mereka yang berkhidmat di dalam perbadanan-perbadanan akan diambil menjadi wakil atau pemerhati-pemerhati dalam persidangan ekonomi antarabangsa seperti ASEAN, ECAFE ataupun ADB dan lain-lain pada masa yang akan datang.

Saya tahu bahawa ahli-ahli perniagaan ini mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian. Ini akan kita lakukan sebaik-baik sahaja satu skim tertentu diadakan.

Akhirnya seperti yang telahpun diumumkan oleh Perubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, tahun tujuh puluhan ini merupakan decade pembangunan yang kedua atau Second Development Decade. Saya sukalah mengesyorkan kepada ahli-ahli perniagaan Melayu khasnya dan seluruh ahli-ahli perniagaan Malaysia amnya, supaya menjadikan tahun tujuh puluhan ini sebagai decade untuk kita menuju matlamat baru atau a decade for new direction di lapangan perniagaan dan perusahaan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan mesyuarat agung Gabungan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia yang kesebelas.

